

Jilid 1
Bil. 57



Hari Rabu
1hb Julai, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9225]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) [Ruangan 9309]

**Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan
Malaysia (Pindaan) [Ruangan 9325]**

UCAPAN PENANGGUHAN:

Peniaga-peniaga Video—Kesusahan, Y.B. Tuan Teoh Teik Huat [Ruangan 9382]

Kegagalan Perkhidmatan Pentadbiran—Y.B. Dr V. David [Ruangan 9388]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
 „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
 „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
 „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
 „ DR V. DAVID (Puchong).
 „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
 „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
 „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
 „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
 „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
 „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
 „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
 „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
 „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (asek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 1hb Julai, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANKADAR BAYARAN
ELEKTRIK DI HOTEL-HOTEL

1. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benar hotel-hotel di Semenanjung menikmati kadar bayaran elektrik yang khusus berbanding dengan Sabah dan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa kadar bayaran elektrik yang tinggi di Sabah adalah salah satu faktor menghalang integrasi nasional.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, memang ada perbezaan di dalam kadar tarif elektrik di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia kerana masing-masingnya mempunyai struktur tarif berasingan yang mencerminkan kos penjaanaan, penghantaran dan pengagihan di ketiga-tiga wilayah itu sendiri.

Kadar purata yang dibayar oleh pengguna-pengguna di ketiga-tiga wilayah itu masing-masing ialah 26.5 sen untuk Sabah, 30 sen untuk Sarawak, 19.33 sen untuk Semenanjung seunit. Dan pada awal

tahun 1986 untuk industri hotel dikurangkan 10% sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah. Perbezaan kadar tarif elektrik di ketiga-tiga wilayah tersebut pada anggapan Kementerian ini tidak menjadi penghalang kepada integrasi nasional kerana perbezaan hanyalah satu manifestasi ke atas perbezaan kos penjaanaan, penghantaran dan pengagihan di ketiga-tiga wilayah itu.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk menyeragamkan satu tarif pembayaran elektrik ke seluruh negara. Di samping itu terdapat juga di setengah-setengah tempat di Sabah di mana kos penjaanaan elektrik ini agak rendah terutamanya di Wilayah Persekutuan Labuan di mana ianya menggunakan gas, tetapi bayaran tarif masih lagi agak tinggi berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soal menyeragamkan di peringkat negara tidak mungkin dilakukan pada hari ini kerana kita menekankan keupayaan setiap entity ataupun Lembaga untuk menampung kos berdasarkan kepada pendapatan mereka sendiri, melainkan kalau sekiranya kita hendak mewujudkan satu pemikiran dan amalan subsidi untuk entity LLS (Lembaga Letrik Sabah). Jadi, sifat yang unik di Sabah ialah tidak adanya faedah daripada ekonomi bidangan berdasarkan kepada penjaanaan yang

berasingan jauh antara satu dengan yang lain dan penjanaan yang kecil. Sambil itu pula, dari segi sistem penghantaran agak tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh, itu sebab mengapa kos penjanaan dan penghantaran adalah tinggi. Oleh yang demikian, kita tidak dapat menyamakannya melainkan seperti yang saya katakan tadi satu terpaksa memberi subsidi kepada yang lain antara entity yang ada kaitannya dengan bekalan elektrik.

Yang keduanya, mengenai wujudnya perbezaan tarif antara tempat-tempat di Sabah, adalah benar di Labuan kos penjanaan adalah rendah dibandingkan dengan misalnya di sebelah barat dibandingkan dengan sebelah timur, ini merupakan sekali lagi tiadanya ekonomi bidangan yang dapat dirasakan di sebelah timur dibandingkan di sebelah barat dibandingkan dengan Labuan. Jadi, sebenarnya kita tidak dapat menurunkan tarif di Labuan supaya sekurang-kurangnya kutipan di Labuan itu dapat menampung kos yang tinggi di sebelah timur dan juga di sebelah barat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, kita di negeri Sarawak dan Sabah selalu diberitahu oleh pihak Kerajaan bahawa kos mengeluarkan elektrik di kedua-dua negeri itu adalah tinggi kerana turunnya harga tinggi minyak. Maka fuel variation factor juga ditambah ke atas tarif asal. Oleh kerana itu tarif elektrik di kedua-dua negeri ini adalah tinggi. Tetapi sekarang hidro-elektrik telah pun dijalankan, projek ini dilaksanakan di Lubok Antu, di Padang Air kerana kos masih tinggi oleh kerana baru-baru ini, tahun lepas sahaja tarif baru turun satu sen walaupun sekarang tidak menggunakan minyak lagi, menggunakan air hujan sahaja, mengapa begitu?

Yang keduanya di negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, pihak SESCO sudah menggajikan sebuah syarikat Kanada untuk mengkaji struktur tarif di negeri itu supaya mencari jalan bagaimana untuk menurunkan tarif elektrik dan soalan saya ialah apakah keputusan dan bilakah kita boleh dapat tahu secara umum keputusan daripada kajian ini? Dua soalan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, apabila harga minyak turun sewajarnya kos penjanaan turun, tetapi untuk negeri Sabah ingin saya sebutkan di sini pihak Kementerian tidak dapat menurunkan tarif kerana sejak Lembaga Letrik Sabah diambilalih pada tahun 1986 hutang yang terkumpul ialah lebih kurang \$188 juta, pinjaman yang masih belum dibayar ialah lebih kurang \$823 juta. Oleh yang demikian, Lembaga Letrik Sabah terpaksa mengutip tarif sekurang-kurangnya mengatasi beban yang wujud sekarang ini.

Mengenai negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, saya belum dapat lagi laporan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan apabila kami menerimanya akan kami maklumkan kepada Yang Berhormat.

SABAH BANK BHD.— PENGAMBILANALIH

2. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambilalih lebih kurang 60% saham pemilikan Sabah Bank Bhd. (SBB);
- (b) jumlah modal disalurkan ke SBB oleh BNM bagi maksud di (a); dan
- (c) sebab-sebab BNM mengambilalih SBB.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut kedudukan sekarang adalah wajar Bank Negara mengambilalih Sabah Bank Berhad. Walau bagaimanapun, setakat ini langkah untuk menyalurkan bantuan ke dalam Sabah Bank masih lagi dalam pertimbangan. Sabah Bank Berhad perlu menambahkan modal dibayarnya bagi memenuhi keperluan "dana" modal minimum dan nisbah kecukupan modalnya melalui keluaran saham hak kepada pemegang-pemegang saham.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara boleh membeli saham dalam mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia dengan tujuan untuk mengawal pengurusan dan operasi bank tersebut.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri berkenaan kriteria BNM untuk mengambilalih bank-bank institusi terutamanya SBB?

Yang kedua, apakah jumlah wang yang diseleweng atau hutang-hutang lapuk oleh pengarah-pengarah SBB dan ketiga, adakah satu laporan polis diadakan oleh pengarah-pengarah bank tersebut atau siasatan diambil oleh pihak Bank Negara supaya tindakan undang-undang akan diambil terhadap pengarah-pengarah yang menyeleweng wang tersebut?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebahagian besar soalan tambahan ini adalah luar dari soalan asal. Walau bagaimanapun, mengenai kriteria yang akan dipertimbangkan oleh Bank Negara untuk mengambilalih sesebuah bank, saya ingin menyatakan bahawa kriteria itu adalah banyak. Tidaklah dapat saya di sini menegaskan atau menyatakan semua kriteria yang mungkin ada di dalam Akta Bank yang tersebut.

Tuan Lim Guan Eng: Soalan kedua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, adakah laporan polis?

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*).

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan laporan polis, saya tidak dapat tahu. Kalau Yang Berhormat berkenaan hendak tahu, izinkan saya cek dahulu dan beri tahu.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar Sabah Bank Berhad hari ini mengalami kerugian terlalu besar berpunca dari kegiatan daripada Ahli-ahli politik Sabah yang juga jadi pengarah-pengarah Sabah Bank Berhad, dan jika benar, sebutkan nama-nama mereka.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengatakan bahawa soalan tambahan ini adalah luar dari soalan asal (*Disampuk*).

Dr Eng Seng Chai: Berkenaan Sabah Bank Berhad.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, nanti dahulu.

Tuan Loke Yuen Yow: Saya telah beritahu tadi.....

Dr Eng Seng Chai: Jangan selalu ini macam.

Tuan Loke Yuen Yow:Bank Negara kita mempunyai hak untuk membeli saham dalam mana-mana bank yang ditubuhkan di dalam negara kita ini. Mungkin Sabah Bank Berhad mengalami kerugian, kalau tidak Bank Negara mungkin tidak mengambil tindakan untuk membeli saham dalam bank yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengambil

perhatian bahawa satu kebiasaan untuk mengelak jawapan. Kalau tak boleh jawab, resign. Mahu master subject. Jangan main-main di Dewan ini (*Tepuk*). Ini Dewan yang serius. Kalau tak boleh jawab, resign.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Master the subject and come here and don't be a fool.

Dr Eng Seng Chai: Takut!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan buat begitu. Duduk! Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 3.

PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN KERJA

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja sehingga 30-5-1987 dengan memberi butir-butir industri yang terlibat dalam setiap industri dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pekerja yang telah diberhentikan kerja bagi tempoh 1-1-1983 sehingga 30-5-1987 ialah 95,929 orang. Butir-butir mengikut pecahan sektor dan industri adalah seperti berikut:

Sektor	Jumlah
1. Pertanian, Perhutanan dan Penangkapan Ikan	11,582
2. Perlombongan dan Kuari	14,931
3. Pembuatan	50,568
4. Pembinaan	3,091
5. Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran	11,045

6. Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	1,954
7. Kewangan, Insurans, Hartabenda dan Perkhidmatan Perniagaan	1,089
8. Perkhidmatan Masyarakat, Sosial dan Perseorangan	1,669

Mengenai langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini pula, sukacita dimaklumkan bahawa di antaranya ialah:

- (i) Sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diwujudkan. Jawatankuasa Kabinet ini telah mengenalpasti beberapa program seperti pembinaan rumah kos rendah, pemberian tanah bekas lombong bagi tujuan pertanian dan pemberian lesen penjaja kecil yang sedang dilaksanakan oleh agensi-agensy yang berkenaan.
- (ii) Sebuah pasukan petugas di peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Buruh telah juga diwujudkan untuk mengesan masalah pemberhentian kerja dan merumus langkah-langkah untuk mengatasinya. Bagi membantu pasukan petugas ini, tiap-tiap negeri juga telah menubuhkan pasukan petugas di peringkat negeri. Tugas utama pasukan ini ialah untuk menentukan projek-projek yang boleh dilaksanakan dalam bidang-bidang yang telah diperakui oleh Jawatankuasa Kabinet.
- (iii) Suatu program latihan semula untuk pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja telah juga dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Buruh dan juga Kementerian Belia dan Sukan.

Program latihan semula ini yang meliputi 29 jenis kemahiran bertujuan melengkapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran yang tertentu bagi membolehkan mereka mencari lain pekerjaan.

- (iv) Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Buruh melalui semua Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat juga menjalankan aktiviti-aktiviti mendaftarkan pencari-pencari kerja lain dan seterusnya mendapatkan pekerjaan untuk mereka. Mereka yang telah didaftarkan dan ditempatkan dalam berbagai-bagai jawatan termasuklah juga pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pasukan petugas yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi, saya ingin mendapat tahu sejauh mana pasukan petugas ini telah dapat bergerak dengan berkesan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang telah diberhentikan kerja.

Yang kedua, saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang apakah amalan-amalan yang telah digunakan ataupun yang dapat digunakan oleh Kementerian berkenaan untuk mengawasi pembuangan pekerja supaya memastikan bahawa pekerja tidak diberhentikan kerja atas alasan-alasan yang tidak munasabah oleh pihak majikan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahagian pertama soalan tambahan ini, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Jawatankuasa Petugas Khas ini sebenarnya tidak

berkuasa dan berupaya mewujudkan jawatan-jawatan kosong oleh kerana bukanlah pekerjaan itu boleh diwujudkan begitu sahaja.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Petugas Khas ini diwujudkan bagi menyelaraskan masalah-masalah yang berkaitan dengan pemberhentian kerja, masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja dan juga di peringkat negeri menyelaraskan program-program di peringkat negeri. Misalnya saya telah sebutkan di beberapa buah negeri ada menggalakkan penggunaan tanah-tanah bekas lombong untuk pertanian. Program ini kita kaji dan selaraskan supaya mereka lebih berkesan bagi mengatasi masalah ini.

Selain daripada itu Jawatankuasa Kecil daripada Jawatankuasa Petugas Khas ini, kita memerhatikan kedudukan kemudahan-kemudahan dalam sektor perladangan umpamanya perumahan, kemudahan asas—air, api dan sebagainya supaya lebih menarik kerja-kerja di ladang ini dan kalau boleh kita ingin tempatkan orang-orang yang diberhentikan kerja ini ke sektor perladangan, dengan kemudahan seperti itu. Dan kita monitor perkara ini supaya pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja ini dapat kita alihkan kepada sektor-sektor yang masih banyak peluang-peluang pekerjaan.

Bagi soalan kedua, berkenaan dengan pemberhentian pekerja, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum pemberhentian pekerja ini sebenarnya berkaitan dengan masalah pertumbuhan ekonomi negara yang mana oleh kerana dalam suasana kemelesetan ekonomi, banyak syarikat-syarikat dan perusahaan yang mengalami kesulitan kewangan akibat daripada permintaan yang berkurangan dan sebagainya dan sebab itu mereka tidak boleh lagi mengekalkan pekerja-pekerjanya seperti biasa. Dalam keadaan tertentu

banyak berlaku syarikat-syarikat ini terpaksa menutup syarikat mereka dan semua pekerja-pekerja mereka dibuang dan bukanlah sesuka hati mereka untuk membuang pekerja-pekerja mereka itu.

Pihak Kementerian Buruh melalui Jabatan Buruh sentiasa memerhatikan apabila pekerja-pekerja ini diberhentikan, kita mendapat laporan, kita akan menyoiasat sama ada faedah-faedah yang berkaitan telah dibayar, sama ada syarikat-syarikat ini benar-benar mengalami kesulitan kewangan sehingga perlu mereka membuang pekerja-pekerja mereka dan tindakan-tindakan ini semua diselaraskan oleh Kementerian Buruh melalui Jabatan yang saya sebutkan tadi.

PUSAT SNOOKER—ANCAMAN KEPADA MURID SEKOLAH

4. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian sedar beberapa Pusat-pusat Snooker telah dibenarkan berhampiran dengan sekolah-sekolah oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pusat-pusat ini telah mengancam mutu pelajaran beberapa banyak murid-murid di kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Apakah rational untuk membenarkan beberapa banyak Pusat-pusat Snooker tersebut, khasnya di kawasan-kawasan kediaman dan berhampiran dengan sekolah-sekolah. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh Dewan Bandaraya untuk mengelakkan penyelewengan yang boleh berlaku berkaitan dengan pemberian lesen-lesen tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, permainan snooker ini telah dapat diterima oleh umum sebagai kegiatan sukan dan riadah yang memerlukan kecekapan dan kepintaran seseorang. Di samping itu juga permainan

snooker ini boleh dianggap sebagai salah satu perjudian, sekiranya mereka berbuat pertaruhan dalam apa bentuk juga seperti mana permainan yang lain seperti bolasepak, badminton, pingpong, hoki dan sebagainya. Tegasnya ia adalah bergantung kepada tanggapan dan persepsi individu itu sendiri.

Sehingga kini Dewan Bandaraya telah mengeluarkan sebanyak 162 lesen pusat snooker di seluruh Wilayah Persekutuan. Pecahannya adalah seperti berikut:

(i) Pusat Bandar	59
(ii) Jalan Klang Lama ..	31
(iii) Setapak	6
(iv) Damansara/Taman Tun Dr Ismail	12
(v) Jinjang/Kepong	17
(vi) Cheras	37

Tuan Yang di-Pertua, dasar kelulusan bagi satu-satu pusat snooker itu hanya bergantung kepada kawasan-kawasan seperti berikut:

- (i) Sub-centre kawasan perdagangan untuk taman perumahan.
- (ii) Di kompleks-kompleks perniagaan dan membeli-belah.
- (iii) Jauh daripada sekolah-sekolah, pusat-pusat ibadat dan rumah-rumah kediaman.

Maka dalam hubungan ini merujuk kepada syarat-syarat perlesenan, tempat hiburan awam ada dinyatakan bahawa kanak-kanak sekolah atau belia di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan memasuki pusat-pusat snooker ini.

Selain daripada itu beberapa syarat lain yang dinyatakan ialah premises mestilah ditutup keseluruhannya dan berhawa dingin supaya tidak menimbulkan kacauganggu.

Kedua, perjudian adalah diharamkan.

Ketiga, tidak dibenarkan mengadakan aktiviti-aktiviti sampingan seperti kegiatan urut mengurut dan lain-lain.

Keempat, tidak dibenarkan menambah masa perniagaan seperti yang telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelakkan penyelewengan dan pelanggaran syarat perlesenan, pengawasan yang rapi telah dibuat bukan sahaja oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi juga oleh pihak Polis Di Raja Malaysia.

Selain daripada itu juga lesen-lesen hiburan bagi pusat snooker ini telah dikeluarkan tiap-tiap tiga bulan sekali bagi memudahkan pemeriksaan, penguatkuasaan dan pembatalan lesen dilaksanakan, sekiranya wujud penyelewengan di pusat-pusat snooker. Sehingga kini sebanyak 14 lesen pusat snooker telah digantung kerana melakukan kesalahan perlesenan serta mendapat halangan keselamatan dari pihak Polis.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah mengetatkan syarat-syarat pengeluaran lesen snooker termasuk cadangan menambahkan jumlah wang cagaran daripada \$1,000 kepada \$2,000.

Dewan Bandaraya juga telah meminta pihak Polis supaya menapis peribadi pemohon-pemohon sebelum lesen itu diluluskan. Ketika ini kajian juga sedang dijalankan ke atas jumlah pusat-pusat snooker yang telah diluluskan dan diberi lesen bagi tujuan menghadkan jumlah pusat-pusat snooker tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar walaupun tempat-tempat snooker itu diharamkan perjudian tetapi berlaku secara langsung atau tidak langsung di mana

pusat-pusat snooker ini diambil kesempatan oleh golongan tertentu dijadikan tempat-tempat perjudian dan apakah Kerajaan akan mempunyai satu dasar menghadkan pemberian lesen-lesen pusat snooker ini kerana walaupun kita mengatakan kita akan mengambil tindakan tegas, tetapi lazimnya sukar untuk kita menjalankan tindakan tegas, lebih-lebih lagi kalau ianya membabitkan anak-anak muda. Sebabnya, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada hemat saya sudah ada pusat-pusat snooker sekarang ini di mana kita lihat sampai larut malam anak-anak muda berhimpun dan ada motosikal-motosikal di hadapan pusat-pusat tersebut dan saya bimbang secara tak langsung juga ianya boleh membiakkan penagihan dadah kalau ia tidak dikawal dengan baik dan rapi.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat Kerajaan tidak terdapat sebarang perjudian yang berlaku seperti saya sebutkan itu hanya bergantung kepada persepsi seseorang dan jika Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengetahui kejadian itu, harap dapat diberitahu supaya tindakan tegas akan diambil oleh Dewan Bandaraya.

Selain daripada itu, mengenai dasar yang disebutkan, Kerajaan memang sudah mempunyai dasar dan syarat-syarat di mana had masa telah kita tetapkan di bawah Akta Hiburan dan selepas jam 12 malam pihak Polis Di Raja Malaysia akan mengambil tindakan.

Tuan S. S. Subramaniam: Saya ada dua soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu, pertamanya apakah tindakan secara detail yang sedang diambil oleh Dewan Bandaraya untuk mengelakkan pemuda di bawah umur 18 tahun bagi menggunakan pusat-pusat snooker itu dan kedua, saya ingin mendapat tahu juga bolehkah Dewan Bandaraya mengkaji

bagaimana kita boleh naikkan umur pengguna-pengguna snooker centre daripada 18 tahun ke 21 tahun.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memang sebilang masa terdapat penguatkuasaan Dewan Bandaraya untuk mengelakkan, membataskan atau mengharamkan budak-budak yang 18 tahun untuk memasuki pusat-pusat ini, dan jika terdapat maka lesen snooker akan dibatalkan oleh pihak Dewan Bandaraya.

Mengenai had umur daripada 18 tahun sehingga 21 tahun, Dewan Bandaraya akan mengkaji masalah ini.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN—JUMLAH KOS

5. Tuan Muhammad Yusof bin Haji Abd. Latif minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah masanya dijangka lebuhraya Gurun, Butterworth dan Changkat Jering akan dilaksanakan.

10. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab dan kesukaran yang melambatkan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan dan apakah langkah-langkah yang ingin diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi ini. Juga nyatakan jumlah kos yang terlibat dalam projek tersebut dan berapa besar bahagian kontrak yang diberi kepada pemborong-pemborong Malaysia.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan yang ke 10 bersama-sama dengan soalan ini iaitu soalan Ahli Yang Berhormat dari Rasah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, peraksanaan Lebuhraya Utara-Selatan dan juga sebahagian

Lebuhraya itu, iaitu dari Gurun ke Butterworth dan Butterworth ke Changkat Jering telah terlewat daripada yang dijadualkan oleh kerana beberapa sebab. Satu, di antaranya ialah mengenai perbezaan pendapat di antara Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan sebuah syarikat tempatan yang berjaya mendapatkan projek ini.

Mengenai unjuran lalulintas Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, traffic focus, oleh kerana terdapat perbezaan pendapat itu dan untuk memastikan unjuran lalulintas dengan lebih tepat lagi maka Kementerian saya telah memutuskan untuk diadakan pendapat yang ketiga mengenai perkara ini, dan di dalam hal ini Kerajaan telah melantik sebuah Firma Perunding British yang akan menjalankan kajian bebas mengenai lalulintas di Lebuhraya Utara Selatan. Juru perunding itu telah pun siap menjalankan kajiannya dan laporan mengenai kajian itu sedang diteliti oleh Kementerian Kerja Raya.

Satu lagi sebab penting mengapa Lebuhraya Utara-Selatan lewat dilaksanakan ialah kerana terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan dalam peruntukan-peruntukan Akta berkaitan yang sedia ada, seperti Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia 1980 dan Akta Jalan Persekutuan Pengurusan Persendirian 1984 yang tidak membolehkan pelaksanaan penswastaaan lebuhraya-lebuhraya dibuat dengan sempurna. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, tindakan untuk meminda Akta-akta tersebut sedang diambil dan telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada hari semalam. Dengan selesainya masalah-masalah yang disebutkan tadi, maka penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan akan dapat dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

Untuk makluman kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat, jumlah kos pembinaan bahagian-bahagian

Lebuhraya Utara-Selatan yang akan diswastakan itu adalah lebih kurang \$3.4 billion atau \$3,400 juta.

Kerajaan telah pun menawarkan projek penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan itu kepada sebuah syarikat tempatan dan di antara syarat yang dikenakan ke atas syarikat itu ialah menyediakan sekurang-kurangnya 30% keseluruhan kerja kepada kontraktor-kontraktor tempatan termasuk kontraktor-kontraktor bumiputera di dalam tanahair kita.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kenapakah kajian yang telah dibuat oleh pakar-pakar Kementerian sendiri mengenai anjuran lalulintas itu tidak dapat dipakai sehingga berlaku pertikaian dengan pihak kontraktor dan tidakkah Kerajaan boleh bertegas di dalam hal ini.

Kedua, Kerajaan terpaksa menggunakan pakar perunding daripada luar negeri dan tentunya membelanjakan wang yang banyak, berapakah perbelanjaan yang telah digunakan untuk pakar perunding?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang telah digunakan ialah sebanyak \$60,000. Mengapakah Kerajaan tidak menggunakan juru perunding di dalam tanahair kita? Sebab-sebabnya di antara semua juru perunding yang ada di dalam tanahair kita ada hubungan dengan rekabentuk yang telah dijalankan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia beberapa tahun yang lalu. Jadi, semua juru perunding yang sedia ada di dalam tanahair ini ada juga hubungan seperti itu. Saya tidak percaya mereka boleh memberi satu laporan yang munasabah kepada Kerajaan.

Yang kedua, satu bahagian yang memberi laporan kepada kami iaitu Bahagian Lembaga Lebuhraya

Malaysia bersama-sama dengan Jabatan Kerja Raya. Satu lagi ialah syarikat yang menawarkan projek. Untuk mendapat satu laporan yang lengkap dari kedua-dua laporan itu kita telah mengadakan satu syarikat daripada negeri Britain, sebab syarikat itu mempunyai banyak pengalaman-pengalaman dalam kerja-kerja seperti apa yang saya katakan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar bahawa kontraktor yang berjaya iaitu United Engineers sedang cuba untuk meminda syarat-syarat semacam kos yang asal yang meningkat daripada \$3.4 billion kepada \$4.7 billion dan juga tempoh konsessi untuk memungut tol daripada 25 tahun ke 30 tahun, jadi apakah pendirian Kerajaan?

Kedua, bolehkah satu jaminan dibuat bahawa Kerajaan tidak akan meningkatkan kos pembinaan lebuhraya ini khasnya tanpa membebankan Kerajaan dan rakyat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, anggaran belanjawan di atas projek ini telah ditetapkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia, pada mula-mulanya ialah \$4.5 billion, tetapi apabila kita menawarkan projek ini kepada 4 syarikat, tiap-tiap syarikat diikuti dengan rekabentuk setelah diberikan kepada mereka melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia yang telah menetapkan harga sekurang-kurangnya \$4.5 billion, tetapi mereka telah menghantar kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, dengan izin, alternative proposal.

Mengenai alternative proposal, dua syarikat yang kita terima iaitu satu United Engineers, satu lagi Pilecon. United Engineers telah menyebutkan harga iaitu \$3.5 billion dan Pilecon

telah memberi harga \$3.76 billion dan mereka berdua pun bersama-sama juga dalam menetapkan kos untuk menggunakan jalan iaitu tol. Syarikat yang pertama iaitu United Engineers telah meminta Kerajaan 7.5 sen pada 1 kilometer dan syarikat Pilecon telah meminta 7 sen 1 kilometer, tetapi kadar ini akan dinaikkan tiap-tiap tahun jadi 15%. Syarikat United Engineers telah minta 7.5 sen, dalam 15 tahun mereka akan menaikkan harganya sampai 30 sen 1 kilometer. Jadi, Kerajaan tidak mengikut dengan kedua-dua cadangan ini sebab itu kita minta syarikat itu mengurangkan tol mengikut permintaan daripada Kerajaan.

Pada masa sekarang harga yang kita tetapkan pada projek ini tidak bertukar lagi, jadi harga \$3.5 billion sudah tetap dan kutipan tol itu jikalau mereka kutip untuk 30 tahun dengan kadar yang dicadangkan oleh mereka, rakyat jelata mesti kena bayar 7.5 sen 1 kilometer, tetapi Kerajaan minta mereka untuk mengurangkan, ertinya sekurang-kurangnya 5½ sen atau 6 sen. Perkara ini adalah dalam perbincangan sekarang. Selepas ini sahajalah kita boleh menetapkan. Jikalau kita mengurangkan kadar tol ini, kita mesti beri dia lebih masa. Kerajaan belum mengambil keputusan itu. Mahukan kita ikut dengan 7.5 sen dan bagi dia 25 tahun, seperti apa permintaan daripada mereka atau mahukan kita kurangkan kadar tol itu dan beri dia lebih masa selama 5 tahun tetapi dengan tidak menukar kadar tawaran asal, iaitu \$3.5 ribu juta? Setelah mendapat jawapan untuk kedua-dua soalan itu baru kita membuat pertimbangan, tetapi Kementerian saya sudah ambil keputusan, iaitu kita tidak mahu 7.5 sen dikenakan ke atas rakyat jelata di dalam tanahair ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah Hasbuddin lebih murah?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Hasbuddin yang lebih murah. Hasbuddin kata dengan 3 billion ringgit dia boleh buat kerja. Tidak ada butir, tidak ada jaminan, tidak ada guarantee daripada bank, tidak menyebut nama-nama bank, kita tidak tahu siapa yang akan memberi pinjaman kepada beliau. Dia hantar kepada saya satu surat dengan dua muka sahaja, macam mana kita selesaikan satu projek berharga 3.5 billion ringgit dengan dua muka surat? Sebab itu sahajalah kita.

Seorang Ahli: (Bangun)

Dato' S. Samy Vellu: Saya boleh jawab sekejap, saya habiskan jawapan kepada Yang Berhormat dari Tanjong dahulu (*Ketawa*). Sebab itu jugalah, Tuan Yang di-Pertua, kita telah membatalkan atau kita tolakkan tawaran daripada beliau.

Dr Eng Seng Chai: (Menyampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat!

WANITA YANG DIPUKUL OLEH SUAMI—STATISTIK

6. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) statistik wanita yang telah dipukul oleh suami mereka tiap-tiap tahun dari tahun 1975 ke 1986;
- (b) berapa ramai suami-suami tersebut telah dihadapkan ke mahkamah kerana keganasan terhadap isteri mereka, berapa ramai didapati salah dan apakah hukuman berat sekali yang dikenakan bagi tiap-tiap tahun di antara 1975-1986; dan
- (c) apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan kejadian-kejadian begini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tibusan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana bertanya fasal hal ini. Mungkin ada bercadang untuk mendirikan rumahtangga (*Ketawa*).

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik wanita yang didakwa telah dipukul oleh suami mereka sejak tahun 1975 hingga 1986 ialah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes dilaporkan	Jumlah Kes di hadap ke Mahkamah
1975 ..	3	—
1976 ..	17	—
1977 ..	13	—
1978 ..	15	—
1979 ..	19	—
1980 ..	19	—
1981 ..	21	—
1982 ..	21	2
1983 ..	21	2
1984 ..	25	1
1985 ..	29	—
1986 ..	32	4
Jumlah ..	235	9

- (b) Sejak tahun 1975 hingga 1986 cuma 9 orang suami sahaja telah dihadapkan ke mahkamah kerana kes memukul isteri. Setakat ini hukuman yang paling berat pernah dijatuhkan oleh mahkamah atas kesalahan memukul isteri ialah penjara selama 3 tahun.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara mengenai pergaduhan suami isteri adalah sukar dikawal oleh Kerajaan (*Ketawa*). Walau bagaimanapun, sukalah saya mengambil peluang di sini menasihatkan pasangan suami isteri yang bergaduh supaya

tidak hilang fikiran dan tidak bertindak sesuka hati. Bagi bakal suami atau isteri dan juga pasangan yang telah berkahwin, saya suka menasihatkan supaya mereka mengikuti kursus-kursus perkahwinan yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu, termasuklah mungkin Yang Berhormat sendiri (*Ketawa*), supaya mereka memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam bentuk rumahtangga yang bahagia.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan yang saya dengar tadi saya berasa terkejut kes-kes suami menggunakan keganasan terhadap isteri, patut isteri adalah untuk dicintai (*Ketawa*), bukan dipukul. Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar kes-kes meningkat oleh kerana pihak Polis gagal mengambil tindakan yang sewajar, yang penuh terhadap aduan-aduan isteri-isteri itu?

Keduanya, oleh kerana kegagalan dari pihak Polis maka ianya menggalakkan suami menggunakan keganasan terhadap isteri, seperti baru-baru ini dalam pilihanraya kecil Gopeng, calon Barisan Nasional pun mempunyai rekod memukul isterinya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat jangan menyentuh perkara itu.

Tuan Hu Sepang: Itu calon, bukan ahli. Calon Barisan Nasional di Gopeng.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau tidak ada bukti, jangan menimbulkan perkara itu.

Tuan Hu Sepang: Ada berkaitan dengan soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Adakah Yang

Berhormat mempunyai bukti untuk itu? Kalau tidak, jangan menyebut.

Tuan Hu Sepang: Ya, sijil medical pun ada dari Universiti Hospital.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat! Sudah, duduk!

Tuan Hu Sepang: Soalan saya belum habis. Jadi adakah Timbalan Menteri bercadang mengarahkan pihak Polis di masa depan mengambil perhatian lebih berat terhadap aduan-aduan ataupun laporan-laporan dari isteri-isteri itu. Saya rasa adalah elok kalau pihak Polis boleh membuat demikian. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah mengarahkan pihak Polis membuat demikian supaya isteri-isteri boleh dapat lebih perlindungan dari suami-suami mereka yang berkelakuan seperti binatang haiwan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada statistik sejak 10 tahun kita lihat hanya 235 kes sahaja yang dilaporkan. Ini adalah satu perkara yang sukar untuk dipercayai kerana kita tahu insiden memukul isterinya mungkin berlaku tiap-tiap hari di seluruh negara (*Ketawa*), tetapi oleh kerana adat resam ketimuran, adat resam kita di Malaysia ini iaitu wanita terlalu taat kepada suami, kena pukul pun tak pernah dilaporkan dan ada juga mungkin ada isteri-isteri yang tidak tahu hak-hak mereka dari segi undang-undang.

Jadi kalau kita lihat pula kata Polis tak menjalankan kerja, setelah penat Polis mengambil tindakan untuk menerima laporan sebanyak 235, tetapi bila kita hendak ketengahkan, 9 sahaja yang setuju pergi ke mahkamah, yang lain hanya hendak selesai di belakang rumah. Jadi adakah ini menunjukkan bahawa Polis tak buat kerja. Kalau kita lihat kesemua yang dibawa ke mahkamah telah pun dihukum. Kalau semua yang

235 kes yang telah dilaporkan ke pihak Polis, Polis telah menjalankan kerja dan dibawa ke mahkamah mungkin ramai lagi yang dihukum. Jadi masalah kegagalan untuk Polis bertindak, saya ingat tidak timbul.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berterima kasih kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri kerana dia sangat fasih dalam perkara ini. Saya hendak bertanya apakah rancangan-rancangan yang akan diambil oleh pihak Kementerian supaya dapat mengurangkan kejadian-kejadian seperti ini. Adakah seminar-seminar atau publisiti-publisiti yang akan diadakan, satu kempen yang akan diadakan supaya dapat mengurangkan kejadian ini kerana seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sungguhpun kes-kes yang dilaporkan adalah sangat kurang, tetapi seperti kes rogol ada banyak kes yang berlaku tetapi tidak dilaporkan kepada Polis. Jadi mungkin itu satu peristiwa yang sangat pahit kepada banyak keluarga di negara ini.

Keduanya, kalau saya boleh bertanya juga selain daripada statistik wanita yang dipukul oleh suami, adakah berlakunya suami yang telah dipukul oleh isteri mereka. Kalau ada, bolehkah beri statistik yang berkenaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah hal rumahtangga ini, pihak polis hanya mengambil bahagian apabila berlakunya insiden dipukul. Untuk mendirikan rumahtangga, kita tahu seseorang itu mesti melalui satu jalinan hidup yang tertentu iaitu alam kanak-kanak sekolah bertanggungjawab. Apabila alam dewasa, ibubapa akan terpaksa menjaga, memberi nasihat. Kementerian-kementerian tertentu, badan-badan agama mesti memberi nasihat sebelum mereka kahwin dan setelah kahwin ialah keadaan

sekeliling. Jadi tidak boleh dibebankan hanya Kementerian Dalam Negeri untuk memberi kursus tentang rumahtangga ini.

Tentang hal statistik suami yang dipukul oleh isteri, oleh kerana tiada soalan yang ditulis di sini, saya tidak dapat memberikan butir-butir, mungkin dalam sesi yang akan datang, Yang Berhormat boleh bertanya dan saya boleh menjawab.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah benar kejadian suami memukul isteri ini adalah berpunca daripada kahwin palsu, iaitu kahwin di kampung dan apabila tiba ke bandar dipaksa menjadi pelacur. Apakah cara-cara untuk mengatasi masalah yang timbul dalam masyarakat kita seumpama itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah suami memukul isteri ini telah berlaku lama. Soal kahwin, jadikan isteri sebagai pelacur, itu perkara baru. Tetapi mungkin ini salah satu daripada sebab yang lebih ramai lagi suami memukul isteri. Tetapi banyak lagi sebab-sebab yang lain seperti masalah sosial di mana suami kaki minum, kaki judi, balik rumah mabuk, bila duit tiada minta pada isteri untuk gadai barang-barang, tidak beri, dipukul atau masalah perhubungan pertengkaran isu-isu tertentu, masalah anak-anak, masalah jiran, masalah mentua, masuk campur rumahtangga. Kita manusia ini kadang-kadang kuat bersabar macam wakil Sungai Petani. Tetapi ada juga setengah suami ini, orang kata "panas baran", mungkin Tuan Speaker tidak berapa faham (*Ketawa*), tidak boleh diusik sedikit dia akan melenting dan isteri menjadi mangsa.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, adakah di antara laporan yang ada dibuat, satu laporan oleh seorang isteri atas suaminya yang

menjadi seorang Senator UMNO, tidak payah beri nama, semua orang tahu. Orang ini ada memukul isteri, bukan pukul sahaja, bahkan menjual isterinya kepada pemimpin-pemimpin UMNO. Adakah dalam laporan yang ada dibuat kes itu. Jikalau ada, apakah tindakan yang telah diambil atas laporan itu (*Tepuk*).

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana laporan itu tidak ada pada saya, maka tidak adalah tindakan yang dibuat.

PETRONAS—KAJIAN SISMEK

7. **Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) selain dari kajian sismek oleh PETRONAS di perairan Kedah, apakah kemajuan yang dibuat oleh PETRONAS dalam usaha mencarigali bersama sebuah syarikat Amerika setelah menandatangani perjanjian beberapa bulan yang lalu; dan
- (b) difahamkan ada beberapa buah telaga minyak didapati di perairan Kedah, bilakah usaha-usaha PETRONAS untuk operasi hasil minyak di kawasan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS telah menandatangani surat hasrat bagi Blok PMI di luar pantai Kedah di Selat Melaka dengan satu Syarikat Usahasama SUN Malaysia Oil Company dan Shampelin Malaysia Incorporated pada 10hb Februari, 1987. Berikutan dari itu beberapa rundingan mengenai kontrak perkongsian pengeluaran telah diadakan dan adalah dijangka bahawa kontrak perkongsian pengeluaran akan ditandatangani pada penghujung tahun 1987. Setelah kontrak

ditandatangani, syarikat usahasama ini akan menggerudi sekurang-kurangnya 4 telaga explorasi di Blok PMI ini. Dalam hal ini PETRONAS Carigali Sdn Bhd telah diberi ekuiti sebanyak 15% di mana perbelanjaan penggerudian 4 telaga ini akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat usahasama tersebut.

Untuk menjawab soalan (b), adalah dimaklumkan bahawa Syarikat Mobil Malaysia pernah menggerudi 2 buah telaga dalam tahun 1972 dan 1974 di kawasan tersebut, tetapi keduanya didapati tidak mempunyai petroleum. Walau bagaimanapun, kajian sismek yang dijalankan oleh PETRONAS dalam tahun 1983 menunjukkan wujudnya beberapa struktur yang mengandungi hydrocarbon seperti yang terdapat di kawasan sebelah Indonesia. Penggerudian dijangkakan akan dimulakan dalam tahun 1988.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa adanya kemungkinan minyak di perairan negeri Kedah, saya ingin bertanya sama ada pihak PETRONAS atau pihak Kerajaan akan memberi royalti kepada negeri Kedah apabila minyak di perairan negeri itu dieksplorasikan pada masa depan. Sekiranya akan diberi, berapa banyakkah dari segi pembahagiannya?

Kedua, memandangkan bahawa di Blok PMI terdapat minyak petroleum, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk melindungi kawasan tersebut dari menjadi rebutan daripada negara-negara jiran?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, apabila eksplorasi telah dijalankan di PMI ini, seperti juga di negeri-negeri yang lain, Kedah akan diberi sebanyak 5% daripada hasil.

Untuk menjawab soal yang kedua, perairan di mana telaga ini telah didapati adalah dalam Perairan Malaysia dan tiada sesiapa pun yang boleh dapat mengambil hak kepada negeri kita Malaysia. Ini telah pun diakui oleh negara-negara jiran dan saya ingat tidak timbul sama sekali yang kawasan ini akan menjadi rebutan kepada negara-negara yang lain di masa akan datang.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dalam usaha mendapatkan minyak daripada telaga-telaga minyak di tempat yang disebutkan dalam soalan asal, berapakah anggaran keluaran tong minyak sehari apabila ia mula beroperasi.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, ini akan diketahui selepas penggerudian dibuat. Sebagaimana yang saya jelaskan dalam soalan asal ini, hanya letter of intent ataupun surat hasrat sahaja yang telah pun ditandatangani. Selepas surat ini sudah ditandatangani, maka syarikat itu akan membuat penyiasatan yang lanjut dan selepas itu barulah kita ketahui berapa banyakkah hasil dalam telaga itu.

TARAF KESIHATAN PERGIGIAN

8. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk meninggikan taraf kesihatan pergigian negara ini dengan cara memberikan perkhidmatan pergigian yang bermutu tinggi kepada seluruh rakyat terutama golongan kanak-kanak yang sedang membesar supaya rakyat dewasa akan datang mempunyai kesihatan mulut-30-in.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedang berusaha meninggikan lagi taraf kesihatan

pergigian rakyat negara ini dengan memberi perkhidmatan pergigian bermutu tinggi yang menitikberatkan pencegahan kepada seluruh rakyat, terutama sekali kepada kanak-kanak sekolah dan pra-sekolah serta ibu-ibu mengandung.

Di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:

- (i) perkhidmatan rawatan dan pencegahan pergigian disampaikan seluas-luasnya kepada seluruh rakyat melalui 1,155 buah klinik pergigian yang telah dibina di kawasan bandar dan luar bandar, serta 106 pasukan pergigian bergerak. Pada tahun 1986, 1.6 juta kanak-kanak dan 1.2 juta kes dewasa telah mendapat rawatan;
- (ii) 581 buah sekolah telah dilengkapi dengan klinik pergigian. Lainnya diberi perkhidmatan melalui klinik bergerak;
- (iii) perkhidmatan kepada kanak-kanak di tadika dan tabika telah dimulakan;
- (iv) pencampuran fluoride kepada bekalan air pada paras yang optimum untuk mencegah penyakit karies atau kerosakan gigi sedang dilaksanakan di seluruh negara. 61.6% penduduk sedang mendapat faedah dari rancangan ini; dan
- (v) Pendidikan Kesihatan Pergigian sedang dilaksanakan dengan giatnya dengan ditumpukan kepada golongan kanak-kanak.

Bahagian Pergigian Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi pelaksanaan program ini dan akan terus berusaha mengekalkan mutu perkhidmatan yang tinggi untuk faedah rakyat.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penerangan yang telah diberi, sejumlah 581 buah sekolah telah dilengkapi dengan klinik ataupun bilik perkhidmatan pergigian. Apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan, melengkapkan kesemua sekolah-sekolah dengan bilik-bilik perkhidmatan pergigian, dan kedua, adakah Kementerian bercadang untuk mengutamakan kepada sekolah-sekolah di luar bandar memandangkan anak-anak di luar bandar agak jahil dalam masalah kesihatan khususnya pergigian?

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah ada 1,155 buah klinik pergigian di sekolah-sekolah luar bandar lebih lagi, dan yang kedua, Kementerian Kesihatan sedang mengadakan program pendidikan mengenai kesihatan pergigian di sekolah-sekolah. Murid-murid sekolah juga dinasihatkan membersihkan gigi mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 66 adalah diberi di bawah ini).

GURU DALAM SKIM UTS

9. Tuan Joe Ojhi Supiring minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh mana telah Kementerian Pendidikan menyelesaikan masalah Guru-guru UTS di Sabah. Sebagai menyerapkan mereka sebagai guru dalam Status Kerajaan. (Status Guru Kerajaan);
- (b) adakah benar bahawa guru dalam skim UTS boleh diresapkan dalam Status Kerajaan sebagai yang

diperuntukkan dengan syarat seperti berikut:

- (i) harus mendapat kredit dalam Bahasa Malaysia;
- (ii) Pemegang Sijil Tingkatan Enam dan Graduan dimestikan untuk mendapatkan kelulusan Peperiksaan Kertas Am Kerajaan.

Jika betul benar apakah Kerajaan tidak dapat mengecualikan guru-guru yang sudah berkhidmat (mengajar) tidak kurang daripada 10 tahun daripada syarat-syarat ini dan membolehkan mereka secara langsung diresap atau diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebagai guru yang sah dalam Status Kerajaan; dan

- (c) adakah benar bahawa dalam Sistem Pelajaran Baru atau The New Education Policy guru tersebut adalah tidak layak mengajar Pelajaran ini.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengiktiraf bekas guru-guru UTS ini sebagai pegawai di dalam Perkhidmatan Pelajaran dengan adanya Pekeliling Perkhidmatan Pelajaran Bil. 12 Tahun 1979 yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1980. Selain daripada itu Kerajaan juga telah melonggarkan syarat-syarat perlantikan dan pengesahan jawatan bagi pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di dalam suratnya bil. JPA (S) 324/10/4/klt. 4 (16) bertarikh 6 September, 1986. Keputusan Kerajaan tersebut ialah melonggarkan syarat kepujian Bahasa Malaysia di peringkat jawatan guru-guru yang sedang berkhidmat sebelum 1hb. Ogos, 1986. Ini bermakna guru-guru berkenaan mempunyai lima kali peluang untuk mengambil peperiksaan Bahasa Malaysia tersebut.

Seharusnya dengan kelonggaran syarat Bahasa yang ada ini, guru-guru yang sedang berkhidmat boleh dilantik dan disahkan jawatan mereka.

Kerajaan tidak berhasrat melonggarkan lagi syarat-syarat perlantikan dan pengesahan dalam jawatan. Semua perlantikan dan pengesahan dalam jawatan adalah mengikut skim-skim yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Kementerian merasakan langkah-langkah yang perlu telah diambil untuk menolong guru-guru ini.

(Soalan No. 10. Sila lihat jawapan No. 5).

PENGANGGURAN

11. Dr Ting Chew Peh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah penganggur dan kadarnya pada tahun 1987 di negara ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah positif yang diambil, jika ada, untuk mengurangkan kesan pengangguran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor):

- (a) Adalah dijangka bahawa kadar pengangguran akan meningkat pada kira-kira 9.3% dalam tahun 1987 dan jumlah penganggur dianggarkan seramai lebih kurang setengah juta.
- (b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesan-kesan pengangguran telah pun diterangkan dalam jawapan kepada soalan yang serupa yang telah dijawab pada 29 Jun 1987. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk menjelaskannya lagi.

JALAN KAMPUNG DI SARAWAK

12. Tuan Dr Nicholas Munong Ibu minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) adakah Kerajaan menyimpan rekod jumlah batang jalan dan jumlah kilomernya jalan-jalan kampung yang siap dibina di Negeri Sarawak di bawah peruntukan projek kecil luar bandar;
- (ii) jika ada, berapa batang jalan kampung yang siap dibina di kawasan P. 168 Rajang di Sarawak dan namakan rumah panjang yang dapat keperluan asas itu dalam tahun 1980, 1981, 1982, 1983, 1984, 1985, 1986 dan namakan juga jalan kampung yang sudah dirancang dalam tahun 1987.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (i) Jalan-jalan kampung yang telah siap dibina di Negeri Sarawak melalui peruntukan projek kecil luar bandar adalah dianggarkan sepanjang 3,730 km. Pada tahun 1986 sebanyak 224 batang jalan telah dibina dengan meliputi sepanjang 382 km.
- (ii) Di kawasan P. 168 Rajang Sarawak, sejumlah 16 batang jalan-jalan kampung telah disiapkan. Antara rumah-rumah panjang yang mendapat kemudahan asas tersebut ialah Rumah Lambong, Tiau, Sagong, Alang, Ikaw, Tunku Rumah Kalong, Jeraman Stapang Oya serta juga kampung-kampung yang meliputi Tanjong Kunyit, Kanawit Road/Rumah Ikau, Sg. Duri, Tsung Sang Road Oya, Lane 7 Oya Road, 12 mile Oya Road, Bakong Oya

Kg. Igan dan SRK, Ulu During Kiba. Projek-projek yang dirancang untuk pelaksanaan dalam tahun 1987 terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu sehingga keadaan kewangan negara mengizinkan.

KERAJAAN FIJI— PENDIRIAN MALAYSIA

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia ke atas rampasan kuasa tentera yang berlaku di Fiji dan sama ada Kerajaan Malaysia menyetujui dengan tumpangnya sebuah Kerajaan yang dipilih secara demokrasi oleh pihak tentera di Fiji.

7-7-87

15. Tuan Hu Sepang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kriteria yang digunakan dalam mengiktirafkan Regim Suva di mana sebuah Kerajaan yang terpilih secara demokratik ditumbang menerusi rampasan kuasa tentera. Apakah Kementerian menyetujui dengan tumpangnya sebuah Kerajaan yang terpilih secara demokratik dan tempatnya diganti oleh sebuah diktatorship.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan serupa yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Hu Sepang pada 7-7-87.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai perhubungan persahabatan yang lama dan erat dengan Fiji, serta persamaan tertentu faktor politik berbilang kaum kedua-dua negara, Kerajaan memerhati dengan teliti terhadap perkembangan yang berlaku di Fiji. Kita berharap ia akan pulih semula dengan perdamaian yang berasaskan kepada kehendak dan harapan rakyat negara tersebut.

Malaysia juga berharap semua negara memahami keadaan rumit yang wujud di Fiji dan tidak menggunakan tekanan yang tidak sepatutnya ke atas negara itu untuk mempengaruhi usaha-usaha yang sedang dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Kerajaan tidak mahu mengaitkan Malaysia dengan sebarang tindakan kekerasan terhadap Kerajaan yang dipilih mengikut prinsip demokrasi. Dalam konteks Fiji kita patut memahami bahawa krisis perasaan tidak puas hati dan bimbang di kalangan rakyat negara tersebut telah mengakibatkan rampasan kuasa tentera berlaku baru-baru ini.

PELABUR ASING—KEYAKINAN

14. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah keyakinan pelabur asing terhadap iklim ekonomi negara berdasarkan:

- (a) jumlah pelabur-pelabur asing dan wang pelaburan mereka melabur di negara ini semenjak tahun 1986;
- (b) dari negara manakah mereka itu; dan
- (c) bentuk dan jenis barangan pelaburan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Untuk makluman Yang Berhormat:

- (a) Jumlah projek perkilangan dengan penyertaan pelabur-pelabur asing yang diluluskan bagi tempoh Januari 1986-Mei 1987 ialah 355. Cadangan modal dibayar asing dalam projek-projek perkilangan tersebut bagi tempoh yang sama ialah \$771.3 juta.
- (b) Pelabur-pelabur asing ini adalah dari berbagai negara seperti

Australia, Belgium, Perancis, Holland, Hong Kong, India, Itali, Jepun, Korea Selatan, Singapura, Filipina, Sweden, Switzerland, Taiwan, Thailand, United Kingdom, Amerika Syarikat, German Barat dan Yugoslavia.

- (c) Projek-projek perkilangan ini terdiri dari berbagai jenis industri. Industri-industri utama yang mempunyai penyertaan pelabur-pelabur asing ialah pengilangan makanan, barang-barang berasaskan petroleum, barang-barang elektrik dan elektronik dan barang-barang plastik. Projek-projek ini menyumbangkan sebanyak \$550.3 juta atau 64.9 peratus daripada jumlah cadangan modal dibayar asing.

SKIM PEMBANGUNAN TANAH AWAM

15. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sejauh manakah matlamat Kerajaan untuk memperuntukkan lebih peluang kepada rakyat bukan Melayu yang miskin di skim-skim pembangunan tanah awam termasuk projek FELDA seperti yang tercatat dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah tercapai; dan
- (b) jumlah peluang dalam skim pembangunan tanah Kerajaan yang ditawarkan kepada bukan Bumiputera berbanding dengan peluang yang ditawarkan kepada Bumiputera.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sentiasa memberi

perhatian kepada semua lapisan masyarakat untuk menyertai rancangan pembangunannya di seluruh negara. Di dalam hubungan ini, peluang-peluang untuk menyertai skim-skim rancangan diberikan kepada rakyat yang bukan Melayu untuk menyertai rancangan termasuk rancangan FELDA dari semasa ke semasa mengikut keadaan tempat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31hb Mei, 1987, FELDA telah menempatkan seramai 103,144 keluarga peneroka di 274 rancangan. Pecahan keluarga peneroka yang berjaya ditempatkan mengikut kaum adalah seperti berikut:

<i>Kaum</i>	<i>Bilangan Keluarga Peneroka</i>
Melayu	100,043
Cina	1,296
India	1,549
Lain-lain	256
Jumlah ..	<u>103,144</u>

PERTUMBUHAN SEKTOR INDUSTRI

16. Dato' Dr Afifuddin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah kadar pertumbuhan sektor industri sebagai peraturan KDNK pada tahun 1986 dan jangkaan untuk tahun 1987. Dan dari angka-angka ini banyak manakah sumbangan dari sektor kecil elektronik. Adakah Kerajaan bercadang mengurangkan pergantungan pertumbuhan industri semata-mata kepada sektor-kecil elektronik. Apakah rancangan Kerajaan untuk memperseimbangkan pengeluaran barang-barang di dalam sektor kecil ini untuk menentukan terjalannya rangkaian yang lebih menguntungkan

seperti mengwujudkan atau memperbanyakkan bidang-bidang pengeluaran industri dan sumber elektronik selain daripada bergantung kepada pengeluaran chips semata-mata. Apakah masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha tempatan di dalam sektor elektronik memandangkan kecilnya bilangan mereka berbanding dengan pengusaha-pengusaha luar negeri.

Dato Kok Wee Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pertumbuhan sektor pengilangan pada tahun 1986 adalah sebanyak 6.8% dan dijangka berkembang pada tahun 1987 pada kadar 5.5%. Sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar pada tahun 1986 adalah 20.8%. Industri elektronik memainkan peranan penting dalam ekonomi negara ini dan telah menghasilkan jumlah keluaran sebanyak \$6.487 juta pada tahun 1986.

Kerajaan memang bercadang mengurangkan pergantungan pertumbuhan industri semata-mata kepada sektor kecil elektronik. Perancangan ke arah matlamat ini adalah sebagaimana yang dihuraikan di dalam Pelan Induk Perindustrian, di mana di samping menggalakkan sektor elektronik, Kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan lain-lain industri seperti industri berasaskan sumber asli.

Bagi memperseimbangkan pengeluaran barang-barang di dalam sektor kecil elektronik supaya tidak terlalu bergantung kepada pengeluaran "chips", Kerajaan telah pun mengambil langkah menggalakkan sub-sektor pengeluaran keluaran siap "consumer and industrial electronics" yang berteknologi tinggi melalui pemberian galakan yang menarik seperti galakan Taraf Perintis Istimewa (10 tahun) dan menentukan rangkaian (linkages) yang lebih berkesan lagi.

Masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha tempatan di dalam sektor elektronik adalah berhubung dengan teknologi dan pemasaran. Keluaran elektronik melibatkan penggunaan teknologi pengeluaran yang tinggi dan sentiasa mengalami perubahan ke tahap yang lebih maju dan ini agak sukar untuk diperolehi tanpa melibatkan R & D dan kos yang tinggi serta kerjasama dan bantuan pelabur-pelabur asing yang telah jauh lebih maju. Di samping itu keluaran industri ini memerlukan "large scale production" bagi membolehkannya berupaya bersaing di pasaran antarabangsa serta memerlukan rangkaian pasaran di peringkat antarabangsa seperti yang dimiliki oleh syarikat-syarikat "multinationals".

MALAYSIA FUND INCORPORATED—PENUBUHAN

17. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian dan Bank Negara sedar dorongan pertubuhan "Malaysia-USA Investment Fund" yang berjumlah US\$96 juta oleh Syarikat Arab Malaysian Merchant Bank Bhd. (AMMB) pada akhirnya akan menyulitkan sistem kewangan dan pasaran saham negara kita sebab pelaburan melalui "Malaysia-USA Investment Fund" dalam saham-saham yang disenaraikan bermaksud untung "capital-gain" dalam tempoh jangka pendek dan bukan jangka panjang. Sedarkah Menteri negara kita hari ini perlukan pelaburan-pelaburan tetap yang berjangka panjang untuk menjamin kestabilan dan kekukuhan sistem kewangan dan sistem ekonomi tempatan dan bukan pelaburan-pelaburan "spekulasi". Adakah Kementerian akan membenarkan pertubuhan "Malaysian Japan Investment Fund" dan "Malaysian Europe Investment Fund" oleh AMMB juga.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif utama penubuhan Malaysian Fund Incorporated ialah untuk mendapat keuntungan melalui pelaburan jangka panjang dalam syarikat-syarikat di Malaysia. Oleh itu dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa ianya bertujuan mendapat keuntungan (capital gain) dalam jangka pendek dan menyulitkan sistem kewangan dan pasaran saham negara kita adalah tidak tepat.

Di sebaliknya Kerajaan berpendapat penubuhan Malaysia Fund Incorporated akan membawa kebaikan dari segi menggalakkan pelaburan asing ke negara ini, memperluaskan lagi, dengan izin, "investment base" kita dan mempertingkatkan lagi keyakinan ke atas pasaran saham di Malaysia. Ini dengan secara tidak langsung akan memberi gambaran yang baik kepada suasana pelaburan di negara ini.

Pada masa sekarang Kerajaan sedang mengkaji permohonan untuk menubuhkan "Kumpulanwang Pelaburan" yang serupa, yang disenaraikan di pasaran saham negara-negara lain.

PROJEK LUAR BANDAR—PERUNTUKAN

18. **Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian ini akan mengkaji dan menyiasat projek-projek di luar bandar yang membazirkan wang negara, contohnya di kawasan saya Rantau Panjang telah dikenalpasti bahawa ada 3 projek bekalan air luar bandar terbengkalai sudah bertahun-tahun lamanya tidak dapat diguna, ditinggal begitu sahaja tanpa apa-apa faedah untuk rakyat.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Untuk makluman Yang Berhormat, KPMLB memang sentiasa mengawasi

dan mengkaji projek-projek luar bandar yang dibiayai dari peruntukan Kementerian ini, termasuklah projek-projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Walau bagaimanapun, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, Kementerian ini difahamkan memang pihak JKR Negeri ada melaksanakan projek bekalan air di kawasan Rantau Panjang iaitu penyambungan bekalan air dari projek Bekalan Air Pasir Mas Fasa I ke Rantau Panjang dengan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak \$3.6 juta.

Projek berkenaan telah dimulakan dalam tahun 1986 dengan pemberian kontrak kepada 3 kontraktor untuk sambungan paip, pembinaan tangki air dan stesyen "Booster".

Perlaksanaan projek-projek tersebut telah tergendala kerana ketiga-tiga kontraktor yang telah diberikan tugas-tugas berkenaan tidak dapat menyiapkan kerja-kerja itu. Pada masa sekarang projek tersebut telah pun hampir siap dan berada di peringkat ujian (testing). Projek ini dijangka siap dan beroperasi pada penghujung tahun 1987 ini.

TANGGAGAJI DOKTOR/ MAJISTRET—KAJIAN SEMULA

19. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Perdana Menteri menyatakan negara kita selalu kekurangan para doktor dan majistret akibat perletakan jawatan untuk menjalankan perniagaan sendiri yang memberi pendapatan yang lebih serta lumayan. Saya ingin tahu adakah Kerajaan akan mengkaji semula kedudukan tanggagaji serta lain-lain kemudahan kepada para doktor dan majistret agar negara tidak kekurangan dua profession ini. Dan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi kekurangan dalam jawatan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Kedudukan tanggagaji serta lain-lain kemudahan kepada pegawai-pegawai perubatan dan pegawai-pegawai perundangan Kerajaan pada masa ini adalah sebaik-baik yang termampu oleh Kerajaan. Perletakan jawatan bagi kedua-dua perkhidmatan professional berkenaan juga disebabkan oleh tarikan pasaran profession itu, tetapi sekarang telah menunjukkan kadar yang semakin menurun, khususnya bagi tempoh dari tahun 1983/1984 sehingga kini. Masalah kekurangan bilangan anggota kedua-dua perkhidmatan ini boleh diatasi dengan bekalan yang mencukupi dari kalangan graduan-graduan yang menamatkan pengajian dalam kedua-dua bidang tersebut.

SEKOLAH RENDAH KERAJAAN—PEMBINAAN

20. Tuan Michael Asang minta Menteri Pendidikan menyatakan kedudukan peruntukan bagi pembinaan beberapa buah Sekolah Rendah Kerajaan yang telah pun diluluskan di Kawasan Jambongan seperti SRK Kampong Padas Sg. Sibuga, SRK Rancangan Perumahan LPPB Batu 7, Jalan Labuk Sandakan dan SRK Abuan Sugut Daerah Beluran; bilakah peruntukan di atas dapat disediakan oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah meluluskan pembinaan sekolah rendah di Rancangan Perumahan LPPB Batu 7, Jalan Labuk, Sandakan. Tawaran untuk membina sekolah ini dijangka akan dikeluarkan tidak lama lagi. Pembinaan SRK Kampong Padas Sg. Sibuga dan SRK Abuan Sugut di Daerah Beluran terpaksa ditangguhkan kerana kekurangan peruntukan.

PEGAWAI KANAN LEMBAGA LETRIK SABAH

21. **Tuan Bernard Giluk Dompok** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sebilangan besar pegawai-pegawai kanan termasuk jurutera-jurutera letrik yang bukan penduduk-penduduk tempatan di Lembaga Letrik Sabah dan perkara ini telah menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan rakyat Sabah kerana ramai lagi pemegang-pemegang ijazah tempatan yang masih menganggur.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Kedudukan pegawai-pegawai kanan di Lembaga Letrik Sabah sebenarnya tidaklah seburuk mana yang dinyatakan kerana pada masa ini ada 118 orang pegawai kanan di Lembaga itu yang terdiri daripada:

112 orang anak Sabah;
1 orang anak Sarawak; dan
5 orang anak Semenanjung yang mana seorang daripadanya adalah pegawai pinjaman untuk melatih anak-anak Sabah itu sendiri.

Kesemua mereka itu adalah anak-anak tempatan dan Warganegara Malaysia.

Pecahan jawatan-jawatan professional adalah seperti berikut:

	<i>Semenanjung</i>	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
Jurutera	4 orang	90 orang	—
Akauntan	1 orang	7 orang	1 orang
Peguam	—	1 orang	—
Pegawai Pentadbir Kumpulan A	—	14 orang	—
	<hr/> 5 orang	<hr/> 112 orang	<hr/> 1 orang

Pengambilan pegawai dan kakitangan Lembaga itu adalah berasaskan kepada dua (2) dasar utama, selain daripada syarat-syarat kelayakan dan lain-lain, iaitu keutamaan diberi kepada anak-anak Sabah dan bilangan mereka mestilah mengikut Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

AJARAN AGAMA KRISTIAN

22. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan benarkah laporan yang mengatakan bahawa ada didapati sekolah swasta dan firma guaman di negara ini menyebarkan ajaran agama Kristian kepada orang Islam, jika benar, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mencegah dan

menjamin supaya perbuatan yang seumpama itu tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

Dato' Dr. Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Jika Ahli Yang Berhormat maksudkan itu ialah laporan mengenai sebuah firma guaman dan sekolah swasta di Kuala Terengganu, siasatan yang dibuat menunjukkan berita itu tidak benar.

PEJABAT-PEJABAT JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

23. **Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Pengangkutan menerangkan kedudukan Kompleks-kompleks dan Pejabat-pejabat

Jabatan Pengangkutan Jalan di negeri dalam negara dengan fungsinya sebagaimana untuk memungut hasil negara yang agak besar, bilakah pihak Kementerian bercadang untuk membina kompleks baru dan lengkap dengan peralatan moden bagi pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan yang sepatutnya sudah lama diperbaiki dan dipermodenkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Kementerian menyedari keadaan kesesakan yang terdapat di Pejabat-pejabat JPJ seluruh negara. Selain dari Pejabat JPJ Wilayah Persekutuan dan JPJ Shah Alam, Pejabat JPJ yang lain rata-rata menduduki bangunan lama yang dibina sejak tahun 1940an dan 1950an.

Di samping itu terdapat juga Pejabat JPJ yang telah dibina dalam tahun 1970an iaitu JPJ Muar, Kuantan, Ipoh, Alor Setar, Kuala Terengganu dan Petaling Jaya. Namun demikian keadaannya juga telah mula sesak bagi menampung keperluan semasa.

Kementerian memang mempunyai perancangan untuk membina kompleks pejabat-pejabat baru untuk mengganti pejabat-pejabat berkenaan. Memandangkan keadaan ekonomi meleset telah melanda negara maka projek-projek tersebut terpaksa ditangguhkan. Kementerian akan memberi priority untuk membina projek-projek yang dirancang apabila keadaan ekonomi negara pulih dan peruntukan mengenyainya diperolehi.

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI—PENGARUH ASING

24. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah langkah yang telah diambil bagi memastikan para pelajar yang dihantar ke luar negeri sentiasa mengikuti perkembangan yang berlaku di tanah

air dan tidak terpengaruh dan diserapi oleh unsur-unsur kebudayaan dan cara pemikiran asing.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kerajaan memang sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyebarkan berita-berita semasa supaya pelajar-pelajar kita di luar negeri dapat mengikuti perkembangan di tanahair.

Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) Menghantarkan berita-berita semasa melalui perkhidmatan teleks kepada semua pusat-pusat pelajar Malaysia di luar negeri supaya dapat disebarkan segera kepada pelajar-pelajar kita.
- (ii) Mengadakan lawatan dan perjumpaan dari masa ke semasa antara pemimpin dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan dengan pelajar-pelajar berkenaan.
- (iii) Memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melalui Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri. Ini termasuk bimbingan agama yang diberikan oleh pegawai-pegawai agama yang ditempatkan di Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri.

WABAK TAUN DI KEDAH

25. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi wabak taun di Kedah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah dan sedang

mengambil langkah-langkah berikut untuk mengatasi wabak taun di Kedah:

- (1) Menjalankan penyiasatan yang segera akan kes-kes dan orang-orang disyakki mengidap taun yang dilaporkan untuk menentukan punca jangkitan dan cara merebaknya penyakit ini.
- (2) Menyediakan rawatan yang sewajarnya dan pengasingan kes-kes dan pembawa kuman taun dalam wad-wad yang dikhaskan untuk taun di hospital-hospital.
- (3) Menjalankan pengesanan secara aktif akan kes-kes taun dan pembawa kuman taun di kawasan-kawasan di mana tidak terlibat dengan taun.
- (4) Menjalankan langkah-langkah kebersihan alam sekeliling seperti menaruh klorin dalam perigi-perigi, membasmi kuman di rumah-rumah yang terlibat dan membina perigi dan tandas.
- (5) Memberi rawatan pencegahan kepada kontak-kontak kepada pesakit yang rapat.
- (6) Dengan kerjasama Jabatan Bekalan Air, air disediakan melalui tanker dan sebagainya ke kawasan-kawasan di mana tiada air yang bersih dan selamat.
- (7) Menjalankan aktiviti-aktiviti pelajaran kesihatan yang intensif untuk mendidik orang awam dan murid-murid sekolah akan langkah-langkah untuk mencegah taun.

- (b) Sebagai satu langkah jangkamasa panjang untuk mencegah berlakunya wabak taun di Kedah, Kementerian Kesihatan sedang mengambil langkah, untuk mendapatkan kerjasama dari Jabatan Bekalan Air untuk memberi keutamaan dalam memberi kemudahan air paip di kawasan-kawasan yang terlibat dengan wabak taun.

KAD PENGENALAN BIRU— PEMOHON

26. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mempertimbangkan tentang pengumuman senarai nama-nama pemohon yang telah berjaya memohon kad pengenalan biru dan mereka yang telah memperbaharui kad pengenalan mereka, supaya ini dapat membantu pemohon-pemohon terutama sekali di kawasan luar bandar di mana sistem perhubungannya adalah kurang baik.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak bercadang untuk menyiarkan nama-nama pemohon kad pengenalan di akhbar-akhbar. Kerajaan berpuashati dengan langkah-langkah yang sedang dijalankan sekarang iaitu:

- (i) Menghantar surat kepada pemohon-pemohon untuk makluman bahawa kad pengenalan mereka telah selesai diproses dan boleh diambil oleh mereka;
- (ii) Mempamerkan senarai nama pemohon-pemohon kad pengenalan yang telah siap di pejabat-pejabat Jabatan Pendaftaran Negara yang berkenaan;
- (iii) Meminta kerjasama Jabatan-jabatan lain dan Ketua-ketua Kaum mengesan dan

memberitahu orang-orang berkenaan untuk mengambil kad-kad pengenalan mereka.

Dalam pada itu, adalah juga menjadi tanggungjawab pemohon-pemohon kad-kad pengenalan berkenaan untuk mengambil kad-kad pengenalan mereka setelah diberitahu oleh Jabatan Pendaftaran Negara bahawa kad-kad pengenalan mereka telah siap diproseskan.

PELAJAR MALAYSIA MEMBURUKKAN KERAJAAN

27. Tuan Hashim Safin minta Menteri Pendidikan menerangkan apakah langkah-langkah persediaan kepada pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negeri untuk mengelakkan mereka tidak akan memburukkan Kerajaan dan dasar-dasar Kerajaan semasa di luar negeri. Jika ada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri yang masih memburukkan Kerajaan Malaysia tidakkah Kerajaan boleh menarik balik kemudahan-kemudahan tertentu yang diberi oleh Kerajaan ataupun menarik balik kebenaran Kementerian Pendidikan untuk mereka belajar di negara-negara tertentu ataupun menarik balik kewarganegaraan mereka.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar yang dipilih untuk melanjutkan ke luar negeri adalah dikehendaki mengikuti kursus persediaan dalam negeri antara tempoh 6 bulan hingga 2 tahun. Dengan adanya kursus persediaan dalam negeri ini pelajar-pelajar berkenaan, selain daripada mengikuti kursus akademik yang diperlukan, dapat diberi kursus orientasi dalam berbagai aspek termasuk perkara-perkara berkaitan dengan dasar-dasar Kerajaan.

Di samping itu pelajar-pelajar tajaan Kerajaan yang didapati terlibat

dengan kempen memburuk-burukkan Kerajaan akan diambil tindakan yang sewajarnya.

PENGEDARAN SURAT-SURAT DI SABAH

28. Tuan Mandatang bin Morejal minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah pengedaran surat menyurat di kalangan para penduduk luar bandar di negeri Sabah amnya dan di Daerah Kudat dan Daerah Kota Marudu khasnya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini negeri Sabah mempunyai 40 buah Pejabat Pos, 18 buah Pejabat-pejabat Pos Bergerak, 1 buah Pejabat Pos Mini, 24 buah Wakil Pos taraf penuh dan 108 buah wakil-wakil Pos terhad. Inilah Pejabat-pejabat tumpuan tempat pengedaran mel-mel yang dikirim dari Kota Kinabalu untuk diserahkan kepada orang ramai.

Bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai Pejabat Pos, kami telah melantik wakil pos sebagai agen Jabatan ini untuk orang ramai mengirim dan menerima surat-surat mereka, di samping mendapatkan kemudahan-kemudahan pos yang lain. Bagi daerah Kudat dan Kota Marudu pula, mel-mel akan dikirim dari Kota Kinabalu pada setiap hari kecuali hari Ahad dengan menggunakan bas dan sebaliknya mel-mel dari Kudat dan Kota Marudu akan dihantar pula ke Kota Kinabalu untuk pengendalian selanjutnya.

BEKALAN ELEKTRIK/AIR DI LUAR BANDAR

29. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilakah kesemua penduduk-penduduk luar bandar di

Malaysia akan menikmati kemudahan api letrik dan air.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Untuk makluman Yang Berhormat sehingga akhir tahun 1986 penduduk kawasan luar bandar dianggarkan telah menikmati kemudahan bekalan elektrik sebanyak 71% manakala bagi kemudahan bekalan air pula, dianggarkan sebanyak 60%.

Dari perancangan awal yang telah dibuat, dijangkakan menjelang akhir tahun 2000, hampir kesemua penduduk kawasan luar bandar akan dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik dan bekalan air bersih.

Walau bagaimana perancangan tersebut tertakluk kepada perubahan-perubahan semasa terutama sekali peruntukan yang dapat disediakan oleh Kerajaan bagi melaksanakan projek-projek berkenaan.

AKTA PELAJARAN 1961— MEMANSUHKAN

30. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961 telah menimbulkan kekhuatiran dan tidak senang hati di masyarakat kaum bukan Melayu khususnya kaum Cina sejak wujudnya Akta tersebut dan demi kepentingan perpaduan negara adakah Kerajaan memutuskan untuk memansuhkan Seksyen 21 (2) AP 1961; jika tidak, sila beri alasannya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar tentang perkara ini tetapi soal untuk memansuhkan atau tidak Seksyen tersebut masih dalam kajian.

PEMBUNUHAN JANDA DI SABAK BERNAM

31. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan:

- (a) apakah benar berita yang mengatakan bahawa pembunuhan (penyembelihan) janda-janda di Sabak Bernam pada tahun ini dan beberapa tahun yang lalu ada kaitan dengan amalan "Ilmu Hitam";
- (b) nyatakan bilangan kes pembunuhan (penyembelihan) di Sabak Bernam dari tahun 1975 hingga masa kini (Jun 1987) dan kenapakah pihak polis tidak berjaya menangkap pembunuh yang sebenar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, motif pembunuhan tersebut masih belum diketahui sehinggalah penyiasatannya selesai.
- (b) Bilangan kes pembunuhan janda di Sabak Bernam sejak tahun 1975 hingga Jun 1987 ialah 3 kes iaitu masing-masing berlaku dalam tahun 1984, 1986 dan 1987. Dalam ketiga-tiga kes pembunuhan tersebut, beberapa orang yang disyaki telah ditangkap untuk membantu siasatan. Bagaimanapun kesemuanya telah dibebaskan kerana kekurangan bukti untuk mendakwa mereka di mahkamah. Sungguhpun begitu siasatan yang rapi masih diteruskan.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN

32. Dr Ting Chew Peh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan program Penerapan Nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam.

- (b) sama ada Kerajaan bercadang memperluaskan program penerapan Nilai-nilai Islam kepada semua bidang hidup.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Program Penerapan Nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran adalah merupakan penanaman nilai-nilai yang positif kepada seluruh pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam supaya mereka itu dapat menjalankan tugas dan amanah, bertanggungjawab, dedikasi, berdisiplin dan sebagainya.

Ini bererti dasar ini merupakan suatu-proses perubahan sikap dan akhlak yang bersifat dalaman bagi seseorang yang tidak dapat dikesan pencapaiannya atau kejayaan dalam jangkamasa pendek.

Walau bagaimanapun dari penerangan-penerangan yang telah diberikan kepada sebahagian dari mereka sama ada yang beragama Islam ataupun bukan Islam telah menunjukkan response yang positif, dan telah mulai jelas mengenai hasrat dasar berkenaan.

- (b) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meluaskan program ini kepada bidang-bidang lain selain daripada bidang pentadbiran.

KOLEJ PRE-UNIVERSITI SWASTA

33. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementeriannya sedar bilangan kolej-kolej pre-universiti swasta di Negara kita sedang meningkat setiap tahun dan apakah

sebab-sebab meningkatnya bilangan kolej-kolej tersebut di Negara kita. Sebab apakah Kerajaan sendiri tidak boleh mendirikan kolej-kolej pre-universiti tersebut untuk meringankan beban rakyat yang berpendapatan rendah di negeri kita.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedar tentang pertumbuhan serta percambahan kolej-kolej swasta yang menjalankan kursus-kursus pra-universiti. Adalah dalam pertimbangan Kerajaan untuk meluaskan peluang-peluang pelajaran tinggi dengan melibatkan sektor swasta menyediakan tempat-tempat belajar di peringkat pra-universiti. Ini adalah bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan melalui pengurangan bilangan Pelajar yang dihantar keluar negeri pada peringkat itu. Walau bagaimanapun kerajaan sedang meneliti secara terperinci perkembangan ini supaya ia sejajar dan selaras dengan dasar pendidikan dan matlamat negara, dan untuk menjamin mutu pendidikan supaya pelajar-pelajar tidak menjadi mangsa.

SKIM PENCEN KAKITANGAN KERAJAAN

34. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan telah menarik balik cadangan yang dikemukakan dalam Belanjawan 1987 membatalkan skim pencen bagi semua kakitangan Kerajaan. Dengan penarikan balik cadangan ini, dari manakah pihak Kerajaan akan beroleh wang \$846 juta pada tahun ini untuk membayar kepada mereka yang berpencen, terutamanya apabila kini pihak Kerajaan menghadapi masalah pengurangan pendapatan negara serta kadar pembayaran pinjaman luar dan dalam negeri yang kian bertambah. Bagaimanakah pihak Kerajaan akan menanggung bayaran pencen sebanyak

\$3.1 billion menjelang tahun 2000 atau mengatasi kadar pertumbuhan bayaran pencen sebanyak 10% setahun.

Tuan Loke Yuen Yow: Pengumuman untuk menarik balik cadangan yang dikemukakan dalam Belanjawan tahun 1987 membatalkan skim pencen bagi semua kakitangan Kerajaan yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun dibuat setelah Kerajaan menerima rayuan dari pelbagai pihak dan menunjukkan kepekaan Kerajaan terhadap teguran daripada rakyat. Berhubung dengan jumlah \$846 juta yang perlu dibayar oleh Kerajaan dalam tahun ini kepada mereka yang berpencen, peruntukan ini telah pun disediakan dalam Belanjawan 1987. Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentu sedar bahawa perbelanjaan untuk tujuan ini telah pun diluluskan oleh Parlimen dalam sidangnyanya tahun lalu. Mengenai bayaran pencen sebanyak \$3.1 billion menjelang tahun 2000 sukacita dimaklumkan bahawa kajian teliti sedang dibuat untuk meringankan beban ini. Selain dari itu, keputusan telah dibuat untuk tidak meletakkan pegawai-pegawai yang baru dilantik ke dalam skim berpencen dan ini akan meringankan tanggungan Kerajaan di masa hadapan.

INDUSTRI VIDEO ASING

35. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Penerangan menyatakan tindakan-tindakan oleh Kerajaan terhadap beberapa pihak Industri Video Asing, khususnya Television Broadcasts Limited dan Asia Television Limited dari Hong Kong merebut dan memonopolikan bahagian besar pasaran video di negara kita. Berjuta-juta ringgit dihantar keluar ke Hong Kong dan negeri asing kerana mereka dapat perlindungan Hakcipta yang dibuat oleh kita sendiri, dan apakah langkah akan diambil untuk menjamin penonton-penonton dan pusat video tidak dieksploitasikan oleh pihak yang tertentu.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Karya-karya yang diedarkan oleh pihak industri video asing tidak mempunyai perlindungan hak cipta di negara ini kecuali jika karya-karya tersebut diterbitkan di Malaysia dalam masa tiga puluh hari dari penerbitnya ditempat lain. Dakwaan bahawa berjuta-juta ringgit di hantar ke Hong Kong dan negeri asing kerana mendapat perlindungan hakcipta di negara ini adalah tidak tepat. Apa yang berlaku ialah pihak pengeluar filem atau video di negeri asing itu akan melantik agen-agen pembekal tempatan di sini dan memberikan hak pembekalan kepada mereka dengan bayaran "copyright fee" yang tinggi. Pihak pembekal itu pula mengenakan bayaran yang tinggi kepada pusat-pusat video di sini. Oleh itu kedua-dua pihak mendapat keuntungan yang besar dari pusat-pusat video dan penonton-penonton yang menyewa video-video atau filem berkenaan.

Soal mengelak penonton-penonton dan pusat video daripada dieksploitasi oleh pihak yang berkenaan adalah bergantung pada pihak-pihak yang berkenaan itu sendiri. Mereka haruslah memahami betul-betul kontrak-kontrak yang mereka tandatangani dengan pembekal-pembekal video asing itu. FINAS hanya dapat mengawal kegiatan pengimportan dan pengedaran video itu mahupun filem dengan memerlukan mereka mendapat lesen. Di samping itu FINAS sedang merangka suatu bentuk kawalan kemasukan semua video dan filem asing ke negara ini. Seterusnya FINAS sentiasa berhati-hati supaya kegiatan pengimportan itu tidak membawa bersama-samanya budaya liar dan pengaruh-pengaruh yang merosakkan. Kawalan yang lebih ketat sedang diambil supaya kegiatan mengimport video tidak berlaku sewenang-wenang hingga merugikan negara.

TAAT SETIA PEGAWAI KERAJAAN

36. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada ketaatsetiaan pegawai-pegawai penerangan adalah kepada Kerajaan yang berkuasa atau rakyat Malaysia; dan
- (b) sama ada "Hari Taat Setia" yang diperkenalkan oleh beliau akan menjadi lebih berkesan dan tepat jika ditukar kepada "Ketaatsetiaan Kepada Rakyat Malaysia".

Dato' Mohamed bin Rahmat:

- (a) Di dalam Perlembagaan dan juga di dalam Perintah Am konsep bahawa Pegawai-pegawai Kerajaan haruslah bersifat "neutral" dan memberikan taat setia kepada Kerajaan yang memerintah telah ditegaskan. Semua pegawai Kerajaan pula apabila menandatangani surat, menggunakan pengakuan "Saya yang menurut perintah" yang bererti bahawa mereka adalah menurut perintah Kerajaan. Sungguhpun begitu mereka memanglah berkhidmat untuk kepentingan orang ramai dan rakyat. Cuma dalam soal menerima arahan mereka haruslah taat kepada Ketua Negara iaitu Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Wakil-wakil Rakyat yang memegang jawatan dalam Kerajaan (holding public office) seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Jemaah Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar-Menteri Besar dan sebagainya. Demikian kesetiaan mereka haruslah ditumpukan kepada Ketua Negara dan Wakil-wakil Rakyat yang

memegang jawatan dalam Kerajaan dalam memberikan khidmat bakti mereka kepada rakyat.

- (b) "Hari Taat Setia" yang dicadangkan itu adalah merupakan hari untuk membaharui ikrar kesetiaan mereka kepada Kerajaan dalam kontek yang disebutkan di atas. Kesetiaan kepada Ketua Negara dan pemimpin-pemimpin rakyat yang memegang jawatan dalam Kerajaan itu adalah bererti kesetiaan kepada rakyat keseluruhannya. Dengan itu "Hari Taat Setia" yang ditumpukan kepada rakyat Malaysia tanpa kesetiaan kepada Ketua Negara dan pemimpin-pemimpin di dalam Kerajaan, adalah dirasakan tidak menepati kehendak Perlembagaan dan Perintah Am. Pegawai-pegawai Kerajaan adalah tertakluk kepada arahan-arahan Kerajaan dan mereka adalah memegang jawatan "at the pleasure of the Yang di-Pertuan Agong."

ROAD INTERCHANGE

37. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah pembinaan "road interchange" di Jalan Cheras menjadi lewat memandangkan Menteri pernah berkata dalam sidang mesyuarat Oktober 1986 bahawa projek ini akan ditawarkan dan dibina mulai awal tahun ini.

Drs. Suleiman bin Mohamed: Kerajaan telah mempelawa cadangan tender terbuka dan ditutup pada bulan September, 1986. Lima (5) Syarikat telah mengemukakan cadangan tender mereka. Penilaian cadangan tender ini sedang dijalankan dan Projek berkenaan dijangka bermula pada akhir tahun ini.

MAS—LANTIKAN KAKITANGAN

38. Dr V. David minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau akan mengkaji semula dasar-dasar perlantikan kakitangan di Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), dan bolehkah beliau memberi keyakinan kepada rakyat berbilang kaum bahawa semua warganegara adalah berhak mendapat pekerjaan di MAS, kerana syarikat ini ditanggung oleh semua pembayar-pembayar cukai.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Sebagai syarikat penerbangan kebangsaan negara kita, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sememangnya mempunyai objektif-objektif korporatnya tertentu. Di antara objektif korporat ini iaitu untuk memilih, melatih dan membentuk kakitangan dengan menggunakan teknik pengurusan yang paling kemaskini, dan untuk menyumbang dengan bermakna terhadap aspirasi nasional, serta membentuk satu organisasi secocok dengan objektif negara yang berbilang kaum.

Sejak MAS ditubuhkan, objektif-objektif tersebut ini telah dijadikan panduan prinsip kepada MAS di dalam pengambilan kakitangannya. Kini kakitangan MAS adalah terdiri daripada berbilang kaum.

Di samping itu, menerusi proses "Malaysianisation" beberapa jawatan yang dahulunya disandang oleh rakyat asing sekarang telah diambil alih oleh warganegara Malaysia dari berbilang kaum. Memandangkan itu, Kementerian Pengangkutan ataupun MAS tidak ada apa-apa cadangan buat masa sekarang untuk mengkaji semula dasar-dasar perlantikan kakitangan oleh MAS.

AKTA SYARIKAT 1965— PINDAAN

39. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan

Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk meminda Akta Syarikat-Syarikat 1965 supaya membolehkan pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja (retrenched) dibayar gaji dan pampasan diberhentikan kerja dahulu daripada pihak "secured creditors". Jika tidak, kenapa.

Dato Kok Wee Kiat: Kerajaan sedang mengkaji cadangan daripada beberapa pihak termasuk Kementerian Buruh untuk meminda Akta Syarikat 1965 bagi memasuki cadangan pindaan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Pada masa ini peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 nampaknya telah pun mewujudkan suatu mekanisma yang seimbang bagi mengendalikan pembayaran hutang-hutang sesebuah syarikat-syarikat yang diletakkan di bawah "receivership" ataupun di dalam proses penggulungan. Sebarang percubaan untuk mengganggu mekanisma itu misalnya dengan mengubah keutamaan pembayaran hutang, semestinya akan mengakibatkan beberapa ketidakpastian terutamanya dari segi pemberian cagaran untuk mendapat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan. Oleh kerana sebarang pindaan yang dibuat ke atas Akta Syarikat 1965 seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, semestinya mempunyai kesan dan implikasi yang penting ke atas segala bidang pemberian pinjaman dan cagaran harta maka kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum sebarang cadangan boleh dibuat untuk meminda Akta Syarikat 1965.

PERTUMBUHAN EKONOMI— GALAKAN

40. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan

untuk mengatasi kemerosotan Ekonomi.

Tuan Loke Yuen Yow: Kerajaan telah pun merancang dan mengambil tindakan-tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengukuh dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta menambah peluang-peluang pekerjaan di dalam negara. Tindakan-tindakan yang telah diambil adalah:

- (i) mengadakan Rancangan Perumahan Kos Rendah;
- (ii) menggalakkan aktiviti ekonomi dalam bidang pertanian seperti penanaman cash crop;
- (iii) mengadakan program-program latihan dan program latihan semula untuk pekerja-pekerja yang telah diberhentikan dan juga untuk menampung keperluan dan menambahkan kepakaran siswazah-siswazah yang menganggor;
- (iv) menggalakkan pertumbuhan industri kecil;
- (v) memperbaiki iklim pelaburan dalam negeri dengan cara:
 - (a) mengadakan perubahan kepada syarat-syarat Ekuiti Pelaburan Asing yang membolehkan pelabur-pelabur asing memegang ekuiti 100% jika semua keluaran dieksportkan;
 - (b) memperbaiki sistem galakkan cukai terutama sekali bagi aktiviti ekonomi yang berorientasikan eksport;
 - (c) menambah dan memudahkan kemudahan-kemudahan pembiayaan pelaburan melalui penubuhan Tabung Pelaburan Baru, Skim

Pembiayaan Semula Kredit Eksport, tambahan bekalan-bekalan wang dalam negeri, dan mengurangkan kadar faedah pinjaman.

- (vi) memperbaiki kedudukan Imbangan Bayaran dengan mengurangkan aliran keluar wang melalui pengurangan import;
- (vii) meneruskan program untuk mengurangkan aktiviti Sektor Awam di dalam Pembangunan Negara. Langkah ini akan meluaskan peluang sektor swasta untuk berkembang dengan lebih pesat;
- (viii) meneruskan pelaksanaan penswastan projek-projek komersial milik Kerajaan. Ini akan mengurangkan lagi persaingan sektor awam dengan sektor swasta dan juga mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.

Pada keseluruhannya langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi kemerosotan ekonomi telah menunjukkan tanda-tanda perkembangan yang positif. Kedudukan nilai ringgit telah pun stabil. Defisit Akaun Semasa Imbangan Bayaran telah pun bertambah baik dan suasana keyakinan terhadap ekonomi dalam negeri telahpun bertambah.

ISU LIMBANG

41. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri memberitahu apakah tindakan Kerajaan terhadap Majalah "Far Eastern Economic Review" mengenai laporan penjualan Limbang kepada Brunei Darussalam walaupun majalah berkenaan telah pun meminta maaf kepada Kerajaan Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Saya telah menjawab soalan yang hampir sama dengan soalan ini pada 29 Jun 1987 dan saya tidak bercadang untuk mengemukakan apa-apa maklumat tambahan.

**KEMENTERIAN HAL-EHWAL
AGAMA ISLAM**

42. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah Kementerian Hal-Ehwal Agama Islam bagi menentukan dasar Penerapan Nilai-nilai Islam berjalan dengan lancar dan berkesan.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Memandangkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam sekarang ini mendapat sambutan yang positif dan berjalan dengan baik, adalah amat wajar jika tanggungjawab tersebut dikekalkan di bawah Jabatan Perdana Menteri seperti sekarang. Kerajaan berpendapat bahawa bilangan Kementerian yang wujud adalah mencukupi untuk mengawasi pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan sekarang ini. Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang mewujudkan Kementerian Hal Ehwal Agama Islam.

**PASUKAN PETUGAS VII KE
SABAH—BIDANG KUASA**

43. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah bidang kuasa yang ada pada Pasukan Petugas VII yang dikatakan akan dihantar ke Sabah bagi maksud mengurus hal-hal berkenaan orang-orang pendatang asing di Sabah. Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Pasukan Petugas VII ini dalam mengatasi masalah orang-orang pendatang asing di Sabah dan adakah Pasukan Petugas VII ini boleh memberi jaminan bahawa ianya boleh menyelesaikan masalah orang-orang pendatang asing di Sabah.

8-7-87

9. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau masih hendak mengirimi pasukan khas 7 dari Semenanjung ke Sabah untuk menolong Kerajaan Sabah dalam hal pelarian dan pendatang haram walau pun adanya larangan dari pihak Kerajaan Sabah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat dari Tawau bertarikh 8-7-87 kerana soalnya mempunyai maksud yang hampir sama.

Bidang kuasa yang diberikan kepada Pasukan Petugas VII bagi maksud menguruskan hal-hal berkenaan dengan pendatang asing di Sabah iaitu seperti berikut:

- (i) merancang dan mengambil langkah-langkah untuk mengemaskinikan pendaftaran pendatang asing;
- (ii) menyelaraskan hal-hal berkaitan dengan kawalan penempatan pendatang-pendatang berkenaan;
- (iii) menyelaraskan kawalan ke atas pendatang pekerja Filipina;
- (iv) merancang dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah kemasukan pendatang tanpa izin Filipina ke Sabah dan menguruskan pengusiran mereka jika mereka terbukti memasuki Sabah tanpa izin; dan
- (v) bertanggungjawab terhadap perhubungan dengan agensi-agensinya antarabangsa seperti UNHCR dan Kerajaan asing.

Di antara rancangan jangka pendek Pasukan Petugas VII iaitu untuk mendaftar, mengurus dan mengawal

keselamatan supaya pendatang-pendatang tanpa izin di Negeri Sabah tidak menjadi masalah kepada masyarakat setempat atau kepada diri mereka sendiri. Manakala rancangan jangka panjang Pasukan ini ialah untuk mengatur langkah-langkah bagi menghantar balik pendatang-pendatang asing itu ke negara asal mereka.

Dengan adanya kerjasama Kerajaan Negeri dan rakyat Malaysia di Sabah serta juga Kerajaan Filipina kita yakin matlamat Pasukan Petugas VII untuk mengatasi masalah-masalah pendatang asing di Sabah akan tercapai.

PASUKAN PETUGAS VII— KUASA KERAJAAN PERSEKUTUAN

44. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah Kerajaan Sabah tidak membenarkan Task Force VII mengendalikan orang-orang pelarian dan pendatang haram di Sabah, di mana Task Force VII membuat permohonan untuk membuka pejabatnya di sana tetapi ditolak oleh Kerajaan Sabah kononnya atas alasan politik. Di manakah letaknya kuasa Kerajaan Persekutuan di dalam perkara ini.

Dato' Oo Gin Sun: Kerajaan Sabah bukanlah tidak membenarkan Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam (PHV) mengendalikan orang-orang pelarian dan pendatang haram di Sabah. Sebenarnya Kerajaan Sabah mahu menjalankan pendaftaran dan menyediakan kajian menyeluruh mengenai masalah tersebut dan seterusnya mengemukakan hasil kajian serta laporan mereka kepada Kerajaan Pusat untuk kajian terperinci.

Kerajaan Sabah juga menghargai kerjasama Kerajaan Pusat bagi mengatasi masalah pelarian dan

pendatang haram di Sabah di mana Kerajaan Pusat akan terus memberi kerjasama kepada Kerajaan Sabah hingga masalah tersebut selesai.

Pembukaan pejabat Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam (PHV) Cawangan Sabah bagi tujuan mengendalikan pentadbiran pelarian dan pendatang haram sedang dirundingkan dengan Kerajaan Sabah. Diharapkan perkara ini akan diselesaikan dalam sedikit masa lagi.

Pelarian dan pendatang haram merupakan masalah keselamatan. Masalah keselamatan keselamatan adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan di mana dimaklumkan keadaan keselamatan di Sabah adalah terkawal.

BILIK SEMBAHYANG DI PEJABAT-PEJABAT POS

45. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan usaha Kementeriannya bagi menerap nilai-nilai Islam supaya setiap Pejabat Pos yang ramainya kakitangan Islam itu mempunyai bilik sembahyang.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Pos telah pun menyediakan bilik sembahyang dikebanyakkan Pejabat Pos-Pejabat Pos yang besar di seluruh negara. Ketua-ketua Bahagian khususnya mereka yang sedang menguruskan pembinaan atau pengubahsuaian bangunan-bangunan masing-masing juga diminta tindakan mengambil ingatan dan tindakan sewajarnya agar dapat memastikan spesifikasi kemudahan-kemudahan tandas yang telah ditentukan mengikut keperluan orang-orang Islam, umpamanya dengan menyediakan alat-alat seperti gayung atau paip getah.

**PERUNTUKAN PEMBANGUNAN
KEPADA AHLI-AHLI
PARLIMEN**

46. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Ahli Parlimen di dalam Barisan Nasional telah diberi peruntukan pembangunan tahunan sebanyak MYR 200,000.00 semenjak Oktober 1986. Kalau ada, berapa dan dari bahagian mana; dan
- (b) pernahkah Ahli Parlimen yang berasal dari parti pembangkang diberi perbelanjaan pembangunan tersebut pada masa dahulu.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Bagi menjawab kedua-dua soalan (a) dan (b), tidak ada peruntukan pembangunan khusus dikeluarkan kepada Ahli-ahli Parlimen. Apa yang berlaku ialah Ahli-ahli Parlimen boleh mencadangkan projek-projek kecil yang difikirkan penting dan perlu dilaksanakan di kawasan masing-masing dan mengemukakannya kepada Pegawai Kemajuan Negeri. Setelah dibuat kajian, projek-projek yang dicadangkan itu akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Jika diluluskan, Kerajaan akan mengeluarkan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek berkenaan.

**TOKONG HAI THANG MAH—
BANTUAN**

47. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau telah menerima permohonan untuk mendapat bantuan wang untuk membaiki Tokong Hai Thang Mah di Jalan Kulim, Perkampungan Machang Bubuk, Bukit Mertajam dan sama ada

permohonan tersebut telah diluluskan, jika ya, berapakah peruntukan bagi maksud tersebut, jika tidak, mengapa.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Permohonan bantuan wang untuk membaiki Tokong Hai Thang Mah di Kampong Machang Bubuk, Bukit Mertajam telah dipanjangkan ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk dipertimbangkan. Ini kerana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai peruntukan untuk maksud membaiki tokong-tokong.

**SYARIKAT ASIAN RARE EARTH—
KEBENARAN**

48. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Kerajaan membenarkan kilang ARE itu dibina di tengah-tengah kawasan penduduk padat sedangkan negara-negara lain tidak membenarkan kilang yang sama diwujudkan.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Pada lazimnya loji-loji nuklear janakuasa (nuclear power reactors) ditempatkan di kawasan-kawasan yang berjauhan daripada kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk (population density) yang tinggi, tetapi terdapat banyak juga di negara-negara lain di mana "reaktor nuklear penyelidikan" (research nuclear reactors) yang ditempatkan di tengah-tengah bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

Sukacita saya tegaskan di sini bahawa kilang Syarikat Asian Rare Earth bukanlah sebuah loji nuklear, tetapi ia hanyalah merupakan sebuah kilang industri yang memproses bahan monazite untuk mengeluarkan bahan galian "rare earth". Oleh itu, kilang Syarikat Asian Rare Earth tersebut tidak perlu ditempatkan jauh daripada pusat-pusat penduduk dan juga tidak

boleh disamakan seperti loji nuklear janakuasa. Ini ialah kerana risiko radiologikal (radiological risk) yang wujud daripada kilang Asian Rare Earth tersebut adalah amat kecil jika dibandingkan dengan "risiko radiologikal" yang timbul daripada reaktor nuklear janakuasa.

Saya difahamkan bahawa kilang-kilang yang sama seperti kilang Asian Rare Earth, di negara-negara lain, juga ditempatkan sama ada di kawasan-kawasan perindustrian ataupun di bandar-bandar yang mempunyai kepadatan penduduk lebih tinggi daripada kepadatan penduduk di sekitar kawasan Bukit Merah.

KEWARGANEGARAAN—LANTIKAN SURUHANJAYA KEHAKIMAN

49. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau melantik sebuah Suruhanjaya Kehakiman (judicial commission) untuk memeriksa semula semua kes permohonan kewarganegaraan yang belum selesai supaya kes-kes tersebut dijalankan secara adil dan tidak menolak secara sia-sia kes-kes layak mendapat kewarganegaraan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, setiap permohonan untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan yang pemohonnya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan akan diluluskan oleh Kerajaan.

Masalah yang dihadapi oleh beberapa pemohon yang gagal untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan ialah kerana mereka tidak memenuhi syarat-syarat tersebut atau tidak dapat membuktikan bahawa berhak mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia misalnya mereka tidak dapat membuktikan bahawa mereka adalah anak kepada seorang warganegara Malaysia.

PROTON SAGA—NEGARA YANG MENGIMPORT

50. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) negara-negara yang telah mengimport kereta Proton Saga setakat ini, dengan memberi jumlah bilangan unit kereta setiap jenis dan harga jualan kita bagi setiap jenis mengikut negara yang mengimportnya; dan
- (b) negara-negara yang telah membuat pesanan untuk kereta ini dengan memberi harga setiap unit mengikut jenisnya bagi setiap negara yang Malaysia berjanji untuk membekalkannya.

Tuan Kasitah bin Gaddam:

- (a) Sehingga 31hb Mei 1987 sebanyak empat buah negara telah mengimport kereta Proton Saga seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Jumlah Import</i>	<i>Jenis</i>
1. Brunei Darussalam	45 buah	1.5s
2. New Zealand	50 buah 117 buah	1.3s 1.5s
3. Bangladesh	62 buah	1.3s
4. Malta	76 buah 4 buah	1.3s 1.5s

Walau bagaimanapun atas sebab-sebab rahsia dan strategi perniagaan harga-harga setiap unit kereta yang ditawarkan kepada pengimport tidak wajar saya maklumkan.

- (b) Selain daripada negara-negara yang tersebut tadi, Sri Lanka juga telah membuat pesanan untuk mengimport Proton Saga seperti berikut:

<i>Jumlah Pesanan</i>	<i>Jenis</i>
5 buah	1.3s
35 buah	1.5s

UBAT SELSEMA/BATUK

51. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerianya sedar bahawa setengah-setengah ubat selsema dan batuk yang terdapat di kedai-kedai telah disalahgunakan oleh anak-anak muda sebagai salah satu ubat yang menghayalkan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi penyalahgunaan ubat-ubat tersebut agar mereka tidak beralih menjadi penagih dadah di masa akan datang.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan sedar bahawa sebahagian ubat-ubatan selsema dan batuk yang mempunyai kesan khayalan telah disalahguna oleh anak-anak muda.

Di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengatasi penyalahgunaan ubat-ubat selsema dan batuk adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan pemeriksaan mengejut dan serbuan dari masa ke semasa atas kedai-kedai yang disyaki menjual ubat-ubat tersebut dan juga ubat-ubat lain yang mengandungi bahan-bahan yang disenaraikan sebagai racun mengikut Ordinan Racun 1952. Kedai-kedai yang didapati menjual ubat-ubat tersebut didakwa di Mahkamah dan jika disabit tuan punya kedai itu akan didenda dan ubat-ubat yang mengandungi racun akan dirampas.
- (ii) Pemeriksaan juga dibuat atas kedai-kedai farmasi, klinik-klinik perubatan, pergigian dan lain-lain premis seumpamanya untuk memastikan rekod-rekod penggunaan ubat-ubatan yang mengandungi racun, termasuk ubat selsema dan batuk, disimpan dengan betul.

Pemeriksaan juga dibuat untuk menentukan pembekal ubat-ubat yang mengandungi racun termasuk ubat selsema dan batuk dibekal mengikut undang-undang.

SABAH BANK BERHAD— PINJAMAN TANPA CAGARAN

52. **Tuan Fung Ket Wing:** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman tanpa cagaran yang telah diberikan oleh SBB (Sabah Bank Bhd.);
- (b) kemanakah pinjaman-pinjaman tanpa cagaran yang telah disalurkan dan bagaimanakah ianya diberikan;
- (c) apakah langkah-langkah telah dan akan diambil oleh BNM supaya mendapat semula pinjaman-pinjaman ini; dan
- (d) kebersihan langkah-langkah tersebut di (c).

Tuan Loke Yuen Yow: Mengikut kedudukan sekarang, adalah wajar Bank Negara mengambilalih Sabah Bank Berhad. Walau bagaimanapun setakat ini langkah untuk menyalurkan bantuan ke dalam Sabah Bank masih lagi dalam pertimbangan Sabah Bank Berhad, perlu menambah modal dibayarnya bagi memenuhi keperluan dan modal minimum dan nisbah kecukupan modalnya melalui keluaran saham hak kepada pemegang-pemegang sahamnya.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Bank Negara boleh membeli saham dalam mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia dengan tujuan untuk mengawal pengurusan dan operasi bank tersebut.

Mengenai jumlah pinjaman tanpa cagaran yang dikeluarkan oleh Sabah Bank Berhad, kemanakah pinjaman-pinjaman itu disalurkan, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil

untuk mendapat semula pinjaman-pinjaman tersebut, saya tidak dapat memberi butir-butir terperinci ke atas pertanyaan tersebut disebabkan oleh peruntukan undang-undang mengenai kerahsiaan bank.

KOPERASI PENGAMBIL DEPOSIT — BAYARAN BALIK

53. Tuan Lim Guan Eng: minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah wang yang diperlukan untuk menyelamatkan Koperasi-koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang dibekukan untuk menjaminkan bayaran balik 100% kepada para pendeposit-pendeposit KPD pada 31-5-87 dan kalau berbeza daripada \$600 juta yang dinyatakan dalam Laporan Putih pada 8-8-86 berikan sebab-sebab perbezaannya.
- (b) apakah nilai aset bersih ke semua KPD yang dibekukan oleh Bank Negara pada 31-5-87 dan kalau berbeza dari jumlah \$889.7 juta yang dilaporkan dalam Laporan Putih, berikan sebab-sebab perbezaannya; dan
- (c) berapa banyakkah wang yang telah dibayar oleh KPD kepada pendeposit-pendeposit setakat ini dan berikan pecahan beberapa banyakkah dari wang KPD sendiri dan dari pinjaman mudah Bank Negara bagi tiap-tiap KPD.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) jumlah peruntukan yang diperlukan untuk membuat pembayaran sepenuhnya kepada pendeposit-pendeposit seperti yang dinyatakan dalam Kertas Putih berhubung dengan

Laporan Mengenai Koperasi-koperasi Pengambilan Deposit ialah \$1.5 ribu juta. Walau bagaimanapun, kertas Putih tersebut tidak mencatatkan bahawa \$600 juta adalah jumlah peruntukan yang diperlukan untuk membuat pembayaran sepenuhnya kepada pendeposit-pendeposit tetapi menyatakan bahawa jika sekiranya Kerajaan dikehendaki menyalurkan \$1.5 ribu juta untuk menjamin sepenuhnya deposit yang terlibat, maka Kerajaan akan menanggung kerugian sebanyak \$600 juta.

- (b) nilai aset bersih bagi 24 Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) yang dibekukan (termasuk KOJADI di mana pembekuan ke atasnya telah ditarik balik) adalah berjumlah \$809.7 juta, iaitu berbeza dengan jumlah \$889.7 juta seperti yang terdapat dalam Kertas Putih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan yang diberi di dalam Kertas Putih adalah berasaskan penyiasatan awal. Walau bagaimanapun, setelah penerima-penerima dan institusi-institusi kewangan yang dilantik membuat penyiasatan lebih lanjut, adalah didapati bahawa set KPD tersebut bernilai lebih rendah lagi daripada yang dijangkakan pada mulanya. Ada kemungkinan nilai aset ini akan turun lagi.

- (c) sehingga ini, Bank Negara telah mengeluarkan pinjaman mudah (soft loans) sejumlah \$281 juta, di mana \$218.6 juta daripadanya telahpun digunakan untuk pembayaran pendahuluan kepada pendeposit-pendeposit.

**JABATAN PENGANGKUTAN
JALAN, JOHOR—
BANGUNAN BARU**

54. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pengangkutan menerangkan:

- (a) jumlah pendapatan bagi Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Johor bagi enam tahun kebelakangan ini; dan
- (b) memandangkan pendapatan yang begitu besar dan pertumbuhan tiap-tiap tahun yang begitu menggalakkan, adakah Kementerian bercadang untuk membuat kompleks baru dan lengkap dengan peralatan modern, untuk menggantikan bangunan yang telah usang dan tidak sesuai serta selesa bukan sahaja kepada pegawai-pegawai Jabatan lebih-lebih lagi kepada pelanggan yang berurusan dengan Jabatan tersebut. Bilakah Kementerian akan memulakan projek ini dan berapa kosnya.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) jumlah hasil kutipan JPJ Negeri Johor bagi 6 tahun kebelakangan adalah seperti berikut:
 - (i) 1981 — 74,574,168.51
 - (ii) 1982 — 82,076,590.45
 - (iii) 1983 — 92,736,669.66
 - (iv) 1984 — 100,935,917.08
 - (v) 1985 — 105,951,414.84
 - (vi) 1986—102,942,572.69
- (b) kementerian memang mempunyai cadangan untuk membina sebuah Pejabat JPJ yang baru di Johor Bahru. Untuk tujuan tersebut tanah seluas 30 ekar telahpun diperolehi sejak tahun 1985. Namun demikian

memandangkan keadaan ekonomi negara yang masih belum pulih maka pembinaannya belum lagi dapat dilaksanakan. Kementerian akan memberi priority utama kepada projek ini apabila keadaan ekonomi negara pulih.

- (c) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kutipan Hasil oleh JPJ kesemuanya adalah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang disatukan. Sementara Peruntukan Pembangunan dipertimbangkan secara berasingan iaitu selepas Kerajaan mengenalpasti keutamaan projek pembangunan, baharulah peruntukan diberikan kepada Kementerian Pengangkutan bagi diagih-diagihkan mengikut projek pembangunan yang dirancangkan.

**PERUNTUKAN BEKALAN AIR DI
SABAH**

55. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Menteriernya akan mempertimbangkan supaya memberi lebih peruntukan untuk projek-projek air di Sabah supaya ini dapat mengatasi masalah kekurangan air, tekanan air yang rendah dan penukaran paip air yang sudah lama di Sabah.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan Persekutuan sentiasa menyediakan peruntukan di bawah program bekalan air bagi Negeri Sabah. Misalnya di bawah rancangan Malaysia Kelima Kerajaan telah menyediakan pinjaman kepada kerajaan Negeri bagi meningkatkan taraf bekalan air yang sedia ada bagi Kota Kinabalu dan Tawau supaya dapat menampung permintaan sehingga tahun 2005. Kerajaan Negeri juga telah

menyediakan peruntukan bagi membesarkan bekalan air Sandakan supaya dapat menampung permintaan bekalan air sehingga tahun 2005.

Di samping itu Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan di bawah skim bekalan air luar bandar sebanyak lebihkurang \$149 juta kepada Negeri Sabah bagi 10 skim dan dijangka siap tahun 1990. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam keadaan ekonomi meleset ini sudah tentu Kerajaan tidak dapat memenuhi permintaan peruntukan yang dirancangan pada asalnya. Walau bagaimanapun Kerajaan berusaha untuk menyediakan seberapa banyak peruntukan terutama di kawasan-kawasan yang sangat memerlukan.

PERJUDIAN HARAM DI SABAH

56. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementeriaannya untuk menyekat atau membentasi perkembangan perjudian dan peniruan di Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan Ahli Yang Berhormat mengenai perjudian kurang jelas, bagaimanapun saya beranggapan perkara yang dimaksudkan itu adalah perjudian haram. Maka itu sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak berkuasa sedang meningkatkan usaha untuk menyekat dan membentasi perjudian haram melalui pengumpulan maklumat dari orang ramai, perisikan polis dan juga tindakan melalui undang-undang.

Saya kurang jelas mengenai 'peniruan' yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menjawabnya.

SEKOLAH DI PENDALAMAN SABAH

57. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau bercadang melawat kawasan-kawasan terpencil di Sabah demi untuk memperoleh maklumat jelas tentang keadaan di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan tersebut sepertimana yang pernah dilakukan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri semasa beliau menjadi Menteri Pelajaran dahulu di mana beliau telah melawat tempat-tempat tersebut dengan menaiki helikopter.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Banyak kawasan-kawasan pendalaman termasuk di Sabah telah dijelajah. Dan memang menjadi hasrat Menteri Pendidikan untuk meneruskan dengan kunjungan-kunjungan sebagainya.

KOPERASI PEMBANGUNAN NEGARA BERHAD

58. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah perjalanan dan kemajuan Koperasi Pembangunan Negara Berhad (KPNB) semenjak kebelakangan ini. Apakah kegiatan dan projek-projek yang telah sedang dan akan dilaksanakan; apakah peranan dan sumbangan KPNB terhadap kemajuan serta prestasi Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) di seluruh negara.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Semenjak didaftarkan pada 2 Disember 1983 Koperasi Pembangunan Negara (KPNB) menjalankan berbagai kegiatan. Pada masa ini telah ada 340 buah koperasi yang menjadi ahli KPNB.

Di antara projek-projek yang dijalankan termasuklah pembekalan simen dan besi keluli untuk projek-projek jalan simen luar bandar. KPNB

juga memasuki tender-tender membekalkan baja serta alat-alat pertanian lain, kerja-kerja kontrak pembinaan bangunan dan jalanraya. Untuk kemudahan koperasi serta agensi Kerajaan, KPNB juga membekalkan alat-alat jentera secara sewaan untuk sesuatu projek seperti mesin membancuh simen untuk projek jalan simen dan sebagainya. Jumlah nilai projek-projek yang dilaksanakan oleh KPNB ialah lebih daripada \$12.78 juta.

Maklumat yang lebih terperinci tidak dapat diberikan kerana ianya merupakan rahsia perniagaan. KPNB adalah suatu badan bebas dan bukan merupakan suatu agensi Kerajaan.

Rancangan masa hadapan KPNB termasuklah menceburkan diri dalam bidang pertanian (secara komersial) dan perdagangan dan melibatkan koperasi-koperasi lain (khususnya yang bergabung atau menjadi ahli KPNB), terutama koperasi-koperasi Pembangunan Daerah.

AKTA PELAJARAN 1961— KAJIAN SEMULA

59. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah agaknya pengkajian semula Akta Pelajaran 1961 akan siap dan hasil kajian diumumkan dalam hal pengkajian semula ini, adakah pandangan-pandangan guru-guru, ahli-ahli akademik, pakar-pakar pendidikan atau persatuan-persatuan ibu bapa dan guru-guru diperolehi supaya Kerajaan mendapat pengesyoran bahawa kandungan Akta yang dipinda adalah selaras dengan kehendak-kehendak rakyat terutama sekali mereka yang berpengalaman dalam bidang pendidikan. Jika tidak, mengapa. Jika ada, bolehkah pihak Kerajaan mengulas dengan ringkasnya pandangan pihak yang manakah yang

(atau akan) dicari, kriteria-kriteria bagi pemilihan mereka ini, cadangan-cadangan mereka (sekiranya sudah diberi), serta tindakan atau perubahan yang dibuat oleh Kementerian ekoran daripada cadangan-cadangan itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan masih lagi menjalankan kajian semula Akta Pelajaran 1961. Adalah terlalu awal untuk menjelaskan bilakah kajian semula Akta ini akan siap dengan lengkap.

Kementerian Pendidikan memang mengambilkira pandangan dan pendapat dari semua pihak dalam usaha mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh.

Oleh kerana kajian ini belum selesai lagi, maka tidaklah dapat diberitahu maklumat yang diperlukan mengenai pandangan-pandangan pihak-pihak tertentu.

AKTA RAHSIA—PELANGGARAN

60. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada mana-mana Menteri Kabinet telah melanggar Akta Rahsia Rasmi ataupun membongkarkan rahsia-rahsia Jemaah Menteri semasa pemilihan Presiden dan Majlis Tertinggi UMNO yang berlangsung April lalu, dan jika ya, nyatakan pelanggaran-pelanggaran atau pembongkaran-pembongkaran ini, dan sama ada mana-mana daripada mereka akan didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Jabatan Perdana Menteri tidak terima apa-apa laporan mengenai kebocoran rahsia dibuat oleh Ahli-ahli Pentadbiran yang ada kaitan dengan pemilihan Majlis Tertinggi UMNO yang berlangsung pada bulan April lalu.

BANDUAN TAHANAN

61. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan banduan tahanan dalam negara ini sehingga 31-5-1987. Adakah beliau sedar bahawa tahanan ini telah menjadi satu masalah yang serius dan merupakan satu sebab utama kesesakan dalam penjara, jika sedar, sama ada Kementeriannya bercadang untuk menyemak sistem banduan tahanan yang ada sekarang bagi tempoh yang lama dengan satu pandangan ke arah menghadkan jangkamasa orang yang dituduh boleh ditahan sebelum dibicarakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah bilangan banduan tahanan (remand prisoner) di negara ini sehingga 31-5-1987 ialah seramai 6,734 orang.

Pihak Kerajaan memang menyedari bahawa masalah banduan tahanan adalah merupakan satu dari sebab-sebab kesesakan dalam penjara-penjara tertentu. Walau bagaimanapun Kerajaan belum bercadang untuk menghadkan tempoh masa tahanan terhadap banduan tahanan sebelum mereka dibicarakan.

KEWARGANEGARAAN— MENGETATKAN SYARAT

62. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Perdana Menteri menjelaskan mengenai masalah kewarganegaraan yang menjadi polimik oleh sesetengah golongan sekarang supaya syarat-syarat untuk menjadi warganegara dilonggarkan. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengetatkan lagi syarat-syarat kewarganegaraan bagi menjamin ianya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Adalah terdapat golongan-golongan tertentu yang telah melahirkan

perasaan tidak puashati mereka mengenai urusan pengeluaran sijil kewarganegaraan kerana pada pendapat mereka, pihak berkuasa berkenaan sengaja mendirikan bantahan terhadap golongan tertentu itu dari mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Di Dewan yang mulia ini, sukacita saya nyatakan bahawa Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan siapa yang berhak mendapat kewarganegaraan dan siapa yang tidak. Perkara ini adalah jelas.

Yang menjadi masalah ialah pihak yang memohon taraf kewarganegaraan tidak dapat memberi bukti bahawa mereka berhak mendapatkan taraf itu.

Syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah hasil dari rundingan dan persetujuan di antara semua kaum serta memenuhi kepentingan semua pihak di negara ini semasa Perlembagaan Persekutuan digubalkan dahulu. Kerajaan tidak bercadang untuk meminda syarat-syarat itu sekarang.

GETAH ASLI — PENGELUAR/ PENGEKSPORT UTAMA

63. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebagai Dasar Rasmi adakah Kerajaan akan mempertahankan kedudukan Malaysia sebagai negara pertama mengeluarkan dan mengeksportkan getah asli di seluruh dunia apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menghentikan 'trend' mengurangkan pertanian dan tanaman pokok-pokok getah asli oleh para Syarikat-syarikat Perladangan tempatan dan juga oleh pemilik-pemilik perseorangan tanah pertanian. Apakah lain-lain usaha-usaha Kerajaan menggalakkan dan menambahkan hasil-hasil keluaran pokok getah asli.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam soalnya, Malaysia buat masa ini masih merupakan negara pengeluar dan pengeksport utama getah asli di seluruh dunia. Namun demikian bukanlah merupakan hasrat Kerajaan untuk mempertahankan kedudukan ini kerana apa yang lebih penting diutamakan ialah untuk menjadikan industri getah asli Malaysia suatu industri yang cekap, kompetitif dan berdaya maju. Dengan demikian secara tidak langsung Malaysia boleh mempertahankan kedudukan persaingannya.

Mengenai trend syarikat-syarikat perladangan tempatan dan juga pekebun-pekebun persendirian menukar tanaman getah kepada lain-lain tanaman, sukacita saya menegaskan bahawa Kerajaan perlu melihat perubahan ini dari segi kepentingan negara keseluruhannya termasuk keuntungan yang boleh memberi hasil yang maksima kepada negara dan juga kesesuaian tanah. Dalam menentukan dasar pertanian negara Kerajaan menitikberatkan pertumbuhan yang seimbang dalam sektor pertanian supaya negara tidak bergantung kepada satu tanaman sahaja agar masalah yang dihadapi oleh mana-mana tanaman itu tidak akan menjejaskan ekonomi keseluruhannya.

Mengenai usaha-usaha Kerajaan menggalakkan dan menambahkan hasil-hasil keluaran pokok getah sehingga kini Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif kearah meningkatkan produktiviti dan pengeluaran getah negara. Peningkatan produktiviti telah dicapai melalui penyelidikan yang telah menghasilkan klon-klon baru serta bahan-bahan tanaman yang mempunyai hasil yang tinggi. Bahan-bahan tanaman baru ini telah diperkenalkan secara kecil-kecilan sejak beberapa tahun dahulu dan kini

sedang dimajukan dengan lebih giat lagi di sektor pekebun kecil di mana terdapat potensi bagi meningkatkan hasil. Usaha-usaha penyelidikan juga telah memperkenalkan serta memajukan sistem torehan dan pungutan lateks yang boleh meningkatkan lagi hasil pokok-pokok getah yang sedia ada. Di samping itu usaha-usaha pemindahan teknologi khususnya dikalangan pekebun-pekebun kecil terus dipertingkatkan dari segi memajukan klon-klon dan bahan-bahan tanaman yang memberi hasil lebih tinggi, penggunaan pengalakkan susu, cara-cara pembajaan serta penjagaan pokok, teknik-teknik torehan dan pungutan dan amalan sistem pekebunan yang baik. Langkah-langkah yang saya sebutkan tadi telah dapat meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran di sektor pekebun kecil.

STESYEN RADIO SWASTA— PENGUMUMAN

64. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Penerangan menyatakan apakah kedudukan sekarang berkenaan dengan pengumuman bekas Menteri Penerangan pada 14hb. April, 1987 bahawa Kerajaan telah meluluskan penubuhan tiga buah Stesyen Radio Swasta yang akan didirikan di Johor Bharu, Penang dan Lembah Kelang masing-masing.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan pada 14hb. April, 1987 sebenarnya ialah Kerajaan telah mengenalpasti 3 kawasan di mana Stesyen Radio Swasta mungkin boleh didirikan. Kawasan-kawasan tersebut ialah di Johor Bharu, Pulau Pinang dan Lembah Kelang. Keputusan sama ada rancangan mendirikan stesyen radio swasta itu akan terus dijalankan atau tidak adalah bergantung pada

kelulusan Akta Penyerahan yang akan dikemukakan kepada Parlimen tidak lama lagi.

(Soalan No. 65. Sila lihat jawapan No. 38 pada 29-6-87).

AKTA PELAJARAN 1961— PINDAAN

66. Tuan P. Patto minta Menteri Pendidikan menyatakan di peringkat manakah pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Pelajaran 1961 kini berada dan apakah unsur-unsur utama pindaan-pindaan yang dicadangkan itu; dan sama ada Fasal 21(2) Akta tersebut akan dimansuhkan, jika tidak, mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kajian mengenai Akta Pelajaran 1961 sedang berjalan dan adalah terlalu awal bagi saya untuk menjelaskan unsur-unsur yang hendak dipinda itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (30hb Jun, 1987).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, semasa saya mengakhiri ucapan dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Jabatan Penerbangan Awam

ini kelmarin, saya telah menyebutkan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai bersabit dengan Lapanganterbang Kuala Tahan yang telah dibina semasa sambutan PATA. Sebenarnya Kementerian Pengangkutan sudah mencuba dan sedang mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan penerbangan-penerbangan ke Kuala Tahan. Tetapi nampaknya response, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, daripada syarikat-syarikat dan agen-agen pelancongan tidak menggalakkan. Kalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam dewan ini boleh menolong menggalakkan syarikat-syarikat pelancongan di kawasan masing-masing untuk berbuat demikian, saya sangat-sangat berterima kasih.

Satu perkara lagi yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai dan juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain ialah mengenai masalah kelewatan penerbangan-penerbangan. Berhubung dengan penerbangan-penerbangan dalam negeri sekiranya ada kelewatan biasanya pesawat yang berkenaan itu belum lagi mendapat kelulusan untuk meneruskan penerbangannya kerana pesawat tersebut ataupun juruterbangnya mestilah mendapat kelulusan daripada air traffic control, dengan izin, sebelum ianya boleh berlepas dan juruterbang juga mesti memastikan bahawa semua keperluan dari segi keselamatan dari segi operasi penerbangan awam dipatuhi. Sekiranya ada apa-apa masalah teknikal pula pesawat yang terlibat tidak boleh meneruskan penerbangannya sebelum masalah teknikal itu diselesaikan kerana ini adalah satu keadaan yang boleh membahayakan.

Berhubung dengan kelewatan penerbangan-penerbangan antarabangsa, ada banyak faktor-faktor lain yang boleh mengakibatkan

kelewatan itu. Ada setengah daripada Faktor-faktor ini ialah menunggu untuk mendapatkan aras optima atau 'optimum flight level for international flights'. Jadi, kalau belum dapat aras optima ini, biasanya ia tidak berlepas. Dan juga keadaan cuaca buruk misalnya adalah di luar kawalan lapangan terbang untuk sesuatu penerbangan itu. Walau bagaimanapun, Jabatan Penerbangan Awam sentiasa mengambil tindakan supaya penerbangan-penerbangan berjalan mengikut jadual sejauhmana yang boleh tetapi keperluan-keperluan keselamatan dan juga keselamatan penerbangan awam perlulah diberikan keutamaan.

Bersabit dengan kelambatan tadi, Yang Berhormat juga ada menyatakan mintalah pertimbangan kalau misalnya lagi 15 minit kapalterbang hendak berangkat, kalau boleh, disuruh tunggu sekejap agaknya bagilah peluang supaya orang ini dapat masuk. Saya suka menegaskan di sini bahawa 'precision timing', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat penting dalam satu-satu penerbangan. Jadi, kalau misalnya seseorang juruterbang itu sudah mendapat clearance atau kebenaran daripada air traffic control, dengan izin, maka dia tidak boleh menunggu lagi. Kalau dia tunggu nanti dia kena tunggu lewat lagi sebab banyak penerbangan-penerbangan lain yang mengikut jadual yang mesti dilepaskan yang mesti diberi clearance, dengan izin. Dan kalau diberi keistimewaan pula pada satu-satu orang, orang lain pun hendak keistimewaan juga. Jadi, nanti jadual penerbangan kita ini tertangguh sepanjang masa dan ini tidak bolehlah.

Ada juga Yang Berhormat menyentuh katanya Menteri suruh kapalterbang tunggu dia. Sebenarnya tidak, janganlah pihak-pihak Pembangkang mempunyai prasangka dan buruk sangka terhadap anggota-anggota Kerajaan Barisan Nasional kerana Jemaah Menteri sendiri telah

membuat keputusan bahawa tidak seorang Menteri pun, tidak seorang anggota Kerajaan pun dibenarkan menahan atau menangguhkan mana-mana penerbangan. Ini adalah arahan. Jadi, kalau Menteri pun dia mestilah datang ikut masa. Saya sukalah mencadangkan supaya semua penumpang, semua orang menepati masa iaitu mengamalkan kebiasaan punctuality kerana masa itu emas dan rasanya MAS tidak suka orang datang lewat.

Cadangan-cadangan dari beberapa orang Ahli Yang Berhormat supaya beberapa lapanganterbang baru diwujudkan di berbagai-bagai tempat, memang Jabatan Penerbangan Awam mempunyai rancangan jangka panjang untuk lapangan terbang-lapangan terbang baru tetapi perancangan ini mestilah mengikut kajian feasibility, dengan izin, dan juga mengikut keperluan-keperluan pada keadaan-keadaan semasa.

Mengenai tambang, sebenarnya ramai juga yang telah menyentuh masalah tambang. Tambang sebenarnya tidak ditetapkan ikut sesuka hati sesiapa sahaja, tambang yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada kos-kos yang terlibat dalam satu-satu penerbangan dan ianya berasaskan berbagai-bagai perkara iaitu kos pendaratan, kos membawa barang-barang dan kos kakitangan dan banyak lagi kos-kos yang mesti diambil kira. Oleh kerana itu tambang ini pun memang dikawal oleh pihak Kementerian. Tidak sesiapa pun boleh sewenang-wenangnya untuk menaikkan tambang atau menurunkan tambang tetapi bagi kita kalau menurunkan tambang itu memang kita terima sangat-sangatlah, kita suka sangat-sangatlah mendengarkan tambang-tambang boleh diturunkan.

Mengenai lapanganterbang-lapanganterbang yang kecil, memang ada rancangan pihak Kementerian dan juga Jabatan Penerbangan Awam

untuk mempertingkatkan perkhidmatannya tetapi dalam keadaan ekonomi hari ini memang projek-projek ini banyaklah yang terpaksa ditangguhkan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah meyebut mengenai masalah tempat duduk dalam kapalterbang banyak kosong walhal apabila seseorang penumpang hendak membeli tiket kapalterbang dikatakan tiket kapalterbang itu sudah pun habis. Sebenarnya perkara ini dari satu masa ke satu masa memang dikaji. Apakah perkara-perkara yang menyebabkan keadaan sedemikian.

Kadangkala memang satu-satu kapalterbang itu tidak boleh membawa full-load, dengan izin, muatan penuh kerana masalah landasan kapalterbang, tempat ia akan mendarat mungkin tidak boleh menerima muatan yang sebegitu banyak atau full-load itu, itu satu sebab. Ada juga sebab di mana agen-agen yang telah membuat block-booking ini menjual tiket-tiket tetapi hingga saat-saat akhir tidak menyatakan bahawa adakah tiket-tiket itu tidak terjual. Sekiranya mereka itu memberitahu kepada pihak MAS sendiri bahawa ada tiket-tiket tidak terjual, maka penumpang-penumpang yang datang ke lapanganterbang boleh membeli tiket-tiket itu. Mengenai tiket-tiket yang dijual kepada penumpang-penumpang dan orang-orang itu sendiri tidak datang naik kapalterbang pada masa yang ditetapkan, itupun ada juga kerana setengah-setengah orang, mereka telah merancang hendak pergi ke suatu destinasi, mereka beli tiket kapalterbang itu dan sungguhpun ada bayaran, charge, denda misalnya kalau kita tidak naik kapalterbang, kalau kita tidak batalkan dalam tempoh 18 jam kita akan terpaksa membayar charge atau denda, mereka ini tidak mengira, mereka sanggup bayar denda. Jadi, tidak dapat jugalah kita hendak

mengisi tempat mereka itu dengan orang lain kerana tidak dibatalkan.

Satu perkara lagi mengenai masalah penukaran pesawat Boeing kepada pesawat Fokker ataupun pembatalan penerbangan-penerbangan tertentu. Masalah ini biasanya dihadapi di sektor-sektor tertentu di mana bilangan penumpang-penumpangnya tidak mencukupi. Jadi kita berharap jugalah supaya pengguna-pengguna dan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri bersimpati dengan pihak Jabatan Penerbangan Awam dan MAS kerana kalaulah hanya ada dua, tiga orang sahaja penumpang hendak bawa satu kapalterbang pergi ianya akan menghadapi kerugian yang amat besar dan oleh kerana itu kita memintalah supaya ada kefahaman di pihak penumpang-penumpang.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyebut mengenai penerbangan pada waktu sembahyang hari Jumaat. Sebenarnya penerbangan-penerbangan yang dilaksanakan mungkin ada hubung-kait dengan penerbangan-penerbangan antarabangsa atau bersambung pula dengan penerbangan lain dalam negeri dan bagi penerbangan-penerbangan yang ada kaitan, ini memanglah sukar untuk ditukar jadualnya. Perkara-perkara lain yang berkaitan dengan satu-satu penerbangan itu mesti diambilkira, misalnya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, slot time, untuk mendarat. Kalau sudah dijadualkan satu "slot time" tadi untuk mendarat maka kalau diubah pula, ubah segala jadual yang ada bagi penerbangan-penerbangan lain dan kekosongan untuk parking itu pun mesti juga dijadualkan. Kalau tidak ada tidak boleh turun, telah sampai masa nanti tidak boleh turun, tidak ada tempat dia hendak parking. Misalnya gatenya itu tidak boleh masuk, semua gate sudah penuh berisi dan begitu juga keadaan aerobridgenya itu, dengan izin, iaitu jambatan yang menyambung daripada

lapanganterbang-lapanganterbang kepada kapalterbang itu mungkin juga digunakan. Di mana yang mungkin perkara ini bolehlah dipertimbangkan tetapi saya sangat-sangat berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memahami mengenai masalah-masalah yang boleh dihadapi oleh pihak-pihak Jabatan Penerbangan Awam dan juga MAS.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat hendak

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan. Apakah pihak Kementerian sedang berusaha ataupun mencari jalan bagi memastikan tidak ada penerbangan yang dilakukan di waktu Jumaat. Saya faham masalah-masalah yang dihadapi tadi tetapi saya tidak dengar lagi jawapan di mana pihak Kementerian akan berusaha supaya di waktu Jumaat itu orang sembahyang itu ada berlaku lagi perkara yang seumpama itu.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jaminan kerana saya kata di mana mungkin akan ditimbangan kerana masalah-masalah yang terlibat tadi itu yang saya sebutkan itu begitu rumit sekali untuk diatur semula kerana bukan ianya akan melibatkan penerbangan-penerbangan dalam negeri sahaja, ianya akan juga melibatkan penerbangan-penerbangan antarabangsa. Ini akan menjadi suatu kerumitan yang besar. Jadi, di mana mungkin bolehlah ditimbangan.

Yang Berhormat dari Simunjan telah menyentuh mengenai perkara Kerajaan perlu memberi perhatian kepada usaha memupuk integrasi nasional, mungkin dengan kadar

tambang direndahkan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ini adalah memang menjadi dasar Kerajaan untuk memupuk integrasi di antara penduduk-penduduk Semenanjung dengan penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini Kementerian Pengangkutan dan MAS sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha untuk memupuk integrasi nasional dan dalam soal ini permintaan bagi perjalanan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak sentiasa diawasi demi menentukan perkhidmatan yang disediakan itu dapat menampung permintaan yang wujud.

Satu perkara lagi disebutkan oleh Yang Berhormat dari Simunjan MAS menggunakan kapalterbang-kapalterbang besar seperti DC-10 untuk perkhidmatan ke Sabah dan Sarawak. Pesawat MAS yang digunakan untuk satu-satu sektor itu bergantung kepada beberapa faktor iaitu sekiranya ada permintaan yang cukup MAS akan mengkaji kemungkinan menggunakan pesawat-pesawat yang lebih besar. Sekiranya kemudahan-kemudahan di lapanganterbang itu juga boleh menampung pesawat-pesawat yang lebih besar barulah boleh kita berbuat demikian.

Mengenai kadar tambang MAS yang diminta dikurangkan supaya menggalakkan kedatangan pelancong-pelancong ke Sabah dan Sarawak, MAS telah mengadakan berbagai tambang khas yang berdiskaun untuk menggalakkan orang ramai membuat perjalanan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Adalah didapati bahawa kadar-kadar khas berdiskaun ini mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai.

Satu perkara lagi ialah cadangan supaya perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan "Shuttle" dibaiki. Kementerian Pengangkutan memang

mengambil maklum teguran-teguran itu dan sistem "Shuttle" memang sentiasa diawasi oleh Kementerian dan MAS dan langkah-langkah tertentu akan diambil untuk memperbaikinya. Tetapi untuk ingatan kita semua bahawa "Perkhidmatan Shuttle" ini adalah lebih murah dari tambang biasa. Jadi tentulah ada sedikit "inconvenience", Tuan Yang di-Pertua, kerana ianya tidak semestinya seorang itu membuat booking in advance, dengan izin.

Yang Berhormat dari Kuala Nerus menyentuh bersabit dengan cara membeli tiket kapal terbang secara terus di lapangan terbang dan membelinya di situ dengan tidak payah booking. Cadangan ini memang sekarang ini boleh, seseorang penumpang terus pergi ke lapangan terbang membeli tiket dan mungkin boleh dapat terus menaiki kapal terbang. Tetapi sekiranya semua orang hendak berbuat begitu, ini mungkin akan mendatangkan kesusahaan kepada orang-orang yang sudah membuat rancangan lebih awal, yang sudah menentukan hari apa dia hendak terbang dan sebagainya kerana kita tidak mempunyai banyak pesawat ataupun penerbangan-penerbangan untuk satu-satu hala seperti yang ada di negara-negara lain. Jadi ini mungkin akan menyusahkan. Kerana kalau semua orang tidak boleh buat booking dan hendak terus pergi beli tiket kapal terbang, mereka terpaksa beratur berjam-jam seperti kata salah seorang Ahli Yang Berhormat yang sudah berjam-jam beratur, kena pula tunggu lagi, kena pergi ke kaunter lain dan sebagainya; ini akan menyusahkan. Dan memang MAS sebenarnya kalau hendak mengadakan perkhidmatan seperti itu terpaksa membeli banyak lagi pesawat-pesawat terbang dan ini dalam keadaan sekarang tidak begitu viable.

Yang Berhormat dari Padang Terap telah mencadangkan supaya "open sky

policy", dengan izin, diadakan untuk menggalakkan pembangunan Pulau Langkawi. Sebenarnya dasar "open sky" sememangnya telah diamalkan oleh Kerajaan pada masa sekarang bagi penerbangan-penerbangan yang dipanggil, dengan izin, "inclusive tour charters". Di bawah dasar ini, penerbangan-penerbangan charter dari luar negeri yang bercorak "inclusive tour" yang membawa masuk pelancong-pelancong asing adalah digalakkan untuk datang ke tempat-tempat di Malaysia termasuklah Pulau Langkawi.

Yang Berhormat dari Pasir Pinji dan juga Yang Berhormat dari Bagan Serai telah menyebut mengenai Lapangan Terbang Ipoh. Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk menaikkan taraf Lapangan Terbang Ipoh untuk menampung operasi Boeing 737 termasuk operasi pada waktu malam. Walau bagaimanapun oleh sebab keadaan ekonomi pada hari ini tidak mengizinkan, projek ini tidak dapat dilaksanakan sekarang. Apabila keadaan ekonomi pulih, Kerajaan akan melaksanakan projek tersebut.

Yang Berhormat dari Maran menyebut mengenai kedudukan projek Lapangan Terbang Kuantan. Kementerian memang ada rancangan begitu tetapi tidak dapat dilaksanakan seperti sebab yang telah saya sebutkan bagi Lapangan Terbang Ipoh dan ianya akan dilaksanakan apabila sampai masanya kelak.

Mengenai lapangan terbang di Perlis seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Arau memang Kerajaan tidak ada apa-apa rancangan untuk membina lapangan terbang di Perlis pada masa ini.

Bagi Lapangan Terbang Kota Bharu yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Tanah Merah, Kementerian memang mempunyai rancangan untuk

mempertingkatkan taraf Lapangan Terbang Kota Bharu untuk mengendalikan pesawat-pesawat sehingga ke Airbus. Tetapi memandangkan keadaan ekonomi hari ini dan masalah peruntukan kewangan yang dihadapi oleh Kementerian dan Jabatan, projek ini terpaksa ditangguhkan. Dan apabila keadaan ekonomi pulih ianya akan dilaksanakan semula.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya bagi menaikkan taraf satu-satu lapangan terbang itu bukanlah memadai hanya dengan membesar atau memanjangkan landasannya tetapi banyak lagi perkara-perkara lain yang mesti diubah, diperbaiki dan ditambah seperti misalnya alat-alat pandu arah dan alat-alat perhubungan selaras dengan keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh International Civil Aviation Organization, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat dari Arau juga telah membangkitkan perkara Jabatan Penerbangan Awam perlu mengkaji operasi kapal terbang jenis "ultra light" supaya perkara-perkara keselamatan diberi keutamaan termasuklah alat-alat perhubungan dengan pusat-pusat kawalan.

Jabatan Penerbangan Awam memang mengenakan syarat-syarat bagi operasi pesawat jenis "ultra light" ini. Syarat-syarat ini termasuklah peraturan-peraturan berkaitan dengan keselamatan. Jabatan Penerbangan Awam sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menentukan operasi "ultra light" ini dijalankan dengan selamat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai di antaranya meminta supaya diberi perhatian kepada perkhidmatan MAS dalam negeri kerana perkhidmatan dalam negeri adalah lebih baik menguntungkan daripada perkhidmatan luar negeri.

Perkara kedua yang disebut oleh beliau ialah memberi perhatian untuk memperbaiki layanan dalam penerbangan MAS khususnya dalam perkhidmatan dalam negeri.

Mengenai perkara pertama tadi, adalah tidak benar bahawa perkhidmatan MAS dalam negeri adalah lebih menguntungkan daripada perkhidmatan luar negeri. Hanya beberapa sektor tertentu sahaja dalam negeri yang mendatangkan keuntungan. Sebaliknya pula perkhidmatan luar negeri MAS adalah lebih menguntungkan secara keseluruhannya daripada perkhidmatan dalam negeri. Walau bagaimanapun Kementerian Pengangkutan dan MAS sentiasa memberi perhatian untuk meninggikan mutu perkhidmatan dalam negeri serta layanan dalam penerbangan MAS sama ada dalam negeri ataupun luar negeri. Teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat diambil maklum dan diberi perhatian yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai telah membawa perkara Kerajaan perlu memberi galakan dan juga sokongan kepada syarikat-syarikat penerbangan yang tidak berjadual. Contoh yang telah diberi ialah "MacAir". Kementerian Pengangkutan sememangnya memberikan galakan yang sewajarnya kepada syarikat-syarikat penerbangan yang tidak berjadual demi menentukan industri tersebut dapat bertumbuh dan memenuhi kehendak-kehendak rakyat dan negara.

Dalam hal ini apa-apa juga permohonan yang diterima dari syarikat-syarikat penerbangan yang tidak berjadual untuk mengadakan perkhidmatan di atas sesuatu sektor tertentu akan diberi perhatian yang sewajarnya dan jika didapati sesuai ianya diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, Maran, Padang Terap dan

Tanah Merah masing-masing semuanya ada menyentuh berbagai-bagai perkara mengenai penswastaan iaitu memberi ingat kepada Kerajaan atas tindakan-tindakannya supaya mengambil kira berbagai-bagai faktor iaitu mengenai monopoli, mengenai harta supaya terpelihara dan juga untuk meminta supaya ada kerjasama di antara agensi-agensi dan juga supaya Kerajaan berwaspada supaya tidak diberikan penswastaan itu kepada orang-orang tertentu, orang-orang yang berdekatan dengan Menteri dan kawan-kawan dan sebagainya.

Perkara-perkara yang telah dibangkitkan berkaitan dengan penswastaan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas cadangan-cadangan dan saranan-saranan yang telah dibuat dan Kementerian akan memberi pertimbangan kepada cadangan-cadangan ini dalam rancangan penswastaannya kelak.

Saya juga ingin maklumkan bahawa sebelum satu-satu rancangan penswastaan-penswastaan lapangan terbang-lapangan terbang dilaksanakan satu kajian teliti dan menimbang semua perkara dari saranan dan cadangan-cadangan dan juga mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan termasuklah cara-cara yang paling berkesan bagi melaksanakan rancangan penswastaan, mengambil kira kepentingan orang ramai dan pihak-pihak lain yang berkaitan termasuklah mengenai keselamatan dan sebagainya semuanya akan diteliti dan dikaji sebelum ianya dilaksanakan.

Saya teringat ada juga disebutkan mengenai perkara konsep penswastaan yang dikatakan untuk memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan pekerja-pekerja—bilangan pekerja. Pihak Kerajaan memang mengambil perhatian yang berat terhadap perkara ini dan kita

tahu satu-satu badan swasta memanglah seboleh-bolehnya ia ingin mengelakkan daripada beban pekerja yang ramai. Tetapi dalam pelaksanaan penswastaan ini pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan telah pun membuktikan misalnya dalam penswastaan perkhidmatan kontena di Pelabuhan Kelang di mana syarikat yang menguruskan perkhidmatan ini secara penswastaan disyaratkan menyerap pekerja-pekerja yang telah sedia ada. Jadi ini adalah satu contoh tindakan Kerajaan dalam penswastaan yang saya jangka boleh memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada rakyat seluruhnya bahawa Kerajaan bertanggungjawab atas perkara-perkara yang dilaksanakannya.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah membangkitkan implikasi yang mungkin timbul daripada pindaan kepada Bahagian 9 iaitu seksyen baru 27A, kuasa-kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masa darurat, khususnya dia sebut mengenai sijil. Perlu ditegaskan di sini bahawa kemudahan-kemudahan di lapangan terbang merupakan satu komponen yang penting dalam sistem pengangkutan negara dan sekiranya terdapat keadaan darurat Kerajaan perlu mengambil tindakan segera bagi memastikan supaya perkhidmatan-perkhidmatan di lapangan terbang dikendalikan dengan sempurna bagi keperluan operasi-operasi penerbangan awam. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan masing-masing telah menegaskan mengenai keadaan keselamatan ini. Oleh yang demikian, bagi tujuan menjaga kepentingan orang ramai dan juga operasi-operasi penerbangan awam di dalam masa daruratlah maka pindaan tersebut dibuat.

Ada beberapa teguran-teguran umum berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang

diberikan. Saya inginlah mengucapkan terima kasih ke atas teguran-teguran itu dan pandangan-pandangan yang telah diberi. Berhubung dengan perkhidmatan pengangkutan udara di negara kita khususnya yang dikendalikan oleh Sistem Penerbangan Malaysia, dalam hal ini saya inginlah memaklumkan bahawa beberapa perkara yang dibangkitkan itu misalnya berhubung dengan kadar tambang yang telah dijelaskan tadi, mengenai capacity serta kekerapan penerbangan dan kemudahan-kemudahan dalam penerbangan MAS dan sebagainya adalah sentiasa diberikan perhatian oleh Kementerian Pengangkutan dengan tujuan meninggikan mutu perkhidmatan yang diberi kepada orang ramai dan kita harap perkhidmatan-perkhidmatan ini akan lebih baik dan sempurna lagi apabila ianya diswastakan.

Satu perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai khususnya Yang Berhormat dari Marang kalau tidak silap saya iaitu discount yang diberi berhubung dengan tambang-tambang haji. Berhubung dengan tambang-tambang haji, ingin saya maklumkan bahawa adalah tidak benar bahawa terdapat kadar-kadar discount yang berlainan bagi golongan-golongan haji tertentu. Kadar tambang haji sebenarnya adalah sama bagi setiap orang yang ingin menunaikan fardu haji. Walau bagaimanapun, bagi perkhidmatan-perkhidmatan dalam negeri MAS telah mengadakan berbagai kadar tambang khas berdiscount bagi kegunaan orang awam. Kadar tambang khas berdiscount ini memberi kadar-kadar discount yang berlainan kepada golongan-golongan yang tertentu mengikut syarat-syarat tertentu. Misalnya terdapat tambang "senior citizen", dengan izin, yang memberikan discount sebanyak 50% berbanding dengan kadar tambang ekonomi biasa bagi perjalanan dalam negeri bagi rakyat Malaysia yang

berumur 55 tahun ke atas. Ini bukannya untuk bakal-bakal haji sahaja tetapi adalah kemudahan yang diberikan kepada "senior citizen" iaitu mereka yang sudah berpencen 55 tahun ke atas. Discount-discount lain, discount yang disebutkan oleh Yang Berhormat misalnya adalah untuk kemudahan-kemudahan bakal-bakal haji dalam negeri yang tidak membabitkan tambang haji daripada Kuala Lumpur ke Jeddah.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Saya tidak merujuk tambang Haji daripada Kuala Lumpur ke Jeddah tetapi saya merujuk tambang kepada bakal-bakal Haji dalam negeri. Yang saya ingin tahu, kenapa tambang bagi mereka berumur 55 tahun ke atas itu diberi discount 55% sedangkan yang di bawah 55 tahun itu diberikan hanya 25% sedangkan mereka semuanya adalah bakal haji, kita tidak merujuk kepada pangkat, umur dan sebagainya tetapi saya lebih mendasarkan kepada soal bakal haji itu sendiri, mohon penjelasan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, penjelasannya ialah kerana yang 55 tahun ke atas itu dianggap "senior citizen" tadi, memang sudah diadakan peraturan bagi "senior citizen" tambang kapal terbang, tambang keretapi, tambang bas dan sebagainya—itu memang 50% bagi negara kita. Jadi, mereka itu dapat benefit, dengan izin, adalah kerana mereka senior citizen dan bakal-bakal haji yang lain dapatlah yang 25% itu.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah di antara bahasan-bahasan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat banyak lagilah perkara-perkara yang telah dikemukakan tetapi semua perkara-perkara itu saya

telah ambil catatan dan akan mengambil tindakan yang perlu bagi tiap-tiap satu darinya dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi membahaskan Rang Undang-undang Penerbangan Awam ini dan berharap bahawa sokongan-sokongan seterusnya akan diberikan pada masa-masa lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.12 ptt.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) 1987 bagi tujuan untuk

membolehkan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia iaitu LPPPM mengadakan skim pinjaman perumahannya sendiri dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada bulan April 1985 dan telah berkuatkuasa mulai 1hb Oktober, 1985. Akta ini telah menukarkan status Institut Penyelidikan Perhutanan Jabatan Perhutanan iaitu FRI kepada sebuah badan berkanun Persekutuan yang dikenali sebagai Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia iaitu FRIM.

Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan 1955 ini perlu dipinda untuk membolehkan kakitangan Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang menjadi pelaksana keputusan-keputusan Lembaga menikmati skim pinjaman perumahan yang merupakan satu daripada syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan kepada kakitangan Institusi Penyelidikan Perhutanan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia apabila mereka diminta untuk memilih sama ada ingin berkhidmat dengan Lembaga atau kekal dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan semasa peringkat awal penubuhan Lembaga.

Seperti yang termaklum, pihak Perbendaharaan cuma boleh meluluskan pinjaman perumahan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam Persekutuan, Negeri dan Badan-badan Berkanun serta Kuasa-kuasa Tempatan yang telah menyerahkan skim pinjaman perumahan mereka kepada Perbendaharaan sebelum 10hb Ogos, 1982. Lembaga yang cuma ditubuhkan dalam tahun 1985 secara automatik belum melakukan perkara ini, malah tidak berkesempatan untuk berbuat demikian.

Untuk menunaikan janji Lembaga kepada kakitangan-kakitangan IPP yang telah memilih berkhidmat dengan Lembaga, maka perlulah disediakan skim pinjaman perumahannya sendiri kepada kakitangannya. Adalah dicadangkan iaitu untuk memberi kuasa kepada Lembaga mengadakan skim pinjaman perumahannya, seksyen 15 (3) (d) Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 dipinda dengan menambahkan perkataan-perkataan "rumah kediaman" atau sebelum perkataan "kenderaan" dan perkataan-perkataan "oleh Perbendaharaan" di akhir ayat seksyen ini. Dengan pindaan demikian Lembaga boleh mengadakan skim pinjaman perumahan dan kenderaan yang syarat-syaratnya ditetapkan oleh Perbendaharaan.

Satu peruntukan sebanyak \$2.5 juta telah diluluskan kepada Lembaga untuk mengendalikan skim pinjaman perumahannya sendiri mulai tahun 1987. Peruntukan ini akan luput jika tidak digunakan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) 1987 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.15 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang ini, suatu Rang Undang-undang bertujuan untuk

mbolehkan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia memikul tanggungjawab bagi mengadakan pinjaman-pinjaman perumahan kepada pegawai-pegawai Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia. Peruntukan seperti ini untuk memberi kemudahan kewangan supaya menjaga kebajikan kakitangan-kakitangan Lembaga itu ataupun Institut itu adalah dialu-alukan kerana ianya merupakan galakan kepada pegawai-pegawai untuk mereka dapat bekerja dengan lebih rajin.

Ingin saya mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan penyelidikan perhutanan Malaysia, khususnya saya berasal dari negeri Sarawak yang mengeluarkan banyak kayu-kayan.

Seperti yang semua telah maklum, Malaysia adalah salah satu negara yang terkenal dalam dunia ini dengan sumber perhutanan yang kaya. Hutan-hutan utama, hutan rimba utama ataupun primary tropical forest di negara kita merupakan agro sistem indah yang kian berkurangan pada hari ini di dunia ini. Jadi, saya cadangkan bahawa kita perlu menganggap warisan asli kita ini iaitu sumber-sumber perhutanan di Malaysia ini dengan perspektif bukan terhad kepada kepentingan ekonomi negara kita sahaja, bahkan juga dengan perspektif global khususnya dari segi pertimbangan perlindungan alam semula jadi di dunia ini, maka saya cadangkan penyelidikan ke atas conservation, dengan izin, sumber-sumber hutan di negara kita harus menjadi keutamaan tinggi dalam mengurus sumber-sumber tersebut.

Saya sedar hasil daripada pengeksploitasian sumber-sumber hutan khasnya di dalam industri kayu-kayan merupakan sumber pendapatan paling penting di beberapa negeri-negeri termasuklah Sabah dan

Sarawak. Wang yang didapati dari pembalakan dan pengeksportan kayu-kayan telah membolehkan negeri-negeri tersebut untuk menjalankan projek-projek pembangunan sosial ekonomi supaya memastikan kemiskinan dan meninggikan taraf hidup rakyat keseluruhannya. Walaupun begitu pembangunan sumber asli ini perlu diselaraskan dan disampingkan dengan usaha conservation supaya memastikan hutan-hutan utama kita tidak jadi terhilang sama sekali. Dengan lain kata, kepentingan ekonomi jangka pendek negara kita perlu dicapai dengan keseimbangan kepentingan jangka panjang dalam melindungi alam semula jadi yang akan dapat diwarisi dan dinikmati oleh generasi-generasi akan datang.

Perlindungan alam semula jadi di bidang perhutanan tidak akan dicapai dengan wujudnya Taman-taman Negara sahaja. Masanya telah tiba untuk negara kita sebagai pengeluar kayu-kayan tropika mengambil tindakan-tindakan yang sesuai dan wajar. Kita tidak mahu melihat sumber-sumber asli kayu ini dimusnahkan sama sekali dalam dekad-dekad akan datang. Penyelidikan terhadap pengawalan kegiatan pembalakan kayu, perancangan aktiviti-aktiviti industri kayu-kayan, reforestation, dengan izin, dan sebagainya perlu dipertingkatkan supaya negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak tidak akan menjadi, dengan izin, waste land, yang raksasa.

Saya mengemukakan cadangan ini bukanlah untuk perlindungan hutan-hutan sahaja ataupun flora, faunanya dan keindahan alam semula jadi sahaja, alam semula jadi kita merupakan sebahagian dunia fizikal kita. Kalau kita membunuh alam semula jadi ini, kita membunuh diri kita sendiri dalam jangka panjang juga. Dengan ini, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai

masalah-masalah yang telah timbul akibat daripada aktiviti-aktiviti membalak kayu di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kemerdekaan, aktiviti pembalakan kayu-kayan telah dipertingkatkan beberapa kali ganda akan tetapi aktiviti tersebut telah mendatangkan kesan-kesan yang buruk serta penderitaan berat kepada kaum Orang Asli yang menduduki kawasan hutan rimba itu.

Baru-baru ini sekumpulan delegasi yang terdiri daripada ketua-ketua kaum Orang Asli termasuklah mereka yang datang dari kaum Punan, Kenyah dan sebagainya melawat Kuala Lumpur dengan hasrat ingin berjumpa dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mencapaia penyelesaian kepada masalah-masalah mereka.

Dalam tempoh selama 5 tahun yang lalu telah berlaku tindakan-tindakan tunjuk perasaan yang aman oleh masyarakat Orang Asli di negeri Sarawak untuk membantah dan menentang aktiviti pembalakan kayu dalam kawasan mereka. Kegiatan-kegiatan blockade juga telah diadakan di hadapan kem-kem kayu tertentu dan individu-individu daripada orang ramai yang mengadakan tunjuk perasaan itu pun telah dituduh dan dihukum di mahkamah tempatan.

Masalah ini bukan terhad kepada kaum Punan ataupun Orang Asli sahaja, orang lain seperti Iban, Bidayuh dan lain-lain kaum asli yang disifatkan sebagai bumiputera di negeri Sarawak pun menghadapi masalah yang sama ini.

Apakah aduan mereka? Pertamanya ialah masalah pencemaran air minuman mereka. Orang-orang kampung mendapati air minuman dari gunung-ganang. Apabila aktiviti pembalakan kayu

bermula di kawasan itu, water catchment area, dengan izin, dicemarkan kerana hakisan tanah, air tercemar dan tidak dapat orang kampung minum lagi.

Yang kedua, sungai-sungai juga jadi tercemar diakibatkan ikan-ikan semuanya mati dan bekalan makanan dari sungai yang kaya dengan protein content ini juga dihapuskan. Di samping itu apabila satu kawasan telah diisytiharkan sebagai kawasan konsesi kayu, orang kampung dilarang masuk ke hutan itu untuk memburu binatang-binatang liar seperti babi hutan dan untuk mengutip hasil-hasil hutan seperti rotan atau sayur-sayuran dan sebagainya. Mereka juga dilarang untuk mengutip ataupun memotong pokok-pokok dari hutan itu bagi tujuan membina rumah panjang mereka.

Dan lagi, apabila syarikat kayu ataupun kontraktor mereka membina timber track kepada kawasan pembalakan di dalam hutan itu, mereka kadang-kala terpaksa menyeberangi tanah termuda ataupun, dengan izin, native customary rights land. Tuan punya tanah itu ataupun petani kampung itu jarang diberi saguhati atau compensation yang sesuai. Hakisan tanah dan keruntuhan tanah yang diakibatkan oleh pembinaan timber track tersebut juga mencemarkan tanah termuda itu dan mereka tidak dapat menanam padi dengan berjaya lagi.

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, cara hidup orang-orang kampung itu terugut dan terancam. Apa yang amat penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah soalan keadilan sosial. Orang-orang kampung adalah penduduk-penduduk hutan rimba yang amat miskin. Setiap hari mereka menyaksikan sendiri kayu balak diambil keluar dari kawasan mereka supaya menguntungkan bukanlah bagi orang-orang kampung itu, bahkan

hanya untuk menguntungkan taukeh-taukeh, jutawan-jutawan besar yang memiliki syarikat kayu balak.

Apabila orang-orang kampung itu menuntut sebahagian timber cess contohnya beberapa ringgit semetik tan kayu yang dikeluarkan sebagai saguhati, permohonan itu ditolak sama sekali.

Sememangnya orang-orang kampung merasakan marah kerana ketidakpuasan hati dan ketidakadilan. Kaum Orang Asli itu menganggap pihak Kerajaan di negeri Sarawak sebagai ibubapa mereka. Mereka selalu berharap Kerajaan akan menjaga rakyat miskin serupa semua ibubapa mencintai dan menjaga anak-anaknya. Orang-orang Asli ini selalu diberitahu projek pembangunan akan mendatangkan faedah kepada rakyat miskin tetapi apa yang mereka mengalami ialah pembangunan hutan rimba hanya mendatangkan faedah kepada jutawan-jutawan di bandar-bandar besar sahaja. Memang mereka tidak dapat tahan, tidak sabar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Kayu ini tidak mempunyai kuasa yang sesuai oleh kerana perihal perhutanan adalah di bawah bidang kuasa negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, mungkin masa sudah tiba untuk Lembaga Institut ini untuk menyiasat kesan-kesan, implikasi-implikasi yang telah mendatangkan kesulitan kepada Orang Asli yang menduduki kawasan luar bandar daripada aktiviti pembalakan kayu.

Mereka tidak dapat ditolak sahaja sebagai orang yang masih mahu duduk dalam keadaan yang mundur, mereka yang mahu remain as a museum piece, dengan izin. Tetapi mereka juga mahu memperbaiki keadaan hidup mereka, mereka juga mahu meninggikan taraf sosio-ekonomi mereka. Walaupun

dalam tempoh selama 5-6 tahun yang lalu mereka mempunyai, dengan izin, political muscle ataupun contact dengan mass media tetapi masalah ini tidak dapat ditolak oleh satu hujah yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak bahawa mereka mesti memberi "sacrifice" bagi tujuan untuk mendatangkan pembangunan, oleh kerana sekarang kita boleh menyaksikan bahawa pembangunan itu tidak mendatangkan faedah kepada Orang Asli itu dan mereka amat miskin, termiskin di dalam negara kita.

Walaupun delegasi ini sudah balik ke Sarawak, saya harap dengan ucapan di Dewan ini, dengan minat perasaan bersimpati, perasaan yang dilahirkan dari perasaan cintakan rakyat miskin, mungkin Institut ini boleh membuat satu kajian khas bagaimana industri kayu-kayan di negeri Sabah dan Sarawak dan mungkin juga di Terengganu dan Kelantan, bagaimana aktiviti ini sudah mendatangkan penderitaan yang serius kepada orang-orang miskin di luar bandar. Ini amat penting.

Saya terpaksa untuk menolak sama sekali hujah oleh pemimpin-pemimpin Sarawak yang tertentu, mereka yang memberi hujah bahawa pihak Orang Asli itu rebel-rouser, cause trouble sahaja, mereka orang jahat dan sebagainya, kerana pihak-pihak tertentu menjadikan mereka begini. Ini salah. Masalah ini sudah wujud selama 23-24 tahun sejak kemerdekaan. Masalah ini akan menjadi explosif kalau kita tidak mengendalikannya dengan teliti dan seriousness, kalau tidak susahlah.

Saya sedar Institut ini tidak ada kuasa tetapi saya haraplah mungkin pihak Persekutuan dan mungkin semua pihak tertentu yang berkuasa dapat mengkaji semula sikap ke atas dasar dan falsafah pembangunan sosio-ekonomi negara kita supaya

apabila kita mengeksploitasi sumber-sumber asli kita tidak akan membunuh cara hidup sesuatu tribal people sahaja. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Marang.

4.28 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama berbahas mengenai dengan pindaan kepada Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, 1985. Khususnya saya hendak menyentuh tentang pindaan kepada seksyen 15 yang menjurus kepada sub-section (3) (d) untuk memberi pinjaman kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Institut bagi maksud membeli rumah kediaman atau kenderaan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbendaharaan.

Saya melihat Akta yang akan dipinda ini adalah sangat baik dan jelas tujuannya iaitu untuk mengadakan pinjaman perumahan kepada kakitangan dan pengkhidmat-pengkhidmat. Saya kira ini adalah baik kerana tempat tinggal merupakan asas yang penting kepada setiap orang dan saya mendapat tahu bahawa jumlah kakitangan dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia adalah agak ramai iaitu melebihi daripada 500 orang. Buat masa kini mereka mendapat pinjaman sementara dengan Kementerian Kewangan dan saya difahamkan bahawa semua kakitangan ini tidak akan memperolehi pinjaman lagi setelah sampai tarikhnya iaitu 30hb September, 1987. Jadi kalau dikira bulan, kira-kira tiga bulan sahaja lagi. Maka kiranya Akta lama ini, iaitu Akta 319 tidak diubah atau tidak

dipinda, sudah tentulah sebahagian besar daripada 500 orang kakitangan dan pengkhidmat yang belum lagi membuat pinjaman ataupun mungkin kakitangan-kakitangan baru, mereka tidak akan mendapat pinjaman dan perkara ini akan membawa beberapa masalah pada kakitangan-kakitangan itu sendiri.

Saya melihat bahawa Akta ibu iaitu Akta 319 seksyen 15 (3) (d) hanya membenarkan kakitangannya membuat pinjaman kepada kenderaan sahaja, mungkin terlupa, mungkin tertinggal dan sebagainya. Maka sudah sangat tepatlah kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mencadangkan agar perkara rumah kediaman dimasukkan bagi tujuan menjaga kepentingan kakitangan, memberi keselesaan, memberi rasa ria, ghairah dan ingin bekerja dengan lebih bersemangat dan lebih selesa lagi.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa tempat tinggal merupakan salah satu daripada 3 asas yang penting dalam kehidupan seseorang manusia; pertama makanan dan minuman, kedua pakaian dan ketiga tempat tinggal. Saya melihat adalah agak canggung sekiranya Akta ini hanya memperuntukkan kepada soal kenderaan sahaja, iaitu Akta yang lama tidak kepada soal tempat tinggal, sedangkan kalau kita membuat perbandingan dengan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang lain termasuk kakitangan yang berbentuk separa Kerajaan atau quasi Government, mereka ini boleh dikatakan mendapat pinjaman perumahan. Jadi kalau keadaan ini berlaku pada kakitangan-kakitangan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan ini, maka menampakkan kepada kita semacam tidak keadilan berlaku di kalangan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berada di Malaysia itu sendiri.

Saya juga melihat bahawa jumlah yang ada itu, kalau tidak silap saya, angka yang tepat iaitu 505 orang, bukanlah merupakan angka yang kecil kerana satu orang saya mengambil purata mereka mempunyai tanggungan 5 orang, kalau 500×5 orang bererti lebih daripada 2,500 manusia yang memerlukan tempat tinggal, yang memerlukan keselesaan untuk masa depan mereka. Saya mengira bahawa memberi keselesaan kepada mereka bererti Kerajaan akan turut mengambil berat tentang kebajikan dan masa depan mereka. Mereka akan dapat bekerja dengan lebih ghairah, dengan lebih bersungguh, berminat dan ikhlas, ini sudah tentu akan meningkatkan prestasi pihak Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia dan sekali gus Kerajaan akan dicerminkan sebagai satu pemerintah yang lebih adil, yang lebih bertimbangrasa dan yang lebih bertanggungjawab. Saya kira itu merupakan tujuan diadakan pindaan ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kesempatan pada kali ini inginlah saya sentuh beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak Kementerian Perusahaan Utama mengenai Akta Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985, antaranya iaitu mengenai dengan pembaziran. Hari ini kita dapati banyak sekali kayu-kayu balak ditebang, tetapi sebahagiannya ditinggalkan sama ada di darat, di air ataupun tidak dijual, masalahnya mungkin disebabkan oleh firma ataupun syarikat yang berkenaan meninggalkan kayu-kayu balak itu. Kita tidak kisah siapa yang tinggal, siapa yang buat kerja, siapa yang buat angkara, kita tidak persoalkan, soalnya ialah wujud pembaziran yang tidak seharusnya dilakukan. Itu mengenai dengan yang ditinggalkan. Kemudian hari ini begitu juga kalau kita lihat di kilang-kilang ataupun orang putih kata sawmill-sawmill, kita dapati balak itu

yang penting sahaja, yang tidak penting itu dibakar, dibuang begitu sahaja dan perkara ini tidak berlaku di negara-negara maju seperti Jepun, Korea, Amerika ataupun negara-negara lain dan ini merupakan satu perkara yang agak ketara. Saya fikir eloklah kayu-kayu reja ini tidak dibuang, tetapi dijadikan perabot, alat-alat rumah dan sebagainya. Perkara ini mungkin kalau kita hendak kenakan peraturan sekarang pihak pengilang akan ketawa sahaja kerana sememangnya kita tidak mempunyai satu peraturan yang mementingkan supaya kayu-kayu yang sudah dipotong ini yang tidak dipakai lagi digunakan semaksima yang mungkin. Oleh yang demikian perlulah ada satu cara, ada satu kaedah bagaimana untuk memaksimakan kayu-kayu yang tidak dipakai tadi yang tidak dieksport itu digunakan sebaik mungkin, mudah-mudahan peluang-peluang pekerjaan ataupun cara-cara kaedah baru untuk memaksimakan kayu ini akan berhasil.

Begitu juga perkara ini saya sentuh, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad pernah ketika melawat England beliau telah menghabiskan masa selama 2 hari belajar tukang kayu, jarang kita tengok Perdana Menteri dalam Dunia ini pergi ke England belajar tukang kayu, tetapi Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad belajar di sana, bukanlah saya kira untuk beliau belajar, tetapi memberi makna, memberi simbol bahawa kita rakyat Malaysia seharusnya memaksimakan penggunaan kayu itu sebaik yang mungkin. Kita tidak mahulah hari ini bila bercakap tentang kayu balak, kita eksport balak mentah sahaja, kita tidak menggunakan serpihan-serpihannya untuk kegunaan perabot dan sebagainya

Saya harap Kementerian Perusahaan Utama dapatlah mencari jalan bagaimana seharusnya kayu itu digunakan dengan sebaik mungkin.

Selain daripada itu juga kita melihat tentang masalah pengeksport kayu-kayu balak dan juga penerbangan balak.

Sekarang kita nampak lebih banyak perolehan hasil daripada pengeksport kayu mentah ataupun, dengan izin, raw timber dan kita tidak melihat masalah-masalah ini, apabila kita buat perbandingan dengan negeri-negeri yang lain. Saya kira di timur jauh ini, di sebelah sini hanya Papua New Guinea dan Malaysia sahaja yang banyak mengeksport kayu-kayu balak ini, hutan diteroka, balak ditebang dan ini merupakan satu perkara yang perlulah kita hentikan dengan segera supaya kita tidak menjadikan rakyat Malaysia kita ataupun company atau firma kita untuk dapat wang cepat, secara panas, secara segera.

Saya kira adalah lebih baik pengeksportan ini dihad ataupun dihentikan atau kurang-kurang dikurangkan supaya kita tidak lagi memperolehi hasil balak itu dengan cara mudah, dengan cara cepat. Kalaulah kita biarkan masalah penebangan kayu ini berlarutan, ia mungkin satu hari nanti balak kita akan habis. Saya lebih suka kalau sekiranya kayu-kayu balak itu digergaji dahulu ataupun dimaksimakan penggunaannya dalam negeri. Apabila kita bekukan pengeksportan kayu balak keluar negeri, maka sudah barang tentulah orang memikirkan bahawa kita dalam masa yang sama memberhentikan hasil-hasil ataupun wang ringgit kepada negara kita sendiri, tetapi sebenarnya apabila kita menghentikan pengeksportan kayu balak, bererti kita boleh cari jalan lain bagaimana untuk kita mendapatkan hasil daripada kayu balak itu sendiri. Misal katakan, kita galakkan industri-industri luar, kilang-kilang ataupun perabot-perabot ataupun pengusaha luar supaya mendirikan kilang-kilang perabot mereka dalam negara kita, bukan kita bawa kayu ke negeri dia tetapi kita minta pengusaha-pengusaha

itu mendirikan kilang perabot dan sebagainya dalam negeri kita. Mudah-mudahan dengan cara ini kita kira bukan sahaja kita dapat menarik wang asing ke dalam negeri, tetapi juga kita akan memberi sebahagian daripada peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan itu sendiri, di samping kita dapat memindahkan hasil teknologi kepada orang-orang kita sendiri.

Selain daripada itu juga, kita nampak penebangan kayu balak secara berleluasa, ini adalah sangat-sangat mendukacitakan kalau kita tidak mengira tentang faktor-faktor yang lain. Mungkin kita mengira dari segi hasil balak itu sendiri, mungkin kita mengira dari segi wang ringgit yang kita perolehi, tetapi sebagaimana yang telah disebutkan oleh rakan saya tadi daripada Sarawak bahawa penebangan kayu balak ini juga akan menyebabkan masalah-masalah yang lain timbul

Di Sarawak hari ini masalahnya wujud bagaimana suku-suku hulu di negeri Sarawak seperti suku Penan, suku Kenyah, suku Kelabit, suku-suku yang lain yang saya sendiri tidak mengetahuinya telah mengalami masalah-masalah yang agak serius. Mereka hidup dalam hutan, berburu dalam hutan, cari makan dalam hutan, tetapi apabila hutan-hutan ditebang, mereka tidak diberi pampasan, mereka juga tidak diberi ganjaran, mereka juga pada hari ini telah menimbulkan satu isu sosio politik yang sangat rumit dan ini merupakan tamparan kepada Kerajaan kita sendiri. Misal kata pengujudan benteng-benteng manusia di Sarawak bagi menghalang penebangan kayu balak hutan itu, saya bukanlah simpati secara membuta-tuli, tetapi saya bercakap sendiri dengan orang-orang hulu ini dan saya sedar bahawa sememangnya wujud masalah-masalah sosio, masalah-masalah mencari makan akibat daripada penebangan itu sendiri. Jadi kita perlulah membuat satu peraturan, membuat satu cara bahawa masalah

penebangan kayu-kayu balak ini mestilah diambil kira juga dengan masalah-masalah kepentingan orang-orang yang menggunakan hutan ini sendiri. Kita tidak marah dan kita setuju kalau hutan-hutan ini ditebangkan tetapi kita tidak bersetuju sama sekali kalau sekiranya masalah penebangan ini menimbulkan masalah politik yang boleh menjejaskan suasana politik negara kita itu sendiri.

Selain daripada itu, pada hari ini kita dapati bahawa Akta ini juga dinamakan sebagai Akta Lembaga Penyelidikan, tetapi saya ingin mengesyorkan supaya hasil-hasil penyelidikan mengenai dengan hutan perlulah dihebahkan ataupun diberitahu kepada orang ramai supaya hasil-hasil itu dapat dimanfaatkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya bangkitkan iaitu masalah penanaman semula hutan-hutan. Masalahnya sekarang kita ini lebih banyak tebang hutan, tetapi kita tidak gantikan dengan kayu-kayu yang baru. Yang saya dapati ataupun yang saya ketahui bahawa penggantian ataupun tanaman semula hanya kebanyakan dilakukan di hutan-hutan kekal ataupun di hutan-hutan simpanan sahaja di mana di hutan-hutan yang bukan simpanan tidak ada penggantian. Kalaulah ini berlaku, saya rasa hutan kita akan pupus. Jenis-jenis hutan yang daripada kayu keras seperti kayu chengal, kayu tempinis, kayu merawan, kayu-kayu keras yang lain mengambil masa yang agak lama 60 tahun, separuhnya itu 80 tahun barulah ia boleh menjadi balak. Jadi kalau kita tebang, kemudian tidak ada penggantian, saya kira hutan-hutan yang berharga, terutama daripada jenis kayu-kayu keras ini akan pupus. Dan kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri maju yang lain seperti Amerika Syarikat ataupun Jepun, mereka merizabkan tanah-tanah hutan simpanan ini dalam angka yang agak

besar, iaitu kira-kira 60% daripada jumlah seluruh keluasan tanah negara.

Kita di Malaysia hanya merizabkan dalam kira-kira 38.8% sahaja dan ini satu perkara yang mungkin kita tidak rasakan tentang nilai, tentang mutu kayu itu sendiri, tetapi satu hari nanti apabila hutan-hutan ini dipupus ataupun habis, maka kita akan rasa tentang kerugian yang akan kita alami nanti. Jadi saya kira perlulah pihak Kementerian Perusahaan Utama mengadakan satu peraturan supaya pembalok-pembalok ini dapat menggantikan dengan tanaman yang baru ataupun dengan kayu balak yang baru apabila hutan-hutan itu ditebang. Kalau tidak sepenuhnya, mungkin separuh ataupun mengikut peratus-peratus yang tertentu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak dari segi pengeksportan kayu-kayu balak. Hari ini kita nampak pengeksportan-pengeksportan kayu-kayu balak di Malaysia adalah amat keterlaluan, kita semacam tidak ada sekatan di kalangan negeri-negeri. Saya beri contoh, saya minta maaf kalau ada orang terasa, iaitu dua negeri di Malaysia—Sabah dan Sarawak. Eksport kayu balak mereka adalah sangat ketara jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Saya ambil contoh eksport kayu balak bagi tahun 1986, misal katakan Sabah. Sabah jumlah eksport kayu balak tahun 1986 ialah 8.709 juta cubic metric, Sarawak 10.263 juta cubic metric, sedangkan Semenanjung hanya kira-kira 22,000 cubic metric.

Saya ingin menganalisa bahawa Sabah dan Sarawak jelas mengeksport kayu balak secara agak keterlaluan. Mungkin kita bertanya mereka kenapa terjadi demikian, mungkin dia kata tidak ada hasil lain. Hasil kami ialah balak semata-mata. Tetapi kita juga ingin bertanya apakah kita mempunyai satu peraturan, satu kaedah ataupun satu undang-undang bagi melarang serta menyekat mana-mana negeri

dalam Malaysia untuk tidak mengeluarkan kayu balak sewenang-wenangnyanya.

Kalau kita bertanya pihak Kerajaan ataupun pihak Kementerian, saya kira jawapannya tiada. Apabila jawapannya tiada, maka tidak boleh kita marah ataupun kita tidak boleh sekat kepada negeri-negeri yang berkenaan untuk mengeluarkan kayu-kayu balak sewenang-wenangnyanya. Kalaulah Sabah mengeluarkan kayu balak sedemikian rupa sampai juta-juta setahun, begitu juga Sarawak, maka satu hari nanti kita kira balak-balak ini akan pupus. Jadi perlulah satu penyelarasan, satu keseragaman diadakan.

Tuan Peter Chin Fah Kui:
(Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta apa?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat berkenaan tahu di dalam Sarawak ada satu kajian, iaitu "The Forest Rules", dengan izin. Forest Rules ialah semangat advanced yang dibanding dalam negeri-negeri lain dalam negara ini. Industri kayu balak ini memang mengikut Forest Rules ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya sangat sedar tentang undang-undang serta peraturan itu. Apa yang saya timbulkan iaitu apabila kita buat perbandingan ataupun perbezaan dengan negeri-negeri yang lain, maka jelas sekali Sabah dan Sarawak ini rule, dengan izin, yang dibuat itu sangat berbeza. Saya kira perlu kalau peraturan ini telah diadakan, perlu diubah dan dirombak demi jenerasi masa depan kita. Mungkin masa ini kita hanya mengeksport kayu balak sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun pula. Hendak beri jalan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih Yang Berhormat dari Marang. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu bahawa mungkin pengeksporan kayu balak keterlaluan. Tetapi ada wujudnya satu hakikat (objective) yang ada sekarang terhadap pengeksporan kayu balak dari negeri Sarawak. Di negeri Sarawak, bekalan kayu kepada luar negeri seperti Jepun, Korea, Taiwan dari segi harganya, dari segi jenisnya, bukanlah ditentukan oleh pengeluaran-pengeluaran tetapi oleh pembeli-pembeli di negeri asing. Oleh kerana Jepun contohnya, mahu melindungi industri kayu-kayan mereka, supaya boleh mendapat added value, mereka pilih membeli kayu balak sahaja supaya mereka sendiri dapat keuntungan. Tetapi ini adalah satu soalan lain, dengan izin, international economic colonialism. Ini perkara lain, tetapi saya mahu memberi satu penjelasan sahaja.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah kepada apa yang telah diperkatakan itu tadi, iaitu sebenarnya Jepun, dia tidak mengekspor kayu balaknya. Jepun bukan tiada kayu balak, dia ada kayu balak. Begitu juga Korea, ada kayu balak. Tetapi Jepun membeli kayu balak daripada negeri-negeri yang berada di Asia Tenggara ini seperti daripada Malaysia dan Papua New Guinea kerana Jepun sendiri menyedari bahawa kayu-kayu balak yang dibeli daripada Malaysia dan juga daripada Papua New Guinea jauh lebih murah daripada balak di negeri mereka sendiri. Sebab itulah kalau kita buat perbandingan antara Jepun ataupun dengan negeri kita, janganlah kita terlalu ghairah sangat hendakkan duit cepat, sedangkan kalau kita buat perbandingan harga dengan Jepun sendiri, maka kita nampak semacam wujud satu kerugian yang sangat ketara

dan ini perlu dihentikan, kerana mungkin nilai kayu balak buat masa sekarang tidak ketara, tetapi satu hari nanti, di masa akan datang dia akan lebih berharga dan mungkin lebih mahal daripada negeri Jepun itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sekali lagi, boleh.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Apa yang saya maksudkan Yang Berhormat, ialah bukan industri kayu balak di negeri Sarawak membuat sewenang-wenangnya sahaja, tetapi dia ada mengikut satu kajian yang terbaik. Itu sahaja.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya faham kita ada mengikut satu kajian yang terbaik. Yang saya timbulkan tadi iaitu masalah kesedaran. Bila kita buat perbandingan dari segi pengeksporan kayu balak di kalangan negeri-negeri yang berada di Malaysia, kita nampak Sabah dan Sarawak ini terlalu jauh dia pergi. Semenanjung 22,000 cubic metric, kemudian dia 8 juta, 10 juta, bukan kita ada rasa apa-apa, cuma bagaimana begitu jauh ketara sedangkan balak ini penting diberhentikan dan perbandingan ini bukan kita dasarkan kepada dalam negeri sahaja, tetapi perbandingan ini kita dasarkan kepada seluruh negara yang berada dalam dunia ini yang menghasilkan atau mengekspor balak. Saya berterima kasih kepada penerangan yang diadakan tetapi juga saya minta kepada pihak yang berkenaan supaya turut melihat masalah perbezaan dari segi pengeksporan, nilai dan juga wang ringgit di antara negeri-negeri hasil daripada kayu balak itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut tentang masalah mengenai dengan pemberian kayu-kayu balak.

Hari ini kita dapat kayu-kayan balak itu diberikan kepada pemohon-pemohon tidak berdasarkan kepada keperluan kilang atau sawmill itu sendiri, tetapi lebih banyak didasarkan kepada jumlah ekar. Ada sawmill kecil tetapi banyak dapat ekarnya, ada sawmill besar kecil dapat ekarnya. Apalah salah kiranya satu peraturan baru ataupun satu cara baru iaitu memberi kawasan balak itu berdasarkan kepada kemampuan kilang-kilang itu sendiri. Ini saya rasa adalah merupakan satu cara baru, satu kaedah baru dan akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan termasuklah Kementerian ini sendiri, Kerajaan ataupun bank, ataupun finance yang lain supaya memberikan satu prioritas ataupun keutamaan kepada orang perseorangan, firma ataupun syarikat yang ingin membuat pinjaman hendak membuat rumah kayu.

Hari ini kita nampak bahawa kebanyakan keutamaan itu diberikan kepada hendak membuat rumah batu. Kalau hendak membuat rumah batu itu cepat diberi pinjaman \$80,000; \$100,000; \$120,000 tetapi kalau hendak buat rumah kayu berat sedikit, susah sedikit, rumah buruklah, cepat reputlah, cepat rosaklah dan sebagainya. Kalau ini perkara yang dibuat, atau perkara inilah yang diamalkan, saya kira jarang orang hendak membuat rumah kayu. Rumah kayu kalau tidak dibuat, kayu tidak akan naik harganya. Tetapi di negeri-negeri barat, saya tidak pernah pergi tetapi saya sudah tahu, di negeri-negeri barat kebanyakannya mereka memberikan keutamaan yang agak lebih kurang sama dengan pinjaman kepada rumah-rumah batu. Sebab itulah kita nampak di barat orang tidak merendah-rendahkan rumah kayu ini. Tetapi kalau kita sendiri ada membezakan pinjaman kepada rumah kayu dengan rumah batu, manusia menilai sendiri jadi rendah kepada

rumah itu sendiri. Jadi kita minta semua pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab tentang masalah penyelidikan dan pembangunan ini turut memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap pembinaan rumah-rumah kayu dan dengan itu saya menyokong penuh supaya Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 ini dipinda terutama yang menyentuh tentang masalah kepentingan rumah kediaman kakitangan dan pengkhidmat-pengkhidmatnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Larut.

4.56 ptg.

Tuan Mohd. Zahin bin Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985. Saya yakin dengan adanya Akta seperti ini ianya nanti akan boleh memberi semangat dan inisiatif serta motivasi kepada kakitangan-kakitangan Lembaga tersebut seperti mana tersebut dalam Seksyen 15 iaitu membolehkan mereka meminjam wang untuk kenderaan dan untuk rumah kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sebagaimana Yang Berhormat lain tadi berkata, kediaman adalah menjadi asas kepada tiap-tiap kakitangan Lembaga. Kita percaya tiap-tiap lembaga itu mempunyai pula kakitangan yang bertanggungjawab dalam menunaikan urusan mereka iaitu dari satu tempat ke tempat yang lain mengikut taraf dan kadar kelulusan ataupun pangkat-pangkat yang diberi di dalam lembaga itu. Saya menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta ini, saya percaya pihak Lembaga tersebut dapat memberi perhatian yang lebih dalam soal pembangunan dan penyelidikan perhutanan negara kita seperti di Australia dan di negara-negara lain yang lebih maju mengenai perhutannya daripada negara kita. Kayu-kayan di negara kita ini adalah satu daripada hasil negara, selain daripada getah, kelapa sawit, minyak, koko dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Lembaga ini akan berkesan dalam pelaksanaannya bagi melindungi kepentingan-kepentingan perhutanan, bagi membolehkan negara kita meneruskan mengeluarkan kayu-kayu yang baik di masa-masa akan datang. Kita berharap hutan-hutan ataupun forest, dengan izin, dijaga dengan rapi apabila pokok-pokok muda ditanam semula dan dikawal supaya tidak dengan sewenang-wenangnya dirosakkan oleh mana-mana binatang-binatang liar atau orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang pergi memburu di dalam forest reserve, dengan izin. Lembaga juga mesti mengambil tahu tentang apa-apa sahaja keadaan yang boleh merosakkan anak-anak kayu umpamanya, menjaga rapi hutan-hutan itu supaya tidak dimusnahkan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tadi saya katakan bahawa kayu adalah hasil lumayan bagi negara kita kerana kita mengeluarkan kayu yang baik dan bermutu tinggi. Kita masih dapati bahawa kayu-kayu ini diberi melalui concession, dengan izin, ataupun kepada individu-individu ataupun kepada syarikat-syarikat supaya ditebang dan dijual. Yang anehnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila hutan yang pokok-pokoknya telah ditebang, yang mana telah diserahkan kepada syarikat-syarikat itu tadi melalui konsesi-konsesi kepada

mereka, sering kita dapati bahawa kesan-kesan penebangan itu membawa masalah rumit kepada masyarakat, penduduk-penduduk yang berhampiran. Umpamanya tanah-tanah sawah mereka tidak lagi berair dan tidak subur lagi untuk tanaman semula seperti sediakala. Parit-parit tersumbat ataupun terkambus, pasir-pasir hanyut ke kampung-kampung dan dusun pun turut musnah. Saya berharap apabila sesebuah hutan itu diluluskan melalui konsesi untuk ditebang, pihak yang berkenaan dan Lembaga sendiri menjaga parit-parit dan memastikan supaya tanah-tanah di kampung-kampung yang berhampiran tidak rosak, tidak dicemar oleh kerana keluaran kayu-kayu balak tersebut serta membetulkan semula kesan-kesan yang telah dirosakkan oleh penebangan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita juga lihat jalan-jalan raya di mana kenderaan-kenderaan besar digunakan untuk mengangkut kayu-kayu juga turut rosak. Pada hal pihak Kerajaan, JKR membelanjakan berpuluh-puluh million ringgit untuk membina dan membaiki jalan-jalan itu. Dengan yang demikian, saya berharap muatan hendaklah dihadkan juga.

Tuan Yang di-Pertua, elok benarlah sekiranya syarat-syarat mengeluarkan kayu-kayu dari hutan-hutan itu diketatkan lagi. Saya katakan diketatkan lagi bukan diketatkan sahaja, bahkan pihak Lembaga hendaklah sentiasa mengawasi melalui penguatkuasaannya dalam hal ini dari masa ke semasa supaya pihak lain tidak menerima kesusahan dan penderitaan dari penebangan kayu-kayu tadi oleh kerana kesan-kesan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dapati bahawa pencemaran udara juga patut diawasi supaya keadaan semula jadi tidak dihakiskan oleh air-air yang mana dahulunya ditakungi di hutan-hutan yang tebal sebelum ditebang. Saya menyeru supaya Lembaga juga

sentiasa mengawasi pokok-pokok yang baru ditanam apabila sebuah syarikat ataupun individu mendapat konsesi. Kerana kita percaya bahawa pokok-pokok yang kecil itulah yang dapat mengganti pokok-pokok besar yang sudah ditebang sebagaimana juga yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Maran.

Tuan Yang di-Pertua, masih banyak terdapat bahawa syarikat-syarikat tadi hanya meninggalkan bekas-bekas tebang tanpa pedulikan keadaan di sekitar. Mereka hanya membuat keuntungan semata-mata. Ini sangatlah menyedihkan kerana setengah kawasan pembalakan apabila kayu-kayu ditebang, pokok-pokok kecil turut musnah dan tidak diganti semula. Dengan hal yang demikian, mungkin pada satu masa hadapan Malaysia tidak dapat lagi mengeluarkan kayu untuk kegunaan di dalam dan untuk pasaran dunia. Saya juga menyeru supaya Lembaga tersebut saling bekerjasama dengan Jabatan PERHILITAN (Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara), dahulunya dikenali sebagai Jabatan Mergastua. Kerjasama yang saya maksudkan itu ialah supaya tidak memberi sewenang-wenangnya kemudahan ataupun lesen-lesen memburu binatang-binatang liar, dengan perkataan lain lesen itu untuk menembak ataupun memburu hendaklah dikurangkan. Kerana saya percaya kalaulah ramai pemburu-pemburu memburu binatang liar, nescaya pokok-pokok hutan yang baru ditanam pun akan turut diburu dan rosak kerana boleh dikatakan setengah pemburu-pemburu tadi tidak hirau pokok-pokok itu, bahkan mereka hanya hiraukan binatang-binatang buruan mereka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru supaya Lembaga mengambil berat mengenai sungai-sungai dan sawah-sawah yang berhampiran supaya pengaliran airnya tidak terkambus atau tersumbat. Pihak

Lembaga juga mestilah menimbang permohonan pembalakan dan tiap-tiap konsesi, dengan izin, hendaklah dikaji terlebih dahulu sebelum diluluskan. Dengan perkataan lain kesan-kesan yang dirasakan apabila hutan-hutan dibersihkan hendaklah diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Lembaga pula hendaklah mengenakan syarat-syarat yang munasabah kepada pembalakan-pembalak. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu daripada itu, kita telah banyak memperkatakan bahawa kayu adalah sumber hasil negara. Walau bagaimanapun, kita terpaksa juga mengambil kira bukan semua hutan itu perlu ditebang untuk kepentingan tertentu sahaja. Di sini bolehlah kita katakan bahawa keuntungan dari pembalakan bukanlah menjadi kriteria, dengan izin, bahkan Lembaga hendaklah memikirkan juga tentang keindahan alam dari masa ke semasa. Pihak Lembaga juga, saya yakin dapat menjaga, memulih dan membangunkan hutan-hutan dengan baik sekiranya mereka bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang perlu kepada tempat-tempat indah untuk membawa pelawat-pelawat ke negara kita ini sebagaimana yang kita harap-harapkan dan juga bekerjasama dengan pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Pendek kata keindahan alam semula jadi juga hendaklah dijaga dan diawasi. Pihak penguatkuasa hutan hendaklah diberi gaji yang lebih atau elaun yang lebih supaya mereka menjaga hutan-hutan itu dengan lebih. Ini akan memberi kesan untuk kepentingan semua pihak untuk kepentingan negara kita.

Saya juga menyeru kepada Lembaga supaya mengawasi orang-orang asli di setengah-setengah negeri, di negeri Perak umpama yang tinggal dalam hutan kerana mereka juga selalu menebang anak-anak kayu yang muda kerana pada sangkaan mereka pokok itu tumbuh secara "naturally", dengan

izin, dengan mereka pun menebang secara naturally, dengan izin. Pihak Lembaga juga terpaksa bekerjasama dengan Jabatan Orang Asli dalam hal ini supaya boleh ditempatkan di mana-mana sahaja asalkan tidak merosakkan pokok-pokok hutan yang ditanam oleh pegawai-pegawai hutan yang terdahulu dari kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Ahli Yang Berhormat dari Maran supaya pinjaman-pinjaman perumahan bukan hanya kepada pegawai-pegawai hutan sahaja supaya diberi pinjaman membuat rumah kayu, bahkan kepada semua pegawai-pegawai di dalam negara ini diberi pinjaman dengan disyaratkan supaya membeli rumah kayu kerana saya percaya di Switzerland umpamanya kita dapati kebanyakan rumah-rumah yang cantik di tepi-tepi gunung atau di tepi-tepi jalan dibuat daripada kayu setengah dan batu setengah. Jadi, saya yakin pihak Kerajaan akan memberi syarat bahawa kelulusan pinjaman perumahan hendaklah bersyarat membuat rumah kayu dan batu sebagaimana juga berjayanya Kerajaan Australia membuat rumah dari kayu-kayu.

Kalau kita pergi ke Australia dan Victoria kita dapati banyak rumah kayu setengah, batu setengah ataupun kayu tiga suku, batu suku atau batu tiga suku kayu suku (*Ketawa*). Payah hendak terangkan. Jadi hal yang demikian bukannya mencantikkan kampung-kampung bahkan membolehkan kita menggunakan kayu dengan lebih baik supaya kita tidaklah mengharap kayu kita ini dijual di luar negeri. Jadi kalau kita mempunyai kayu yang lebih banyak saya percaya kita boleh bina rumah kayu, kita boleh eksport, kita boleh bina apa-apa sahaja dengan kayu. Kalau Tuan Yang di-Pertua pergi ke Disneyland di Tokyo umpamanya, kita dapati saluran-saluran air-cond dengan izin, dibuat melalui kayu-kayu dan tidak melalui alat-alat metal sepertimana yang kita

buat di sini, jadi saluran-saluran air-cond itu dilalukan di dalam kayu dengan ditebuk lubang supaya lebih cantik, kita rasa sejuk, kita tengok di atas rupanya saluran-saluran air-cond itu datangnya dari rasuk-rasuk dan tiang-tiang kayu yang mana Jepun menggunakan fikiran yang lebih jauh daripada kita. Kita apabila sebut air-cond sahaja mesti ada besi, mesti ada tukang, mesti ada macam-macam orang datang kadang-kadang susah hendak mengawasinya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia 1985.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.12 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini kerana sepatutnyalah kakitangan-kakitangan Lembaga ini diberi kemudahan sepertimana dengan kakitangan-kakitangan Lembaga-lembaga yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlulah memberi perhatian yang banyak kepada Lembaga ini kerana kalau kita lihat sejarah pentadbiran dan pengurusan hutan di negara kita banyak kritikan yang boleh dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa hutan dan sistem ecology yang di sekeliling dan yang bersangkutan dengannya bukan sahaja penting dari segi ekonominya kepada kita tetapi juga ianya penting kepada survival kita dan anak-anak cucu kita sebagai species *Homo-sapiens* di muka bumi ini. Tidak perlulah saya gariskan dengan terperinci kaitan timbal balas di antara penghidupan kita dengan segala penghidupan-penghidupan yang ada di

dalam ecosystem hutan kerana Tuan Yang di-Pertua, dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini sedia maklum. Apa yang saya hendak bahaskan di Dewan ini ialah supaya diambil perhatian yang serius oleh Lembaga ini khasnya dan Kerajaan amnya mengenai perkara-perkara berikut:

1. Penyelidikan penjagaan ecology hutan melalui pengurusan pengawalan hakisan tanah yang lebih rapi.
2. Penyelidikan pembaharuan hutan dengan penanaman sumber-sumber yang lebih diversified.
3. Penyelidikan mengenai perekonomian penggunaan bahan-bahan hutan yang menekankan peningkatan nilai bertambah.

Mengenai penyelidikan pengawalan hakisan, saya mencadangkan Lembaga ini mengutarakan jumpaan-jumpaan yang bersangkutan dengan curaman kritikal atau, dengan izin, critical slope yang menentukan sesuatu bukit atau tanah tinggi yang diharamkan penebasan atau penebangan, baik untuk tujuan pertanian mahu pun pembalakan.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah keterlaluan kalau saya katakan di sini bahawa perogolan bumi atau dengan izin, rape of the earth berlaku dengan berleluasan sekali di negara kita ini. Kalau Tuan Yang di-Pertua menjelajah ke seluruh negara Tuan Yang di-Pertua akan menyaksi dengan sendiri lereng-lereng bukit yang curam dibalak, ditebang tebas sehingga terdedah merah tanah-tanah yang akhirnya dibawa oleh sungai ke tanah dataran dan seterusnya ke laut. Akibatnya, bandar-bandar seperti Kuala Lumpur sendiri dan tiap-tiap tahun Kota Bharu dan lain-lain bandar besar dan kawasan-kawasan kependudukan dan desa mengalami

banjir dan membawa kerugian beratus-ratus juta ringgit. Apa-apa manfaat ekonomi yang didapati oleh negara daripada usaha perogolan bumi tadi, terpaksa dibelanjakan balik untuk mendalamkan sungai dan lain-lain kerja untuk mengatasi akibat banjir serta akibatnya oleh Jabatan Parit dan Taliair dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Hakikat zero sum ini atau dengan tidak berapa tepat dalam bahasa kita korek sini kambus sana, memberi justifikasi bahawa suatu dasar wajib diadakan mengenai critical slope atau-pun curaman kritikal ini.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap orang yang mempelajari disiplin soil conservation, dengan izin, akan diberitahu bahawa jikalau sesuatu permukaan bumi itu melebihi 18 darjah kecuramannya, kestabilannya hanya akan dipastikan apabila akar-akar tumbuhan mencengkam tanah. Kalau tidak timpaan hujan akan menghakiskannya sehingga tinggal batu-batu ibunya atau dengan izin, parent materialnya sahaja. Tetapi mengapa di negara kita lereng-lereng bukit yang sampai 70 darjah pun ditebang tebas, dibalak dan akhirnya dibiarkan begitu sahaja di setengah-setengah tempat. Saya kurang faham mengapa ahli-ahli professional di dalam birokrasi Kerajaan tidak menasihati Kerajaan dalam hal ini, atau-pun adakah hasil-hasil penyelidikan baru menunjukkan bahawa di Malaysia ini tanah yang curamnya lebih dari 18 darjah boleh dikikis tanpa membawa apa-apa mudarat ecology.

Saya minta Menteri yang berkenaan memberi penjelasan di dalam hal ini. Jikalau tidak ada penyelidikan yang lebih lanjut mengenainya, saya minta Lembaga ini menjadikannya sebagai satu prioritas di dalam research agendanya.

Saya menyeru supaya segala penyelidikan yang dibuat ke arah ini mestilah bersasaran mewujudkan

hutan kekal atau dengan izin, permanent forest yang lebih pasti dan seterusnya dijadikan undang-undang khas untuk mengawal permanent forest ini kerana saya difahamkan permanent forest yang ada pada masa ini tidak semestinya permanent dan selalunya diberi permit-permit untuk pembalakan apabila berlaku permintaan-permintaan dari setengah-setengah pihak. Satu daripada misalannya yang paling baik ialah catchment Gunung Jerai di mana Gunung Jerai di Kedah digezatkan sebagai satu permanent forest tetapi apabila hujan lebat datang, banyak kita dapati bahawa hutan di Gunung Jerai ini dibalok dengan hanyutnya balak-balak daripada puncak Gunung Jerai.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya bercakap mengenai conservation ini, janganlah tersalah faham di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa saya menyeru ke arah conservation yang membuta tuli tanpa mengambil kira soal-soal ekonomi. Apa yang saya sarankan di sini ialah supaya suatu perseimbangan di antara eksploitasi ekonomi dan conservation yang functional, dengan izin. Kita tahu bahawa soal pengeksploitasi hutan tropika dieksploitasikan pula oleh satu kumpulan yang dipanggil "The Greens" di Eropah iaitu satu kumpulan lobi untuk kayu-kayan temperate. Kumpulan ini berselindung di sebalik cogankata-cogankata conservation. Dengan penyelidikan yang rapi yang saya sarankan, bolehlah kita beritahu rakyat di Eropah tentang kepalsuan dakyah-dakyah kumpulan ini yang mengatakan bahawa hutan-hutan tropika akan pupus jika pasaran kayu tropika dikekalkan di Eropah. Lembaga ini bolehlah mengambil inisiatif menumpas buruk sangka ini, tetapi sebelum dari ini perlulah data-data yang cukup dikutip.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hasil penyelidikan lagi, saya ingin

mengambil peluang ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah pada masa ini Lembaga berjaya mengeluarkan jenis pokok jati kerdil.

Saya bertanya ini kerana di sepanjang jalan dari Simpang Empat Encik Kassim ke Kangar iaitu di negeri Perlis, di kawasan Parlimen Arau, pokok-pokok jati yang ditanam adalah ditanam di bawah kabel elektrik LLN. Setahu saya pokok jati biasanya akan mencapai beratus-ratus kaki tinggi bila tumbuh matang untuk dibalak. Jadi, apakah pokok-pokok jati yang ditanam di sini tidak akan menjejaskan perjalanan elektrik menerusi kabel-kabel LLN yang ada di sini.

Mengenai penyelidikan menyelidikan mempelbagaikan sumber-sumber hutan, saya harap Lembaga ini akan meneruskan usaha-usahanya di bidang ini seperti memperluaskan penanaman jenis-jenis rotan, bukan sahaja dihadkan kepada rotan manau tetapi juga rotan-rotan jenis masam dan rotan-rotan saga yang mempunyai pasaran yang luas dan mempunyai harga yang tinggi, baik di dalam negara kita mahupun di peringkat antarabangsa. Juga jenis buluh-buluh dan pokok-pokok buah-buahan hutan seperti durian, petai, manggis dan lain-lain lagi.

Saya sedar di dalam bidang ini Lembaga terpaksa memulakan kerjanya daripada "scratch" dengan izin, kerana sebelum ini tidak ada langsung data-data hasil penyelidikan yang didapati. Penyelidikan begini bolehlah dibuat berkaitan dengan usaha penjagaan conservation yang disarankan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyelidikan di bidang penggunaan barang-barang hutan supaya nilai bertambah atau dengan izin, "added value"-nya meningkat dan seterusnya dinikmati oleh rakyat negara ini, saya menyeru agar Lembaga dapat

mencapai kemajuan bukan sahaja dari segi teknikal tetapi juga dari segi pemasaran. Adalah janggal kita lihat perabot-perabot yang dieksport oleh Jepun, Korea dan Taiwan yang bernilai beratus-ratus juta US\$ adalah dibuat dari kayu-kayu yang diimport dari negara kita dan lain-lain negara di ASEAN dan juga Papua New Guinea. Sampai bilakah kita akan terus menjadi negara yang hanya mengeluarkan bahan-bahan utama pada hal modal dan kepakaran wujud di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya pohon menyokong pindaan Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong.

5.22 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 15 (d) dalam Akta ini membolehkan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia memberi pinjaman perumahan kepada para pegawai dan kakitangan Institut. Seimbab lalu pindaan ini nampaknya simple dan ringkas tidak sampai satu perenggan, bahkan tidak sampai satu ayat. Tetapi sebenarnya ianya mempunyai kesan-kesan yang meluas ke atas keadaan kewangan negara.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa para kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan patut menikmati faedah-faedah yang diberi kepada kakitangan Kerajaan yang lain. Akan tetapi, soal yang timbul adalah pemberian pinjaman perumahan yang besar jumlahnya serta kekurangan kecekapan Kerajaan dalam mengutip kembali bayaran balik bila diambil kira bilangan peminjam yang kian bertambah akan memerlukan lebih banyak wang disediakan oleh Kerajaan bagi

memenuhi tanggungan ini. Melainkan langkah-langkah diambil untuk membaiki lagi sistem pemberian pinjaman dan bayaran balik pinjaman maka pindaan kepada Akta ini akan merugikan rakyat semata-mata.

Sebelum saya menghuraikan apa yang dimaksudkan di dalam pindaan ini; suka saya mencadangkan bahawa walaupun saya tidak menafikan tiap-tiap Ahli Lembaga Penyelidikan Perhutanan diberi peluang untuk mendapat pinjaman daripada Kerajaan membeli rumah supaya dapat hidup dengan lebih selesa dan dapat mempunyai rumah sendiri. Dengan peluang ini saya berharaplah tiap-tiap ahli dapat memberi jasa yang lebih baik, dapat bekerja dengan lebih kuat untuk menjaga hal-hal perhutanan negara ini supaya semua "species" dapat dipelihara supaya kawasan-kawasan hutan dapat disimpan dan dijaga dengan betul-betul. Janganlah kakitangan ini memberi peluang kepada syarikat-syarikat sama ada syarikat tempatan ataupun syarikat asing untuk memusnahkan semua sumber semula jadi yang susah dan payah untuk memulihkannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1970 iaitu ketika pelancaran dasar pemilikan rumah Kerajaan, bilangan pemohon bagi pinjaman perumahan tidak sampai 100 orang. Menjelang akhir tahun 1986 bilangan ini telah bertambah kepada 28,850 orang setahun dan bilangan terkumpul bagi 17 tahun yang lepas adalah 180,000 orang pemohon. Jumlah wang yang dipinjam oleh setiap pemohon-pemohon adalah sepadan dengan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, "quantum" pinjaman perumahan bagi kakitangan awam sekarang sejak Julai, 1986 bagi Kategori A dan Superscale A ke atas ialah \$200,000; Superscale G ke B \$135,000 hingga \$195,000; Timescale dan ke atas, \$45,000 sehingga

\$230,000; Kategori C dan B \$20,000 sampai \$90,000; Kategori D \$10,000 sampai \$30,000. Bagi puratanya, jumlah yang dipinjam adalah di antara \$70,000 hingga \$75,000 tiap-tiap pemohon.

Syarat-syarat pinjaman juga berbeza mengikut kategori yang telah saya sebutkan. Dahulunya, pembayaran balik pinjaman perumahan adalah 2/3 daripada pendapatan kakitangan. Dan kini syarat-syarat ini telah pun diketatkan dan pembayaran balik diturunkan ke 40% daripada jumlah pendapatan. Sama ada syarat-syarat sedemikian menjejaskan peluang-peluang kelayakan untuk meminjam bagi kumpulan yang berpendapatan rendah atau tidak sering dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hakikat bahawa yang sangat memerlukan pinjaman ini ialah daripada kategori "C" dan "D" bukan yang berpangkat tinggi. Misalnya saya bagi contoh—ini tidak menunjukkan bilangan tetapi amaun yang dipinjam—pinjaman perumahan. Misalnya, mengikut kenyataan daripada Akaun Awam 1985 ialah, 612 juta lebih kurang dan pinjaman perumahan oleh golongan berpendapatan rendah lebih kurang \$10,650 juta. Jadi, inilah angka yang besar yang menunjukkan bahawa yang memerlukan pinjaman ini ialah golongan berpendapatan rendah. Apa yang perlu ditinjau ialah kesan-kesan, syarat-syarat tersebut ke atas mereka yang berpendapatan bulannya adalah kurang daripada \$700. Sekiranya syarat-syarat ini didapati menjejaskan peluang-peluang mereka maka Kerajaan harus berikhtiar untuk mencari penyelesaian yang memuaskan. Kalau tidak, hasrat Kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah tidak mungkin tercapai. Sekiranya seorang kerani yang menyertai Perkhidmatan Kerajaan pada umur 18 tahun dengan gaji \$395 sebulan maka di dalam

tempoh 30 tahun itu gajinya meningkat dengan beransur-ansur kepada hampir \$695 sebulan dan beliau boleh meminjam dengan maksima \$70,000 untuk perumahan dan tiap-tiap bulan beliau terpaksa membayar \$278. Adakah ini munasabah, adakah ini adil kalau berbanding dengan pinjaman yang diberi kepada pegawai-pegawai dengan pangkat yang tinggi. Itulah yang perlu dikaji semula oleh pihak Kerajaan supaya golongan berpendapatan rendah ini dapat menikmati dasar perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian pinjaman perumahan yang dikenakan kadar bunga di antara 4% hingga 6% bergantung kepada kategori pekerja yang terlibat. Disebabkan pihak Kerajaan terpaksa meminjam dari institusi-institusi kewangan untuk membiayai tanggungannya pada kadar sekurang-kurangnya 10% setahun, maka ini bermakna Kerajaan menanggung bayaran kadar bunga di antara 4% hingga 6% bagi setiap pinjaman perumahan yang diterima oleh kakitangan sektor awam. Ia juga bermakna bahawa wang rakyat digunakan untuk membiayai subsidi-subsidi ini. Adalah dilaporkan bahawa 75% daripada pinjaman perumahan yang diberi kepada kakitangan sektor awam digunakan bagi pembelian rumah-rumah yang dibina oleh sektor swasta termasuk pemaju-pemaju, perbadanan-perbadanan Kerajaan dan Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan. Di dalam seluruh hutang pinjaman perumahan di Malaysia terdapat 37% dari Kerajaan dan 40% dari sistem bank di negara ini. Ini menunjukkan hutang pinjaman perumahan oleh Kerajaan adalah tinggi.

Yang membimbangkan adalah kenyataan bahawa bilangan peminjam perumahan yang ditawarkan adalah kian bertambah. Misalnya dalam tahun 1986, sebanyak \$1.5 bilion

pinjaman perumahan dibuat dan bagi tahun 1987 dijangka nilai ini akan bertambah kepada \$1.6 bilion.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, \$1.2 bilion diperlukan setiap tahun untuk membiayai pinjaman perumahan, akan tetapi hanya \$400 juta dibayar balik, inilah satu keadaan menyedihkan. Maka Kerajaan terpaksa mengeluarkan yang bakinya iaitu \$800 juta. Sekarang tanggungan Kerajaan telah meningkat menjadi \$1 bilion setiap tahun. Jadi, ini satu angka yang sangat besar. Sebab itulah saya berharap peminjam-peminjam daripada kakitangan Kerajaan dapat bekerja dengan lebih kuat lagi dan jangan lupa bila kita pinjam terpaksa bayar balik. Ini termasuk pesara atau yang meninggalkan perkhidmatan, kita patutlah bayar balik iaitu wang rakyat yang berbilion-bilion ringgit itu.

Tuan Yang di-Pertua, amaun terhutang kepada Kerajaan kerana pinjaman perumahan daripada kakitangan Kerajaan adalah kian meningkat. Pada tahun 1981 kepada \$1,393 juta akan tetapi pada tahun 1985 ini meningkat ke tahap \$4,473 juta dan tahun lepas kepada \$5,373 juta. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya cadangkan bahawa Kerajaan mengkaji semula dasar pemilikan rumahnya serta merumuskan cara-cara pengutipan kembali hutang daripada para peminjam yang lebih berkesan memandangkan bilangan mereka yang menerima pinjaman perumahan dalam perkhidmatan awam adalah seramai 180,000 orang. Dengan kelulusan pindaan ke atas Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia sekarang memang angka ini bukan setakat 180,000 orang sahaja tetapi mungkin ia akan meningkat kepada 200,000. Dengan jumlah pinjaman terkumpul sebanyak sekarang \$10 bilion, kalau kita kira di dalam skandal BMF itu, rakyat hilang hampir \$2.5

bilion, sekarang ada 4 kali ganda amaunnya - \$10 bilion dan sekian hari, semakin hari semakin meningkat dan bukan amaun yang kecil \$10 bilion.

Sebab itulah saya sekali lagi menyeru kepada Kerajaan mengetatkan cara-cara mengutip balik wang yang dihutang ini dan juga menyeru kepada tiap-tiap ahli Kerajaan di dalam sektor awam bayar balik wang yang dipinjam itu sebagai orang-orang yang ikhlas, yang beriman dan budiman. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.40 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 yang bertujuan untuk mengadakan pinjaman perumahan dan kenderaan bagi pegawai-pegawai Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi beberapa pendapat yang ada hubung kaitnya dengan kepentingan negara di mana letaknya peranan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia kerana sesuai dengan pembentangan Akta ini, kita bukan sahaja menyokong supaya pegawai-pegawai di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia diberi kemudahan seperti mendapat pinjaman perumahan dan kenderaan bagi memudahkan pegawai-pegawai dan kakitangan ini menjalankan kerja dan kita yakin mereka dapat membayar balik, kerana kita tidak mempunyai tohmah dan prasangka seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi yang

menyamakan seolah-olah pegawai-pegawai daripada Institut Penyelidikan Perhutanan ini sama dengan perandai di kalangan beberapa eksekutif tertinggi dalam BMF yang melakukan penyelewengan.

Saya kira, Tuan Yang di-Pertua, usaha pihak Kerajaan untuk memberi perumahan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan dalam Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia ini haruslah diambil sebagai suatu insentif oleh pegawai-pegawai di institut ini supaya mereka dapat meningkatkan lagi prestasi pekerjaan mereka di institusi ini kerana di negara kita ini kita terlalu lemah dalam konteks R&D, iaitu Research and Development, manakala kita sedar bahawa negara kita ini beriklimkan khatulistiwa dan mempunyai hutan hujan tropika yang hidup subur yang memberi banyak pendapatan kepada negara kita. Banyak di kalangan rakan-rakan Yang Berhormat telah pun bercakap dengan panjang lebar tetapi menghubungkaitkan institusi ini, seolah-olah yang mereka nampak ialah kayu balak, sebab kayu balak ini sudah menjadi suatu "puaka politik".

Pengalaman di negeri Kelantan pada tahun 1978 telah menjatuhkan Kerajaan PAS kerana penyelewengan dalam menguruskan soal perhutanan di negeri Kelantan. Tetapi yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, yang utamanya ialah untuk check peranan Institusi Penyelidikan Perhutanan ini, kita bukan sahaja berhasrat supaya institut ini boleh memainkan peranan seperti yang diharapkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang bercakap sebelum daripada saya, tetapi sesuai dengan keadaan iklim negara kita, dengan hutan tropika yang begitu besar, kita mahu melihat institusi ini bukan sahaja berjaya, tetapi terkenal di peringkat Asia dan juga mungkin di seluruh dunia. Kita mungkin dan boleh berbuat demikian.

Kalau pegawai-pegawai kita mempunyai sikap dan mempunyai kesungguhan yang kita kira sekarang ini pun memang sedang meningkat, tetapi saya percaya kalaulah Kementerian Perusahaan Utama dapat memberi penekanan yang lebih dan saya harap dan juga memerlukan sedikit penjelasan daripada pihak Kementerian dalam konteks ataupun prestasi Institut Perhutanan Malaysia pada masa kini, bidang skop penyelidikan yang dilakukan sekarang ini, iaitu, apakah penyelidikan yang dilakukan sekadar untuk mengenal pasti jenis-jenis kayu ataupun sekadar menggredkan kayu yang boleh ditebang atupun apakah setakat ini kerja-kerja penyelidikan yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia hanya terhad kepada soal-soal gred-menggered kayu-kayuan ataupun bercakap soal kebimbangan dari segi hakisan alam sekitar kita akibat daripada penerokaan kayu-kayu balak, tetapi satu perkara yang paling ketara kita lihat, yang harus menjadi cabaran kepada Institut Penyelidikan Perhutanan ini ialah mengenalpasti segala jenis perkayuan yang ada dalam hutan belantara kita bukan sahaja terhad kepada kayu-kayu yang kononnya untuk dieksport dan untuk pembangunan.

Saya pernah bertemu dengan seorang rakan yang berkhidmat di sini, apabila kita bertanya tentang satu dua jenis pokok kayu kerana pokok kayu ataupun kayu-kayu, ataupun apa sahaja yang ada dalam perhutanan, saya kira merupakan tugas daripada Institut Penyelidikan ini di mana kita dapati hasil-hasil dalam perhutanan negara kita bukan sahaja dari segi kayu yang saya maksudkan tadi, tetapi daripada ranting kayukah, pokokkah, anak kayukah, cabang kayukah, macam-macam jenis pokok yang bukan sahaja boleh digunakan untuk pembangunan, perabot, eksport, tetapi juga jenis-jenis kayu yang boleh dijadikan ubat dan sebagainya.

Kita lihat berapa banyak negara seperti Indonesia misalnya, telah mendapat hasil daripada jenis-jenis pokok kayu yang boleh dijadikan ubat. Mungkin Tuan Yang di-Pertua juga sedia maklum di mana jenis-jenis jamu yang sudahpun merebak di seluruh dunia dihasilkan daripada setengah-setengah tumbuhan, manakala di negara kita ini banyak sumber-sumber seperti ini, tetapi apakah institut ini mempunyai pakar-pakar ataupun kemampuan bagi menyelidik sehingga skop peranan institut ini sampai melangkaui matlamat yang dimaksudkan tadi. Sebab itu, saya ingin mengetahui daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini, berapa ramaikah pakar yang sedang berkhidmat dalam Institut Penyelidikan ini anak tempatan, expert daripada luar negeri dan apakah cukup keperluan yang ada sekarang dan kalau perlu tidak keterlaluan dan kita tidak perlu menjadi inferiority complex di mana walaupun kita mempunyai pakar-pakar yang berkelulusan tinggi, tetapi oleh kerana, dengan izin, specialization hanya di bidang-bidang tertentu, malahan kita dapati orang-orang kampung, bomoh-bomoh, dukun-dukun lebih mengenali jenis jenis kayu dalam hutan kita daripada pakar-pakar yang setengah-setengahnya yang kita bawa daripada luar untuk menyelidik hutan belantara kita.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini, perkara ini saya kira wajar diberi perhatian oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia kerana azam kita dan harapan saya juga ialah untuk melihat institut ini nanti boleh dijadikan tempat rujukan oleh mana-mana pihak, termasuk di peringkat antarabangsa, kerana kita boleh dan mampu berbuat demikian. Dan inilah juga caranya kita mengenalkan negara kita di luar dunia dan inilah juga

caranya untuk kita meningkatkan maruah negara kita. Oleh kerana kita mempunyai kemudahan-kemudahan dan asas-asas seperti hutan tropika yang kita bincangkan bersama ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh di mana pada masa akan datang supaya Kerajaan dapat menimbangkan untuk melebarkan kuasa Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia ini dalam menentukan di mana kawasan-kawasan pembalakan boleh diluluskan oleh pemohon-pemohon tertentu.

Kita dengar tadi banyak di kalangan Ahli Yang Berhormat membangkitkan kebimbangan bersabit dengan penerokaan kayu balak dan sebagainya, tetapi kita sedar bahawa kuasa penerokaan kayu balak, kelulusan ini adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri-negeri. Mustahil Kerajaan Pusat boleh mencampuri secara langsung kelulusan kawasan kayu balak seperti contoh di negeri Sabah. Begitu juga mungkin negeri-negeri lain yang mempunyai bidang kuasa undang-undang masing-masing, tetapi oleh kerana ianya mempunyai hubung kait dengan kepentingan negara, saya kira sudah sampai masanya diselaraskan sekurang-kurangnya institut ini mempunyai peranan atau sedikit kuasa sebelum Kerajaan Negeri meluluskan.

Seperti di Kelantan sebagai contoh, kepada sesuatu permohonan kawasan kayu balak sesudah permohonan itu diproseskan, ianya haruslah juga mendapat green light (lampu hijau) daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia bahawasanya kawasan itu boleh di adakan penerokaan kayu balak.

Sesudah segala suasana di sekeliling itu diambil kira, bukan sahaja dari segi jenis kayu, dari segi alam sekitarnya, dari segi kesesuaiannya, maka sesudah di peringkat Institut ini memberikan

green light, lampu hijau dari segi penyelidikannya, ianya sesuai maka bolehlah kemudian dipulangkan balik untuk kelulusan rasmi Kerajaan-kerajaan Negeri dan ini juga boleh memberi checks and balances di mana kuasa yang bertingkat-tingkat yang lebih, supaya kawasan kayu balak kita ini tidak dapat dipersalahkan seperti Kerajaan PAS lakukan pada tahun 1978 di negeri Kelantan. Ini boleh juga menjamin konsep Bersih, Cekap dan Amanah Kerajaan kita dapat terus kita junjung bersama dan menjadi kebanggaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin balik kepada soal-soal pinjaman perumahan yang diberi kemudahan kepada kakitangan dan pegawai Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia ini yang kita kira dalam keadaan sekarang ini kita dapati masih ada lagi mereka yang belum lagi berkesempatan mempunyai kemudahan-kemudahan untuk mendapat pinjaman perumahan.

Manakala kakitangan Institut ini sudah pun melalui Akta ini akan diberi peluang untuk memperolehi pinjaman dan mungkin akan mengakibatkan satu peruntukan yang tidak sedikit, tetapi kita penuh percaya kemudahan yang akan diperolehi nanti akan menjadi perangsang, akan menjadi dorongan supaya prestasi ataupun sumbangan khidmat pegawai-pegawai itu nanti dapat meningkatkan lagi kerja-kerja di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia ini dan apabila keperluan asas ini dapat disediakan kepada kakitangannya juga, ianya juga dapat mengurangkan, dengan izin, temptation untuk menerima rasuah ataupun menyeleweng kerana di bidang ini potensinya begitu besar dan terdedah kalau kita lihat kepada pengalaman-pengalaman yang lalu.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan secara ringkas kepada perkara pokok yang saya bangkitkan untuk diberi pertimbangan dalam

menyokong Akta Institut Penyelidikan Pembangunan Perhutanan Malaysia, 1985, seksyen 15 cerai (3). Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Maran.

5.52 ptg.

Tuan Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan bersama-sama berhubung dengan Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, memang sudah menjadi kebiasaan manusia hidup memerlukan kepada beberapa perkara asas selain daripada untuk mendapatkan makan, pakaian dan sebagainya, manusia perlukan juga tempat tinggal ataupun tempat perlindungan. Jadi memang sewajarnya Akta yang kita bincangkan pada hari ini kerana dengan Akta ini sudah tentu akan memberikan satu kemudahan asas kepada pihak yang berkenaan yang membolehkan mereka membuat pinjaman dan seterusnya membeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya selalunya kakitangan Kerajaan tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri tanpa mendapat pinjaman dari Kerajaan kerana dengan pinjaman ini sahajalah mereka boleh memiliki rumah sendiri agak selesa sedikit. Sebab itulah kebanyakan kakitangan ataupun pegawai Kerajaan yang lain dalam perkhidmatan awam mana-mana yang telah membuat pinjaman kadangkala sehingga mereka berpuas hati sekalipun masih belum habis bayaran hutang rumah mereka. Apatah lagi kalau sekiranya kita tidak memberikan

pinjaman, maka sudah barang tentu mereka tidak boleh memiliki dan membuat rumah sendiri.

Kakitangan Kerajaan mempunyai pendapatan yang tetap yang diberi secara bulanan. Kita mengutip balik pinjaman adalah secara menolak ataupun memotong daripada gaji yang mereka perolehi. Jadi janganlah kita risau dan bimbang kepada kakitangan Kerajaan yang tidak mahu membayar balik hutang pinjaman mereka kerana kita boleh paksa mereka itu dengan cara kita memotong gaji pegawai-pegawai berkenaan. Begitu jugalah kalau sekiranya kita memberikan pinjaman membeli kenderaan.

Satu perkara lain apabila kita meluluskan Akta ini memang kita juga akan menggalakkan penjualan rumah-rumah yang pada masa sekarang saya kira masih banyak lagi yang belum dijual. Jadi dengan adanya pinjaman ini, saya percaya di antara rumah-rumah di tempat-tempat tertentu yang masih belum dijual boleh dibeli oleh mereka yang mendapat pinjaman tersebut. Maka dengan sendirinya bukan sahaja kita memberi kemudahan dan tempat duduk kepada peminjam tetapi kita juga dapat memberi kemudahan dan menolong kepada Kerajaan ataupun pemaju rumah yang mana rumah mereka masih belum habis dijual.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin juga menyentuh mengenai masalah perhutanan. Apabila kita mendengar daripada beberapa Ahli Yang Berhormat yang membincangkan perkara ini, maka beberapa perkara perlu kita ambil perhatian.

Ada di antara mereka mengatakan supaya kita mengekalkan hutan yang ada supaya tidak diteroka, balak tidak diambil. Tetapi sebenarnya memanglah kayu balak itu dijadikan oleh Tuhan adalah merupakan satu hasil kepada negara ataupun negeri yang berkenaan. Malangnya bagi

negeri-negeri yang banyak mempunyai hutan balak tetapi kita tidak beri mereka untuk mengeluarkan hasilnya. Sebagaimana yang kita tahu sudah barang tentu negara-negara ataupun negeri-negeri yang dipenuhi oleh hutan adalah negeri yang kurang maju. Kalaulah kita larang, kita tidak beri mereka mengeluarkan hasil kayu balak, bagaimanakah pula mereka itu hendak memajukan negeri mereka sendiri?

Inilah yang perlu kita fikirkan bersama. Apa yang penting supaya pengeluaran balak itu dikeluarkan dengan bijak. Kita mesti menentukan supaya tanah-tanah yang telah dikeluarkan balak itu ditanam semula dengan kayu-kayu yang boleh mengeluarkan hasil yang lain. Apa yang kita hairankan, sedangkan minyak kita sendiri kita boleh menentukan sekian-sekian tahun akan habis, contohnya mungkin negara kita 15-20 tahun lagi habis minyak, tetapi kita tidak merintih mengapa kita mengeluarkan minyak dengan begitu banyak, kerana kita hendak mendapatkan hasil, kayu balak kita dapat daripada tanah. Jadi apabila kayu balak dikeluarkan kita boleh tanam dengan kayu yang lain kemudian kita boleh dapat gantinya semula. Apa yang penting ialah ialah cara-cara kita menentukan supaya kegunaan tanah-tanah itu dijalankan dengan baik.

Saya ingin menyentuh di sini melibatkan negeri Pahang. Memanglah di antara negeri sebelah sini, negeri Pahanglah yang banyak sekali mempunyai hutan dan balak. Baru-baru ini kita kedegaran Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sendiri menghendaki supaya hutan simpan Endau-Rompin dijadikan sebuah lagi Taman Negara, selain daripada Taman Negara kita di tepi Gunung Tahan ataupun di Tembeling. Jadi memanglah indah bagi negeri Pahang kerana mempunyai dua

Taman Negara, tetapi kita mesti ingat bahawa negeri Pahang sendiri mendapat kebanyakan hasilnya daripada balak. Apabila kawasan Endau-Rompin dijadikan Taman Negara, maka tersembunyilah harta ataupun hasil negeri Pahang tidak boleh dikeluarkan sedangkan inilah di antara sumber-sumber yang negeri Pahang dapat untuk mendapatkan hasil dan membangun negeri itu sendiri. Jadi Kerajaan perlulah berfikir mengapa pula negeri Pahang yang ditentukan untuk diadakan dua buah Taman Negara selain daripada Taman Negara sekarang hendak dijadikan Endau—Rompin sebagai Taman Negara. Pilihlah kawasan di negeri lain yang mempunyai banyak hutan untuk dijadikan Taman Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jelaskan tadi iaitu perkara penting yang kita perlu tentukan di sini ialah cara-cara kita menggunakan hutan itu dan kita menanam semula di tanah-tanah yang kita telah gunakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang bertentangan ialah dalam usaha kita hendak membangunkan negara, kita perlu membuat pembangunan bukan sahaja dari segi tanah itu digunakan untuk tempat-tempat kediaman dan membuat bandar-bandar tetapi juga membuka tanah bagi kawasan menanam kelapa sawit dan getah. Ini adalah tujuannya kita hendak memberikan kesejahteraan hidup dan memberikan pendapatan kepada rakyat kita dan menempatkan mereka kepada rancangan-rancangan yang kita buka, yang mana rancangan-rancangan ini memanglah dahulunya merupakan hutan rimba yang dipenuhi oleh balak-balak. Maka dalam usaha ini mahu tidak mahu Kerajaan terpaksa menggunakan hutan kerana kalau sekiranya hutan itu tidak diteroka memang kita tidak boleh untuk menanam kelapa sawit dan getah. Jadi perhatian yang berat yang perlu kita berikan ialah mana-mana rancangan yang kita hendak buka itu hendaklah

merupakan tempat-tempat yang sesuai sahaja dibuka, dibuatkan rancangan.

Memang kedapatan sekarang di rancangan-rancangan FELDA yang kita buka kebanyakannya ada di antara kelapa sawit dan getah terpaksa ditanam di lereng bukit yang begitu tinggi sehinggakan bagi peserta-peserta peneroka itu sendiri untuk mendapatkan hasil atau mengambil hasilnya begitu sukar sekali. Bayangkanlah, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu mengambil setandan kelapa sawit di bukit yang tinggi memanglah menyukarkan kepada peserta itu. Dengan sebab itu kita mestilah melihat betul-betul tanah-tanah yang agak sesuai untuk ditanam dengan kelapa sawit bagi rancangan-rancangan kita. Begitu juga kalau kita menanam getah memanglah sukar bagi peserta-peserta untuk mengambil susu getah kalau sekiranya getah yang ditanam itu di lereng-lereng bukit yang tinggi, kadangkala apa yang kedapatan ialah pokok getah kita habis terlingkup kerana jatuh, sebab bukit terlalu tinggi. Inilah yang perlu kita buat kajian seelok-eloknya supaya mana-mana tempat, kawasan hutan yang mempunyai bukit-bukau janganlah kita teroka dan buka untuk dibuatkan rancangan tanah.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, masalah pembalakan bukanlah satu perkara yang begitu membimbangkan kita kerana kayu itu diambil, tetapi kalau sekiranya rancangan FELDA ini dibuka dengan seluas-luasnya, kalau kita betul-betul membuka tanah itu, hutan kita tidak ada tinggal langsung bahkan kita tanam dengan tanaman yang lain. Ini adalah lebih lagi akan menjadikan pokok asal langsung tidak ada. Kalau adanya pembalakan mungkin kayu-kayu yang sesuai sahaja kita ambil, kayu-kayu lain masih kita boleh biarkan sehingga membesar, tetapi kalau rancangan FELDA ini memang semua kayu-kayu yang kecil-kecil semuanya kita buang sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini perlulah pihak Kementerian yang berkenaan bersama-sama dengan Lembaga ini bekerjasama bagi menentukan keadaan ini tidak berlaku. Di samping kita mahukan pembangunan, hutan-hutan yang perlu kita tinggalkan perlulah ditinggalkan, dan apabila kita hendak meninggalkan hutan hendak dijadikan Taman Negara dan sebagainya hendaklah kita memikirkan mana-mana tempat di satu-satu negeri yang sesuai. Janganlah jadikan sebuah negeri itu mengadakan dua Taman Negara dan biarlah hutan simpan negeri Pahang dan Johor itu dikelolakan sendiri oleh negeri masing-masing kerana mereka pandai dan tahu menjaga negeri masing-masing. Kalau sekiranya esok satu ketika perlu kepada hasil, mungkin kita boleh menggunakan hutan simpan itu tetapi kalau sekiranya ianya dijadikan Taman Negara memang sukarlah bagi Kerajaan yang berkenaan untuk mengambil balik hutan-hutan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang dapat saya cakapkan pada petang ini. Saya menyokong penuh di atas pindaan Akta ini berhubung dengan pemberian pinjaman perumahan dan kenderaan kepada kakitangan Institut yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Gopeng.

6.09 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan berhubung dengan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, 1985.

Saya kira peri pentingnya hutan dan hasil hutan kepada manusia dan kehidupan manusia tidak dapat kita

nafikan dan peri pentingnya peranan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia juga tidak dapat kita nafikan. Oleh sebab yang demikian, pada pandangan saya cadangan untuk memberikan kemudahan pinjaman perumahan kepada kakitangan Institut itu memang wajar dan kena pada tempatnya.

Cuma, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memberikan sesuatu kemudahan kepada sesuatu pihak yang tertentu kita biasanya mengharap sesuatu balasan. Jadi, dalam hal ini pada pandangan saya balasan yang kita harap ialah Institut yang berkenaan itu dapat meningkatkan lagi prestasinya, kerjanya, misalnya dari segi mengeluarkan hasil penyelidikan yang lebih banyak dan juga memperbaiki mutu penyelidikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memperbanyakkan hasil penyelidikan serta juga memperbaiki mutu penyelidikan Institut yang berkenaan itu, bagi saya perkara yang kedua ialah dalam proses kita cuba mencari keuntungan daripada hasil-hasil hutan perlulah pihak Institut ataupun pihak Lembaga mengambil perhatian ke atas beberapa perkara yang penting seperti soal pemeliharaan ataupun, dengan izin, "conservation", masalah hakisan, masalah berhubung denganimbangan ekologi dan sebagainya. Saya kira itu beberapa perkara yang perlu diambil berat oleh pihak Institut.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita memberikan kemudahan kepada kakitangan Institut ialah dengan harapan Institut berkenaan itu benar-benar lebih cekap, lebih berkesan lagi dalam menjalankan tugas-tugasnya dan saya harap dengan adanya kemudahan yang diberikan itu kakitangan Institut itu nanti tidak menghampakan harapan kita itu.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang yang

berkenaan yang saya sebutkan tadi. Sekian.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Lembah Pantai ada hutan juga?

6.14 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Ada banyak hutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengambil bahagian dalam membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 yang mana bertujuan seksyen ini ialah berhubung dengan memberi kemudahan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia untuk mendapat rumah, pinjaman perumahan kepada kakitangan ini. Oleh itu, dengan keadaan ini kita mengalu-alukan di atas Rang Undang-undang ini kerana rumah adalah amat penting kepada manusia. Dengan keadaan rumah ini, mereka akan dapat meninggalkan anak dan isteri semasa mereka bertugas, termasuk juga pegawai-pegawai yang menjaga hutan, Polis-polis Hutan dan seterusnya. Dengan keadaan ini kita tidak takut sebagaimana ada suara-suara yang mengatakan takut tidak terbayar dan seterusnya, tetapi ini rasa saya oleh kerana mereka ini bekerja, berkhidmat, dibayar gaji bulanan, ada undang-undangnya untuk dipotong tiap-tiap bulan gaji mereka, rasa saya tidak ada perlu hendak kita takutkan soal-soal ini yang disebutkan oleh salah seorang Wakil Rakyat yang kita dengar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal perhutanan ini melibatkan kayu. Kalau kita hendak bincangkan soal ini sahaja

rasa saya memanglah pendek sahaja, tetapi yang sebenarnya ialah berhubung dengan hutan rimba, hutan tropika di negara kita ini yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya tadi telah pun menyuarakan masalah kebimbangan jikalau hutan-hutan tropika kita di dalam negara kita ini akan pupus, tidak ada lagi, akan jadi padang jarak padang terkukur, hanya dengan keadaan pohon-pohonnya tidak ada lagi. Di samping itu juga kita takut Kerajaan negara kita ini kehilangan punca pendapatan daripada penjualan-penjualan balak. Di samping itu juga, kita takut pada satu masa nanti kita yang mengeluarkan kayu-kayan untuk membuat perumahan dan sebagainya akan pupus, kita akan pula mengimport kayu-kayu balak daripada negara lain. Dalam masalah ini sudah semestinyalah kebimbangan-kebimbangan ini sepatutnya pihak Kerajaan sendiri menjaga di atas kepentingan hutan yang masih ada, pohon-pohon kayu-kayan yang masih ada ini supaya tidak pupus begitu sahaja.

Kita tahu dalam masalah untuk membangunkan negara kita ini memang memerlukan kawasan-kawasan, tanah-tanah dan begitu juga untuk membuka ladang-ladang FELDA untuk tanaman kelapa sawit, getah dan sebagainya memerlukan kawasan-kawasan. Tetapi rasa saya dalam masalah ini kita juga harus memikirkan untung baik dan sebagainya di masa yang akan datang. Di samping itu juga, dengan hutan-hutan yang telah diteroka ini Ahli-ahli Yang Berhormat tadi telah menyuarakan dan membuat pandangan berhubung dengan hakisan-hakisan air yang sekarang ini melibatkan kesusahan kepada rakyat dan begitu juga sungai-sungai yang dahulunya mengalir begitu luas air dan begitu juga ikan-ikan yang boleh dicari di sungai oleh kerana penerokaan tanah-tanah ini, sungai-sungai telah

pun menjadi tohor ataupun cetek, ikan-ikan tidak ada lagi. Masalah ini juga harus difikirkan. Di samping itu juga, di kawasan-kawasan perkampungan, sawah-sawah tidak berair lagi kerana tidak ada air yang mengalir daripada atas-atas gunung kerana gunung-gunung ini telah pun botak atau boleng yang tak dapat lagi menahan hakisan-hakisan air.

Di samping itu juga, di Kuala Lumpur ini dahulu tak pernah menjadi banjir, tetapi sekarang ini kita boleh lihat sendiri dengan diterokanya tanah-tanah tinggi dan seterusnya hutan-hutan tidak ada lagi, sedikit sahaja hutan, banjir telah tiba. Di samping itu juga, masalah-masalah air di Klang Gate ataupun ditakungan air di sana kadangkala telah kekurangan bila hari panas kerana kawasan-kawasan yang lain telah pun diteroka, umpamanya di Genting Highlands dan kawasan-kawasan yang lain. Ini harus difikirkan dari pandangan-pandangan Yang Berhormat tadi.

Dalam soal yang lain, saya juga berpendapat berhubung kawasan-kawasan ini yang saya sebutkan tadi, kita harus juga menjaga pohon-pohon yang telah ditebang oleh pihak pembalok-pembalok yang sekarang ini mereka itu mengingatkan tiap-tiap satu ekar umpamanya berapa batang kayu balok yang boleh ditebang dan mereka ini tidak memikirkan pula bagaimana sekeliling kawasan itu kayu-kayu yang masih belum dia boleh tebang, bagaimana musnah. Apabila mereka ini tebang kayu-kayu pohon-pohon yang besar ini akan menimpa pokok-pokok yang ada ini. Ini juga sepatutnya pihak perhutanan, sama ada ada kajian ataupun tidak bagaimana undang-undang dijalankan, kerana sejauh ini kita lihat sungguhpun Tuan Yang di-Pertua mengatakan di Kuala Lumpur, Lembah Pantai tidak ada hutan, tidak ada balok, tetapi boleh kita lihat, saya sendiri pun datang daripada kampung dan di samping itu juta kita melihat pemandu kereta di kawasan negara

kita ini melalui hutan belukar yang kita lihat kiri-kanan hutan-hutan yang begitu habis telah pun diambil kayu-kayu yang berharga oleh pihak pembalok-pembalok, sedangkan penanaman semula kemungkinan tidak begitu pesat dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan, yang kita lihat pokok-pokok yang tidak berguna.

Ini juga saya rasa supaya ada undang-undang, apabila penebangan dijalankan supaya kayu-kayan yang ada di situ mesti ditandakan. Jika sekiranya kayu ini tumbang ataupun patah atau seterusnya, suruh pembalok-pembalok ini supaya mencari jalan bagaimana untuk merebahkan kayu yang hendak ditebang itu, kerana zaman sekarang ini zaman sains dan teknologi macam-macam usaha boleh dijalankan untuk menyelamatkan. Kita tidak mahu pembalok-pembalok ini tamak untuk mereka sendiri sahaja tanpa memikirkan masa depan, oleh kerana kita masih hendak hidup lagi di dunia ini beratus-ratus tahun ataupun sampai hari kiamat. Kayu-kayu ini bukan boleh dipakai atau ditebang dalam masa 5 atau 6 tahun. Kayu-kayu yang ada ini berpuluh-puluh tahun. Kalau kayu yang muda memang tidak boleh digunakan, kalau sebesar pemeluk bolehlah, tetapi kalau sebesar keting, sebesar kepala kita, apa gunanya kayu-kayu ini. Begitu juga apabila pihak-pihak FELDA dan sebagainya menebang, menebas ataupun mengambil kawasan-kawasan balok ini, kita lihat begitu sayang, kayu-kayu yang begitu banyak telah ditebang dan ditimbun di situ lepas itu dibakar. Tiadakah cara-cara untuk menyelamatkan kayu itu untuk mendapatkan ekonomi negara kita.

Saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang di sini pun semuanya sudah pergi ke luar negeri. Sedangkan di Amerika Syarikat sendiri pun kita lihat tiang-tiang telefon, tiang-tiang elektrik masih ada yang pakai kayu-kayu. Apa salahnya kayu-kayu yang

ada di sini juga supaya pihak-pihak Kerajaan mengambil kayu-kayu yang lurus itu disiapkan untuk dibawa ke kampung-kampung untuk menyalurkan bekalan elektrik dan sebagainya. Digunakan kayu-kayu ini, tidak hanya dibakar begitu sahaja, membazirkan sahaja. Sungguhpun tujuannya untuk mengadakan ladang-ladang atau FELDA ini, tetapi yang musnah itu bukannya satu ekar, dua ekar, malahan beribu-ribu ekar. Bandingkanlah berapa banyak, kalau dapat cara-cara yang kita cari jalan.

Soal yang lain, kita juga di dalam hutan-hutan yang ada ini, sebagaimana yang disebutkan tadi, umpamanya pohon-pohon yang buahnya boleh dimakan seperti durian, petai dan banyak lagi buah-buahan hutan yang boleh dimakan tetapi dengan tiadanya penjagaan ini tadi, pohon-pohon ini juga musnah tidak dapat diganti. Di samping itu juga rotan-rotan yang ada di kawasan-kawasan itu kita jaga. Kalau tidak kerusi rotan tidak ada lagi di rumah kita. Kemungkinan anak-anak kita tidak mahu macam mana rupa rotan di masa akan datang, kerana hutan kita tidak mengeluarkan rotan. Kita juga tahu bagaimana bomoh-bomoh di kampung menggunakan akar, daun kayu buat ubat. Pihak penyelidik patut memikirkan pohon, akar, urat kayu yang boleh dibuat ubat.

Sekarang kita balik ke Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur ini ada hutannya sendiri iaitu namanya Bukit Nanas yang mana pohon-pohon kayu di situ yang boleh dikatakan separuhnya telah habis oleh kerana kita hendak membuatkan cable-car pada satu masa dahulu. Sekarang cable-car pun sudah habis dan di samping itu juga kita membuat chalet-chalet dan seterusnya untuk jual-beli iaitu "free duty shop" dan sebagainya, tetapi tidak berjalan. Begitu juga saya rasa pohon-pohon yang ada sekarang ini, kayu-kayu dan hutan-hutan yang ada sekarang ini supaya tidak diusik lagi iaitu di Wilayah Persekutuan ini

supaya dijaga, dibaikkan dan di samping itu sama ada telah dijalankan ataupun belum, tiap-tiap kayu yang ada di kawasan Bukit Nanas ini supaya penyelidikan dapat diadakan untuk menamakan kayu-kayu itu. Kalau boleh dilabelkan di tiap-tiap pohon kayu itu apa kayu-kayunya, kayu ara, kayu cempaka dan seterusnya. Ini rasa saya banyak menyenangkan anak-anak kita yang masih belajar di sekolah, khasnya di Kuala Lumpur ini, mereka akan dapat pergi melihat kayu-kayu ini, dekat sahaja, iaitu di Bukit Nanas. Ada nama, ini pokok ara, ini pokok jati dan sebagainya dapat disimpan di situ dan di samping itu dibuatkan juga trek-trek ataupun laluan supaya boleh orang-orang di Kuala Lumpur ini dan juga orang-orang yang datang ke Kuala Lumpur ini pergi ke situ.

Kerjasama hendaklah dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dengan Kementerian Perusahaan Utama untuk menjalankan usaha supaya bukit itu dapat dijaga dan diadakan jalan-jalan untuk pelancong-pelancong, kerana bukit itu dikelilingi oleh hotel-hotel yang besar-besar dan kemungkinan pelancong-pelancong dari luar negeri, pagi-pagi mereka ini sebelum sarapan pagi, hendak berjogging dan sebagainya, kita akan tunjukkan kawasan itu. Mereka akan berjalan sampai pukul 8.00 di sekeliling itu dan ini satu penarikan di Kuala Lumpur ini sendiri.

Kita tidak mahu membawa mereka ini berkeliling Kuala Lumpur tunjukkan Muzium Negara dan sebagainya. Saya ada juga sekali sekala ke luar negeri dan pada satu masa, saya tidak ingat sama ada di Hawaii ataupun di California, Amerika Syarikat, saya ada dibawa oleh rombongan untuk melawat hutan di sana. Ada "woodland", nama hutan, bukan "Woodland" di Singapura. Di sana seluruh pokok-pokok ada di kawasan itu iaitu termasuk kayu-kayu. Saya ingat di Malaysia sahaja ada lalang, rupanya di situ pun ada lalang, pokok

resam ada, semua ditunjukkan di kawasan itu, dengan air pancut dan sebagainya. Oleh itu pelancong-pelancong akan dapat juga di samping dia datang, akan melihat dan melawat. Oleh itu saya harap Institut Penyelidikan dan juga Dewan Bandaraya atau kemungkinan Kementerian Perusahaan Utama dan Pelancongan supaya Bukit Nanas itu dijaga dengan baik.

Soal yang lain, kita juga lihat pembukaan jalan yang begitu panjang, yang luas dalam negara kita ini. Kita lihat sekarang, satu jalan yang kita buat sekurang-kurangnya 60 rantai kiri kanan akan ditebang pohon-pohon kayu, hutan dan seterusnya bukit-bukit. Bila ada bukit digali dibuang tanah dan seterusnya. Apa salahnya kita lihat juga bukit ini supaya disediakan, tidak usah digali atau dibuang. Kalau hendak buat jalan, apa salahnya masuk dalam tanah, buat terowong, sebagaimana keretapi yang lalu di Bukit Gantang, boleh lalu di bawah tanah. Di Kuala Lumpur sendiri pun di Bukit Aman, keretapi bawah, di atasnya masih boleh didirikan rumah. Ini menyelamatkan tanah yang ada pada hari ini dan di samping itu menyelamatkan pohon-pohon kayu, kalau kita tidak pakai.

Kalau dalam bandar boleh kita mendirikan rumah-rumah di atas, di bawah jalan motokar dengan adanya terowong, tidak sebagaimana di Lake Garden pada hari ini. Boleh kita semua lihat sendiri berapa luas kawasan hutan dahulu telah diluruskan, padahal bukit itu rasa saya boleh dimasukkan terowong, masukan jalan bawah tanah, kemungkinan atasnya boleh didirikan rumah Kerajaan dan sebagainya bagi mengelakkan masalah-masalah. Tetapi sekarang perkara-perkara itu telah terjadi. Kita mengharapkan. . . .

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Yang Berhormat boleh sambung lagi fasal terowong esok.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Boleh, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengemukakan usul.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PENIAGA-PENIAGA VIDEO—KESUSAHAN

6.30 ptg.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, ucapan penangguhan saya adalah mengenai masalah dan kesusahan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga video di Pulau Pinang. Peniaga-peniaga video di Pulau Pinang melalui persatuan mereka, minta izin, Penang Video Traders Assosiation sejak dua tahun yang lalu telah cuba untuk menarik perhatian dan bantuan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan akan masalah dan perbalahan mereka dengan pemegang hakcipta video atau pelesen-pelesen mereka. Mereka pada hakikatnya telah mengemukakan beberapa memorandum kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Menteri Dalam Negeri menyuarakan masalah mereka dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk dipinda.

Memorandum yang terakhir sekali telah dikemukakan kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang baru dilantik pada 15hb Jun, 1987. Walau bagaimanapun, rayuan mereka untuk mendapat bantuan dari pihak Kerajaan bukan sahaja tidak dipedulikan, tetapi pada hakikatnya keadaan mereka menjadi lebih teruk dan ditambah pula dengan undang-undang Hakcipta dalam negara kita. Pemegang-pemegang hakcipta video ataupun pelesen-pelesen mereka khususnya "Golden Star Video" pada hakikatnya telah menggunakan peruntukan di dalam Akta Hakcipta untuk cuba mengawal peniaga-peniaga video dan mewujudkan satu monopoli yang ketat ke atas perniagaan video di negara kita ini. Pihak Kerajaan boleh melindungi kerja-kerja hakcipta tetapi perlindungan ini janganlah sehingga membenarkan pemegang-pemegang hakcipta mewujudkan satu monopoli di mana peniaga-peniaga video terpaksa tunduk di bawah kemahuan pemegang-pemegang hakcipta atau pelesen-pelesennya.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini pada hari ini tidak berhasrat untuk bercakap tentang perbalahan yang berlarutan ini oleh kerana saya percaya bahawa Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar sepenuhnya akan masalah-masalah di antara peniaga-peniaga video dan Golden Star Video Bhd. itu pelesen bagi seris video Hongkong TVB oleh kerana satu memorandum telah dikemukakan kepada beliau pada 15hb Jun ini. Saya berharap Menteri yang baru dapat melakukan sesuatu untuk membantu peniaga-peniaga video ini. Walau bagaimanapun, saya suka mengambil peluang ini untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa terdapat tuduhan-tuduhan bahawa pihak Golden Star Video dikatakan telah menggunakan pihak Polis untuk menakutkan peniaga-peniaga video supaya menandatangani satu perjanjian yang baru yang dianggap

sungguh tidak adil dengan mereka. Juga terdapat tuduhan-tuduhan yang serius bahawa sebahagian dari pegawai-pegawai Polis telah sepakat dengan Golden Star Video dalam mengganggu peniaga-peniaga video di Pulau Pinang dengan membuat serbuan-serbuan yang kerap ke atas kedai-kedai video dan bahawa pegawai-pegawai Polis ini dibayar \$200 tunai bagi setiap serbuan yang dibuat.

Keberkesanan pihak Polis dengan secara tiba-tiba ini dalam membuat serbuan-serbuan ke atas kedai-kedai video di Pulau Pinang di atas alasan disyaki melanggar hakcipta hanya akan menambahkan mudaratnya tuduhan-tuduhan ini. Pegawai-pegawai Polis bersama dengan kakitangan-kakitangan dari Golden Star Video akan membuat serbuan ke atas kedai-kedai video ini dan merampaskan pita-pita video atas alasan disyaki melanggar hakcipta dan selalunya selepas beberapa bulan pita-pita video yang dirampas ini akan dipulangkan kepada peniaga-peniaga video tanpa sebarang dakwaan dikenakan terhadap mereka. Serbuan-serbuan begini boleh menjadikan peniaga-peniaga video tutup kedai dengan berkesan sekali dan peniaga-peniaga video ini tidak terdaya terhadap gangguan-gangguan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu tuduhan yang amat serius dan saya berharap Menteri Dalam Negeri akan menjalankan satu penyiasatan yang rapi dalam perkara ini dan memberhentikan gangguan-gangguan ini dan mengambil satu tindakan yang seberat-beratnya terhadap mana-mana pegawai-pegawai andainya tuduhan ini terdapat benar dan juga memberi perlindungan yang sepatutnya kepada peniaga-peniaga video. Sekian.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang tajuk masalah dan kesusahan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga video, saya dapati ada dua perkara

yang telah dibangkitkan iaitu perbalahan di antara pembekal video dan peniaga video, yang kedua ialah penindasan ke atas peniaga video oleh pemegang-pemegang hakcipta.

Kementerian Dalam Negeri hanya bertanggungjawab di dalam bidang penapisan kawalan filem, pita video dan ceper video untuk ditayangkan kepada umum di Malaysia. Untuk memastikan peraturan penapisan dipatuhi, dan pita-pita video yang ditapis sahaja diniagakan di negara ini, maka pihak Lembaga Penapis Filem dan Polis Di-Raja Malaysia mengadakan pemeriksaan dari masa ke semasa. Pemeriksaan ini adalah merupakan satu cara bagi menguatkuasakan undang-undang dan ia tidak seharusnya dianggap sebagai gangguan. Gangguan yang dikatakan oleh pihak Yang Berhormat tadi oleh pihak Polis adalah dilakukan setelah mendapat aduan dari orang ramai dan banyak pula di kalangan orang ramai yang membuat aduan adalah terdiri dari pembekal-pembekal dan peniaga-peniaga video sendiri. Mungkin dilakukan ini kerana saingan perniagaan. Bagaimanapun, pihak Polis terpaksa bertindak di atas tiap-tiap pengaduan daripada orang ramai. Dan kalau sekiranya ada penyelewengan sepertimana yang telah diterangkan oleh pihak Yang Berhormat, kalau sekiranya ada bukti-bukti yang nyata mana-mana pegawai Polis mengambil wang dan sebagainya, sila beri laporan yang tepat supaya tindakan boleh diambil oleh Kementerian saya.

Masalah perbalahan dan penindasan oleh pemegang hakcipta video ialah tindakan individu atau peniaga video itu sendiri. Bagi sesebuah negara yang mengamalkan free enterprise, dengan izin, masalah saingan di dalam perniagaan adalah perkara biasa dan tidaklah boleh dianggap sebagai penindasan. Masing-masing pihak iaitu pihak pembekal dan pengedar mempunyai kepentingan yang perlu

dijaga. Jika peniaga-peniaga merasa mereka ditindas oleh pemegang hakcipta video, mereka bolehlah membuat laporan kepada pihak berkenaan supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Saya setakat ini belum lagi melihat salinan memorandum yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi yang telah dihantar kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk saya kaji. Bagaimanapun, inginlah saya menjelaskan bahawa matlamat Akta Hakcipta ialah bukan hanya untuk memelihara hakcipta ke atas pita-pita video yang dibawa masuk ke negara ini, sebaliknya ia bertujuan untuk memberi perlindungan pada hasil ciptaan negara ini di Malaysia dan di negara-negara luar. Cadangan untuk mengubah atau meminda Akta Hakcipta perlu dikaji secara menyeluruh dengan mengamalkan kuasa kepentingan untuk melindungi hasil cipta warganegara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Mengenai peranan pihak Polis yang boleh memberi satu gambaran bahawa mereka menjadi alat atau menyebelahi pihak Golden Star Video untuk menindas peniaga-peniaga video. Satu pandangan yang serius yang bukan sahaja terhad kepada Pulau Pinang tetapi di seluruh negara. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri rela untuk mengadakan satu dialog di mana kita boleh buat perhubungan dan kontek dengan wakil-wakil persatuan video traders khas mengenai peranan pihak Polis dalam masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih Yang Berhormat. Saya yang sebenarnya telah pun mengadakan dialog yang tidak pernah dilakukan di masa-masa yang lepas di atas masalah industri video ini. Dalam dialog yang tiga jam itu yang dihadiri oleh hampir kesemua pembekal-pembekal video termasuk juga

persatuan peniaga-peniaga video Pulau Pinang yang diadakan di Putra World Trade Centre tidak timbul perkara-perkara yang telah dibangkitkan ini. Kalau sekiranya perkara ini timbul, saya mempunyai pegawai-pegawai yang cukup untuk mengambil keterangan-keterangan lanjut tentang hal ini.

Dan saya bercadang untuk mengadakan dialog lagi sekali kerana kita mempunyai program yang baru iaitu masalah Sijil "V" yang ingin saya selesaikan dengan secepat yang mungkin kerana saya merasakan dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat lain juga merasakan bahawa industri video ini berkembang bukan sahaja untuk masyarakat, bukan sahaja untuk yang terlibat dalam industri tetapi juga untuk mendapatkan pendapatan yang baik bagi Kerajaan. Dengan sebab itu saya tidak dapat memperkatakan sesuatu atas khusus bagi satu-satu pembekal sahaja tetapi keseluruhannya kerana saya menerima aduan bukan sahaja daripada Golden Star masalah Golden Star, saya menerima daripada Supervision, saya menerima daripada banyak sangat, orang ini tuduh yang ini, yang ini tuduh yang ini, jadi sukar untuk kita hendak ketahui yang mana satu yang benar kerana kadang-kadang pembekal ini berbaik dengan pembekal yang ini, bunuh pembekal yang lagi satu. Ini keadaan pertandingan yang wujud kerana saya juga mempunyai orang-orang yang saya telah hantar kadang-kadang pembekal A kita dapati berkelahi dengan pembekal B tetapi besok A dengan B berganding tangan pukul pembekal C, ini keadaannya.

Tuan Lim Kit Siang: Masalahnya ialah peranan pihak Polis. Itu pertikaian atau conflict of interest, itu ialah perkara yang lain. Tetapi peranan pihak Polis untuk pergi ke tempat peniaga-peniaga video dan untuk confiscate dan lain-lain, bolehkah diadakan satu dialog khas

mengenai perkara ini, oleh kerana ini satu masalah yang besar dan pun boleh memberi pihak Polis dalam satu kedudukan yang tidak begitu baik. Kalau pandangan ialah bahawa sudah membantu pihak Golden Star dan lain-lain untuk menindas peniaga-peniaga video supaya satu dialog, satu perbincangan dalam boleh diadakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selepas dialog berkenaan dengan Sijil ini telah selesai, saya akan menimbangkan untuk mengadakan dialog khas berkenaan dengan peranan Polis dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

KEGAGALAN PERKHIDMATAN PENTADBIRAN

6.45 ptg.

Dr V. David (Puchong): Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar yang memerintah pengambilan kakitangan di perkhidmatan awam hanya menguntungkan satu kaum sahaja. Garis-garis panduan yang telah ditubuhkan untuk menentukan perlantikan tenaga kakitangan yang berkeelayakan dan mahir diketepikan. Perkhidmatan awam di Malaysia ialah di bawah kawalan Kerajaan yang memerintah dan hanya menjadi sebuah tambahan daripada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang mempunyai kuasa di peringkat-peringkat tinggi di perkhidmatan awam kebanyakannya terdiri daripada satu kaum sahaja. Sebilangan dari mereka tidak cepak, bongkak dan menerima rasuah. Merekalah yang memburukkan taraf pengurusan dan pentadbiran di perkhidmatan awam. Kecekapan, kebolehan dan pengalaman semuanya dirancang bagi kemudahan dan keuntungan politik.

Tuan Yang di-Pertua, pemilihan kaum di perkhidmatan awam ialah satu perkara yang benar dan telah

menjadi peristiwa biasa, pegawai-pegawai dari satu kaum dianugerahkan dengan kenaikan pangkat dan gaji tetapi kakitangan-kakitangan dari kaum lain diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian kakitangan dari kaum-kaum lain merasa berdukacita dan kecewa, kakitangan-kakitangan dari suatu kaum sahaja mempengaruhi peringkat-peringkat di atas di perkhidmatan awam dan individu-individu dari kaum-kaum lain tidak diberi peluang untuk naik ke peringkat atas.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan-kakitangan Kerajaan sedang mengarahkan hal-hal jabatan. Mereka menurut telunjuk ahli-ahli politik. Ahli-ahli politik telah menetapkan tindakan-tindakan yang hendak diambil, cara-caranya dan tempohnya jika penduduk-penduduk sesuatu kawasan memerlukan kemudahan-kemudahan seperti bekalan elektrik dan air. Mereka perlu memohon untuk kelulusan dari Pejabat Daerah, ada di beberapa tempat di mana penduduk-penduduk telah mengemukakan permohonan tetapi Pejabat Daerah dengan sengaja tidak mementingkan beban rakyat. Salah satu Pejabat Daerah yang berkenaan yang sentiasa tidak mengambil berat terhadap keperluan rakyat ialah Pejabat Daerah Petaling. Kadangkala Pejabat Daerah menganaktirikan sebahagian penduduk misalnya di kawasan landasan keretapi di Petaling Jaya di mana semua penduduk dari satu kaum mendapat kemudahan-kemudahan ini. Jika kami menemui pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapatkan penyelesaian, kami diberitahu bahawa pegawai bertugas tidak ada di dalam pejabat atau beliau menghadiri mesyuarat. Keadaan seperti ini nampaknya tidak disiasat oleh pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, semua kaum di negara ini hendaklah diberi peluang yang sama dalam mengambil kakitangan Kerajaan, kelayakan, kebolehan, pengalaman dan kesesuaian calon-calon hendaklah diiktiraf secara benar pada masa pengambilan.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan menaikkan pangkat, gaji dan sebagainya hendaklah dibebaskan dari keutamaan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan-kakitangan Kerajaan hendaklah bertugas dengan berani tanpa dipengaruhi politik. Sistem pentadbiran awam yang sedia ada boleh dianggap sebagai satu bulatan dan tidak membawa sebarang hasil kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, segala sistem pentadbiran sedia ada perlu dikaji semula, diubahsuaikan. Sistem pentadbiran diteliti dengan tepat dan juga diseragamkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan ingin memberi amaran kepada Dewan ini bahawa jika sekiranya keadaan seperti ini dibiarkan tanpa sebarang tindakan, perkhidmatan awam kita akan menjadi satu masalah dan rintangan yang paling besar.

6.50 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, pengambilan kakitangan ke dalam perkhidmatan awam adalah mengikut syarat-syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kerajaan menurut Perkara 132 (2) Perlembagaan Persekutuan. Syarat-syarat kelayakan masuk ini ditetapkan berdasarkan kepada sesuatu skim perkhidmatan yang berkenaan. Oleh itu apabila sesuatu pengambilan hendak dibuat syarat-syarat kelayakan masuk yang

dikenakan adalah berdasarkan kepada keperluan sesuatu skim perkhidmatan. Dalam menjalankan fungsi melantik, Kerajaan sentiasa mengamalkan dasar persaingan terbuka dan berpegang kepada prinsip keadilan dan kesaksamaan. Selaras dengan dasar ini dan mengikut kehendak Perintah Am Bab A 1973, kekosongan jawatan untuk diisi hendaklah terlebih dahulu diiklankan sekurang-kurangnya dalam sebuah akhbar harian tempatan. Langkah ini adalah bertujuan untuk membolehkan semua warganegara Malaysia yang berkelayakan membuat permohonan untuk mengisi kekosongan tersebut.

Kebolehan dan kesesuaian seseorang calon merupakan faktor penting untuk memasuki perkhidmatan awam kerana sifat pegawai seperti ini akan dapat menjamin perkhidmatan awam yang cekap setiap masa. Pemilihan calon yang mempunyai kebolehan dan kesesuaian adalah melalui proses temuduga. Ketika temuduga inilah calon-calon akan dinilai dari segi sifat peribadinya, kelayakan dan pengalaman, kemahiran berkomunikasi dan juga kegiatan-kegiatan luar calon berkenaan.

Dalam pada itu sukacita juga dimaklumkan bahawa terdapat juga urusan pengambilan kakitangan Kerajaan dibuat tanpa iklan. Bagaimanapun urusan seperti ini jarang dilakukan dan ia hanya khusus untuk jawatan-jawatan tertentu sahaja di mana calon-calon yang berkelayakan. . . .

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya hendak bertanya Yang

Berhormat Menteri apakah satu kuota telah ditetapkan mengikut kaum dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan peratus dari segi pecahan kaum kakitangan-kakitangan Kerajaan? Sekian.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Terima kasih, Yang Berhormat. Kuota dan peratus kalau kita lihat tentang jumlah profesion di Malaysia sangat luas—perguruan, perubatan dan berbagai-bagai lagi yang kalau saya sebutkan kesemuanya sudah tentu akan melebihi jam 7.00 malam sebagaimana yang disyaratkan. Jadi, kalau sekiranya diperlukan, perkara itu bolehlah dipohon kemudian dan akan dinyatakan. Bagaimanapun urusan seperti ini jarang dilakukan dan ia hanya khusus untuk jawatan-jawatan tertentu sahaja di mana calon-calon yang berkelayakan dapat dikesan dan tidak ramai pula bilangannya di dalam pasaran.

Dr V. David: *(Bangun)*.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr V. David: Saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah lari daripada soalan asal saya. Fasal apa satu kaum sahaja boleh dapat air dalam satu kawasan dan kaum lain tidak boleh dapat?

Nombor dua, berapa belajar tinggi pun, kalau lain-lain kaum minta kerja tidak dapat. Satu kaum sahaja dapat. Itu macam mana, kerana Kerajaan Barisan Nasional terdiri semua bangsa, satu parti yang mana semua orang rakyat Malaysia jadi ahli tetapi sini ada diskriminasi. Itu sahaja saya mahu tahu.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, ada kawasan dapat air, ada kawasan tidak dapat air. Mungkin kalau kita tinggal di Selangor ini kita cuma tahu

ada beberapa kawasan yang dikatakan dapat air dan ada kawasan tidak dapat air. Tetapi kalau sekiranya kita melihat keseluruhan negara ini, kalau kita tengok secara meluas, kita akan tahu kawasan-kawasan yang sepatutnya dapat air terlebih dahulu daripada orang lain, tidak dapat air.

Dr V. David: Dia tidak faham. Saya beri keterangan sedikit.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: seperti di sebelah negeri-negeri Pantai Timur dan banyak lagi yang lain-lain.

Dr V. David: Saya beri.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Bila kita membincang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: maka kalau sekiranya kita.

Dr V. David: Yang Berhormat Menteri kata tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan.

Dr V. David: Dia tidak beri, baik.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kalau sekiranya kita hendak mempersoalkan sesuatu perkara adalah sangat wajar kalau sekiranya kita melihat alam ini dengan luas.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kita tidak boleh melihat alam kawasan yang hanya di

mana kita duduk sahaja sedangkan ianya merupakan satu kumpulan minoriti. Malaysia ini penduduknya sudah lebih daripada 15 juta orang. Jadi kalau kita hendak mengetahui adakah yang dikatakan tidak dapat air itu dikatakan sebagai satu perkara yang tidak wajar.

Dr V. David: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: dia hanya boleh diterima sebagai tidak adil kalau.

Dr V. David: Sebelah rumah ini ada air, sebelah tidak ada, macam mana itu?

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kalau di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita ada 15 juta orang, ertinya kita ada berjuta-juta buah rumah. Kalau kita dapati rumah di kampung Yang Berhormat misalnya ada yang sebelah dapat air, sebelah tidak dapat air, tetapi jangan kita lupa banyak lagi rumah-rumah yang lain mungkin keadaan yang sama juga yang boleh dipersoalkan.

Jadi perkara ini kalau kita hendak menjadi rasional maka sudah tentu adalah wajar kalau kita melihat secara keseluruhannya dan tidak boleh.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan.

Dr Eng Seng Chai: Cakap mahu atau tidak mahu beri jalan.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: dan tidak boleh menyempitkan fikiran.

Dr Eng Seng Chai: Boleh atau tidak boleh? Dia tidak pakai kaca mata, dia tidak nampak, Tuan Yang di-Pertua:

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Terima kasih. Rakyat Malaysia seharusnya bersyukur.

Dr Eng Seng Chai: Sepatutnya dia pakai kaca mata, ini terus cakap.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:kerana kita dapati Kerajaan kita ini sentiasa berpandangan luas dan meraikan kepentingan rakyat keseluruhannya, tidak hanya mementingkan satu golongan sahaja. Ini hanya dapat kita ketahui bila kita mengambil kira.

Tuan P. Patto: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan. Duduk Yang Berhormat!

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Ini hanya dapat kita ketahui bila kita mengambil kira pada keseluruhannya. Jadi sebab itulah hari ini Kerajaan mendapat sokongan yang kuat.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan. Duduk Yang Berhormat!

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Jadi, sebab itulah hari ini Kerajaan mendapat sokongan yang kuat daripada rakyat kerana apa-apa pun pertimbangan yang dibuat semuanya diasaskan kepada kepentingan orang ramai.

Tuan P. Patto: Penjelasan. Boleh beri jalan?

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sebagai contoh, pengambilan seperti ini ialah pengambilan ke jawatan pegawai.

Tuan P. Patto: Di dalam beberapa saat sahaja. Pertanyaan yang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak beri jalan Yang Berhormat. Duduk!

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Dasar pengambilan secara persaingan terbuka dan merit yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang ini tidak menghalang sesiapa sahaja yang layak untuk memohon masuk ke dalam perkhidmatan awam. Berpandukan kepada dasar yang diamalkan ini tidak mungkin boleh menyebabkan berlakunya polarisasi kaum dalam perkhidmatan awam. Walaupun begitu, apa yang berlaku sekarang ini mungkin dari segi tidak seimbangan bilangan antara kaum dalam perkhidmatan awam. Ketidak seimbangan ini sekiranya berlaku adalah disebabkan oleh ketetapan kuota mengikut peruntukan Perlembagaan atau kurangnya permohonan daripada kaum-kaum tertentu untuk menjawat sesuatu jawatan. Walau bagaimanapun, keadaan ini berlaku hanya bagi jawatan-jawatan tertentu sahaja.

Dr V. David: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah habis.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, satu pertanyaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah habis, Yang Berhormat.

Dr V. David: Negara punya pasal, rumah sebelah ini ada air, sebelah tidak ada. Ini pun tidak boleh jawab. (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, air sudah kering. (*Ketawa*).

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.